

LAPORAN TAHUNAN 2012

PUTRAJAYA, KUALA LUMPUR & LABUAN

WILAYAH

MAJU &

BANDAR

SEJAHTERA

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

PUTRAJAYA, KUALA LUMPUR & LABUAN

WILAYAH MAJU & BANDAR SEJAHTERA

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

ISSN 1823-5689

© KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR
Hak Cipta Terpelihara 2010

Disunting oleh :

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Aras G-7 Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2

62100 Putrajaya

Sumber Gambar:

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan

Pejabat Pengarah Tanah & Galian WPKL

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber di Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk jualan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.



PUTRAJAYA, KUALA LUMPUR & LABUAN

WILAYAH MAJU & BANDAR SEJAHTERA

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

PUTRAJAYA, KUALA LUMPUR & LABUAN

WILAYAH MAJU & BANDAR SEJAHTERA

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

ISI KANDUNGAN

PETIKAN PERUTUSAN

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar 06

PETIKAN ALU-ALUAN

Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar 08

KALENDAR KORPORAT

10

LAPORAN UNIT-UNIT DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN KWPKB

Bahagian Kesejahteraan Bandar 16
Bahagian Perancangan Dasar 28
Bahagian Pembangunan Strategik 40
Bahagian Khidmat Pengurusan 54
Bahagian Pengurusan Pembangunan 70
Bahagian Komunikasi Korporat 74
Bahagian Pengurusan Maklumat 84
Pejabat Penasihat Undang-Undang 88
Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan 92
Bahagian Audit Dalam 96

LAPORAN AGENSI-AGENSI KWPKB

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 98
Perbadanan Putrajaya (PPj) 104
Perbadanan Labuan (PL) 122
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) 130
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) 136
Pejabat Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 140



PETIKAN PERUTUSAN

MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN
KESEJAHTERAAN BANDAR

MENARA BERKEMBAR PETRONAS (KLCC), KUALA LUMPUR

PETIKAN PERUTUSAN

MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

1. Pembangunan K-Baru

“Bagi meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat golongan berpendapatan rendah, khususnya di kawasan dalam bandaraya Kuala Lumpur; Kementerian telah melaksanakan projek pembangunan semula kawasan-kawasan perumahan, dengan jenama Kehidupan Baru atau ringkasnya K-Baru. Perintis projek di bawah jenama ini, adalah Pembangunan Semula Rumah Pangsa 4 Tingkat Kampung Kerinchi yang telah berusia lebih 40 tahun.”

2. Perumahan PPR

“Bagi membolehkan rakyat yang tidak berupaya mendapatkan sokongan pinjaman perumahan, Kementerian telah memberikan langkah penyelesaian sebagai ikhtiar berterusan untuk membantu rakyat memiliki rumah, dengan menubuhkan Skim Pembiayaan Khas Pembelian Rumah PPR Dan Perumahan Awam yang dipertanggungjawab kepada Yayasan Wilayah Persekutuan dan DBKL. Pada tahun 2012, sejumlah 6,255 unit rumah telah berjaya dibiayai menerusi skim khas ini.”

3. Penjaja dan Peniaga Kecil


“Bagi memperkasa kesemua persatuan ini agar duduk sepakat dan saling bantu-membantu, Kementerian dengan kerjasama ketiga-tiga Agensi di setiap Wilayah telah menubuhkan Majlis Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan, untuk membolehkan kesemua mereka duduk di bawah satu majlis khas yang memayungi persatuan-persatuan ini bukan sahaja di Kuala Lumpur, malahan di Putrajaya dan Labuan.”

4. Pengangkutan Awam

“Projek-projek berimpak tinggi di bawah inisiatif NKEA Greater Kuala Lumpur / Klang Valley seperti River of Life, Pedestrian Walkway, Heritage Trails, Greener KL dan projek MyRapid Transit telah dapat terus diusahakan dan kini sudah mula menampilkan hasil serta juga dapat dilihat sendiri pembangunan secara fizikalnya oleh warga Wilayah Persekutuan.”

5. Penyelenggaraan Prasarana & Kemudahan Awam TP1M

“Demi memperjuangkan nasib rakyat jelata yang berada dalam Wilayah Persekutuan; Kementerian telah melancarkan Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) yang bertujuan membantu Management Committee (MC), Joint Management Board (JMB) dan Persatuan Penduduk bagi jenis Rumah Bertingkat Kos Rendah Swasta dan Kos Sederhana Rendah Swasta melaksanakan penyelenggaraan dan baik pulih.”



6. Perkhidmatan & Penguatkuasa

“Menyedari aspek mencegah dan mengawal jenayah terhadap wanita perlu di pandang serius, Kementerian menerusi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mensyaratkan supaya bangunan-bangunan komersial baru yang akan dibina di ibu negara kelak, perlu menyediakan tempat letak kereta khas bagi pemandu wanita yang berseorangan, sebagai mana keperluan untuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU).”

7. Prihatin

“Dalam menyemai dan memupuk masyarakat bandar yang bersusila dan sentiasa cintakan alam sekitar, termasuk membudayakan amalan kebersihan dan penjagaan harta benda awam secara bersama, Kementerian patik menerusi Prihatin Rakyat memperkenalkan program yang dipanggil SAHABAT bagi kesemua kawasan tamantaman awam, taman rekreasi dan taman permainan, serta bangunan ataupun binaan yang bertujuan untuk kemudahan umum kepada rakyat.”

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN

Petikan Ucapan Sempena Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan.

PETIKAN ALU-ALUAN

KETUA SETIAUSAHA,
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN

BANGUNAN PERDANA PUTRA, PUTRAJAYA

PETIKAN ALU-ALUAN

KETUA SETIAUSAHA,
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

“Dalam menjalani kecemerlangan dan mutu kerja yang lebih efisien untuk sepanjang tahun 2012 ini pula, setiap penjawat awam di kalangan kita, perlu sentiasa anjal atau fleksibel dalam mendepani perubahan-perubahan yang berlaku, untuk menjadikan sektor Perkhidmatan Awam sebagai pemacu dan pemangkin kepada aspirasi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Atas kesedaran itu, Kerajaan memerlukan transformasi sektor awam. Usaha transformasi ini, perlu di perkasa dan diperluaskan, bukan setakat di Kementerian bahkan meliputi semua Agensi. Bagi melaksanakan inisiatif transformasi ini, Kementerian dan Agensi perlu menggandakan usaha, meningkatkan potensi dan kompetensi warga kerja bagi melahirkan pegawai awam yang menjadi juara dalam membantu masyarakat.”

30 Oktober 2012, Sesi perjumpaan khas penjawat awam

“Pelbagai program peningkatan kualiti telah dilaksanakan bagi memantapkan lagi sistem pengurusan kualiti secara menyeluruh di peringkat Kementerian. Antaranya ialah menggunakan Konsep Sistem Persekitaran Berkualiti (QES) sebagai management tools dalam pengurusan kualiti dan produktiviti, di samping mengadakan Pertandingan Zon Kreatif dan Inovatif, Anugerah Pembaca Buku Cemerlang dan Pelancaran Pertandingan Idea Inovasi. Dengan 30 prosedur kualiti yang telah dipersijilkan dan sebanyak 24 lagi prosedur bakal dipersijilkan pada tahun ini, saya berharap sistem penyampaian perkhidmatan Kementerian akan berada di tahap yang tinggi, konsisten dan dapat memenuhi kehendak pelanggan.”

20 Disember 2012, Sempena Sambutan Hari Inovasi
Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar Tahun 2012

“Pencapaian perkhidmatan KWPKB dan Agensinya dibuktikan dengan pengiktirafan-pengiktirafan serta kejayaan-kejayaan yang diterima, baik oleh Wilayah Kuala Lumpur, Labuan mahupun Putrajaya. Kejayaan ini tidak datang bergolek, sebaliknya ia hasil daripada rantaian tugas dan peranan yang saling bertaut dan berkaitan dalam pelbagai peringkat dan kapasiti para pegawai dan kakitangan KWPKB serta Agensinya.”

10 April 2012,
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2011



”Pemantapan kepada mekanisme kualiti seperti MS ISO 9001:2008 amatlah perlu diberi perhatian. Selain itu, kita juga akan menghadapi Pengauditan Sistem Star Rating (SSR) yang bakal mencerminkan status dan imej Kementerian. Bagi pembangunan sukan pula, SUKMA telah pun semakin hampir dan persediaan sedang giat dilaksanakan. Di dalam bengkel yang telah dilaksanakan, kita telah menasaskan lebih daripada 60 pingat emas bagi menempatkan Wilayah Persekutuan di tangga teratas. Insya Allah perkara ini akan dapat dicapai dengan usaha yang bersungguh-sungguh.”

RABU, 29 FEBRUARI 2012, Majlis Perhimpunan Bulanan KWPKB
bagi bulan Februari 2012

YBHG. DATO' ADNAN BIN HAJI MD IKSHAN

KALENDAR KORPORAT 2012

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN

MASJID JAMEK AN NUR, LABUAN



1 Januari 2012

Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera
Wilayah Persekutuan oleh YB. Menteri KWPKB



17 Januari 2012

Perhimpunan Bulanan Peringkat YB Menteri



28 Januari 2012

Majlis Pelancaran Sambutan HWP 2012



1 Februari 2012

Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang
dan Pingat Wilayah Persekutuan



21 Februari 2012

Majlis Perasmian Terminal Sejahtera
Kampung Bharu



23-26 Februari 2012

Karnival WOW! Putrajaya

KALENDAR KORPORAT 2012

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR



26 Februari 2012

Majlis Perutup Sambutan HWP 2012.



12 Mei 2012

Majlis Pelancaran K-Baru Kampung Kerinchi KL.



7 Mac 2012

Sesi Roadshow Skim Pembiayaan Khas Perjualan Program PPR MTEN dan PA DBKL



29 Mei 2012

Majlis Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil WP Peringkat Pusat.



28 April 2012

Majlis Pelancaran Program Penanaman Pokok Secara Serentak bagi Peringkat WP Baji Tahun 2012.





30 jun 2012

Majlis Perasmian Festival Bunga dan Taman Putrajaya (FLORIA)



5 jun 2012

Program Peluasan Dasar TPM Malaysia ke seluruh Negeri Johor Baharu



11 Julai 2012

Majlis Sepanjang Jalan Kenangan Bersama KSN



12 Ogos 2012

Majlis Buka Puasa @ WP K



14 Ogos 2012

Moreh Media @ SIME DARBY Convention Centre.



7 september 2012 Perhimpunan Bulanan Peringkat YB Menteri



19 september 2012 Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat WP ke-9 Tahun 2012



10 september 2012 Rumah Terbuka Aidilfitri @ WP Labuan



15 oktober 2012 Majlis Pelancaran Sesi Penilaian Pertunjuk Prestasi Utama (KP) Antara Kawasan Perumahan DBKL



2 november 2012

Majlis Pelancaran Program Blog For FT Ekspresi KWPKB.



2 november 2012

Program CSR Kempen Kebersihan Bersama Fumakilla



04 disember 2012

Majlis Penghargaan Media 2012



20 disember 2012

Sambutan Hari Inovasi Tahun 2012

+ Laporan Bahagian +

BAHAGIAN KESEJAHTERAAN BANDAR

MUZIUM TEKSTIL NEGARA, KUALA LUMPUR

BAHAGIAN KESEJAHTERAAN BANDAR

PENGENALAN



Bahagian ini bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti kesejahteraan bandar menerusi program pembasmian kemiskinan bandar; pembangunan sosial; dan pembangunan ekonomi.

1. PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB)

Program ini bertujuan untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah di bandar meningkatkan kualiti hidup di samping mengurangkan beban tanggungan keluarga. Pelaksanaan PPKB selari dengan hasrat Kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMK-10) iaitu untuk mengurangkan kemiskinan daripada 3.8% pada tahun 2009 kepada 2.0% pada tahun 2015 dan meningkatkan purata pendapatan isi rumah berpendapatan

40% terendah (dirujuk sebagai B40) daripada RM1,440 pada tahun 2009 kepada RM2,300 pada tahun 2015.

1.1 Bantuan Sewa Rumah

Bantuan sewa rumah bertujuan untuk mengurangkan beban tanggungan keluarga dalam mendapatkan tempat kediaman yang lebih selesa dan selamat untuk didiami. Bantuan ini diberikan kepada isi rumah yang berstatus miskin dan miskin tegar yang berdaftar dan disahkan dengan eKasih yang menyewa semua jenis rumah kecuali rumah setinggan serta rumah program sewa beli milik Kerajaan Negeri. Pada tahun 2012, seramai 7,778 KIR telah menerima bantuan berkenaan di seluruh negara seperti jadual di bawah:

| BIL | NEGERI | JUMLAH KIR | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|-----|-----------------|------------|--------------------------|
| 1. | JOHOR | 441 | 656,208.00 |
| 2. | KEDAH | 345 | 513,360.00 |
| 3. | KELANTAN | 1,037 | 1,543,056.00 |
| 4. | MELAKA | 488 | 726,144.00 |
| 5. | NEGERI SEMBILAN | 255 | 379,440.00 |
| 6. | PERLIS | 175 | 260,400.00 |
| 7. | PAHANG | 451 | 671,088.00 |
| 8. | PERAK | 303 | 450,864.00 |
| 9. | PULAU PINANG | 309 | 459,792.00 |

| BIL | NEGERI | JUMLAH KIR | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|---------------|-----------------|--------------|--------------------------|
| 10. | SELANGOR | 1,046 | 1,556,448.00 |
| 11. | TERENGGANU | 247 | 367,536.00 |
| 12. | SABAH | 691 | 1,028,208.00 |
| 13. | SARAWAK | 346 | 514,848.00 |
| 14. | WP KUALA LUMPUR | 1,596 | 2,374,848.00 |
| 15. | WP LABUAN | 48 | 71,424.00 |
| JUMLAH | | 7,778 | 11,573,664.00 |

1.2 Bantuan Perumahan Bandar

Bantuan Perumahan Bandar meliputi bina baru rumah dan baik pulih rumah yang bertujuan untuk menyediakan tempat kediaman yang selamat dan selesa bagi menyumbang kepada kehidupan berkualiti. Bantuan ini diberikan kepada isi rumah berstatus miskin termasuk miskin tegar dan mudah miskin yang berdaftar dan disahkan dengan eKasih yang mendiami rumah yang rosak, daif atau tidak selamat untuk diduduki. Perincian bantuan perumahan bandar bagi tahun 2012 adalah seperti berikut:

| BIL | NEGERI | JUMLAH KIR | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|---------------|-----------------|------------|--------------------------|
| 1. | JOHOR | 10 | 270,000.00 |
| 2. | KEDAH | 11 | 285,000.00 |
| 3. | KELANTAN | 1 | 35,000.00 |
| 4. | MELAKA | 7 | 280,000.00 |
| 5. | NEGERI SEMBILAN | 10 | 250,000.00 |
| 6. | PERLIS | 24 | 480,000.00 |
| 7. | PAHANG | 69 | 2,035,000.00 |
| 8. | PERAK | 31 | 630,000.00 |
| 9. | PULAU PINANG | 16 | 193,000.00 |
| 10. | TERENGGANU | 59 | 2,045,000.00 |
| 11. | SABAH | 50 | 2,000,000.00 |
| 12. | SARAWAK | 93 | 2,901,000.00 |
| 13. | WP LABUAN | 5 | 190,000.00 |
| JUMLAH | | 386 | 11,594,000.00 |

1.3 Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan (Azam Bandar)

Pada tahun 2012, seramai 1,600 peserta telah mengikuti program latihan kemahiran dan keusahawanan yang dianjurkan oleh KWPKB dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Profesional Melayu Malaysia (PPMM), Dewan Usahawan Industri Desa (DUID) dan Persatuan Seni Jahitan Kreatif (PSJK). Program ini dilaksanakan secara berpakej yang meliputi:

- i. Pembangunan Minda Insan bertujuan untuk meningkatkan motivasi, pembangunan minda dan jati diri kepada kumpulan sasaran.
- ii. Program Bina Upaya bertujuan untuk meningkatkan kemahiran golongan sasaran supaya mereka mudah mendapat pekerjaan atau mengusahakan perniagaan agar dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi.
- iii. Program Jana Pendapatan Keusahawanan bertujuan menggalakkan penyertaan kumpulan sasaran dalam projek keusahawanan melalui bantuan yang diberikan dalam pelbagai bentuk seperti bimbingan, peralatan perniagaan dan modal permulaan.
- iv. Bilangan peserta yang terlibat mengikuti program latihan kemahiran dan keusahawanan pada tahun 2012 adalah seperti berikut:

| BIL | NEGERI | JUMLAH KIR |
|---------------|-----------------|--------------|
| 1. | JOHOR | 227 |
| 2. | KEDAH | 73 |
| 3. | KELANTAN | 123 |
| 4. | MELAKA | 15 |
| 5. | NEGERI SEMBILAN | 68 |
| 6. | PERLIS | 37 |
| 7. | PAHANG | 217 |
| 8. | PERAK | 77 |
| 9. | PULAU PINANG | 236 |
| 10. | SELANGOR | 160 |
| 11. | TERENGGANU | 310 |
| 12. | WP KUALA LUMPUR | 57 |
| JUMLAH | | 1,600 |

Daripada jumlah 1,600 peserta yang dilatih, seramai 981 peserta telah menjana pendapatan dengan purata pendapatan bulanan seperti berikut:

| BILANGAN PESERTA YANG MENJANA PENDAPATAN SELEPAS TAMAT LATIHAN | | |
|--|---------------------------|----------------|
| BIL | PURATA PENDAPATAN BULANAN | JUMLAH PESERTA |
| 1. | Bawah RM500 | 645 |
| 2. | RM500 – RM1,000.00 | 234 |
| 3. | Melebihi RM1,000.00 | 102 |
| JUMLAH | | 981 |

1.4 Projek Terminal Sejahtera

Projek Terminal Sejahtera bertujuan untuk menyediakan kemudahan pembelajaran sendiri di luar waktu sekolah secara percuma kepada pelajar dari golongan berpendapatan 40% terendah (B40). Selain itu, projek ini dijangka dapat mengurangkan jurang pencapaian akademik dan meningkatkan prestasi pelajar dari kalangan isi rumah berkenaan. Setiap Terminal Sejahtera dilengkapi dengan makmal komputer, bilik tutorial, bilik server dan bilik pentadbiran. Pada tahun 2012, pembangunan Terminal

Sejahtera melibatkan enam (6) lokasi di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu di Perbadanan Labuan; Majlis Bandar Raya Melaka Bersejarah; Majlis Bandaraya Johor Bharu; Majlis Bandaraya Miri; Majlis Perbandaran Dungun; dan Majlis Daerah Tanjong Malim.

Keenam-enam Terminal Sejahtera tersebut dijangka akan dapat dimanfaatkan oleh para pelajar di kawasan sekitar pada tahun 2013.

1.5 Projek Kios Penjaja

Projek ini dilaksanakan bertujuan untuk menggalakkan penyertaan kumpulan sasar dalam projek keusahawanan bagi menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup. Pada tahun 2012, 15 PBT telah diberi peruntukan untuk membina kios penjaja seperti berikut:

| BIL | NEGERI | BILANGAN KIOS PENJAJA | PERUNTUKAN (RM) |
|-----|----------------------------------|-----------------------|-----------------|
| 1. | MAJLIS DAERAH MARADONG DAN JULAU | 10 | 150,000.00 |
| 2. | MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN | 30 | 450,000.00 |
| 3. | DEWAN BANDAR RAYA KOTA KINABALU | 15 | 225,000.00 |
| 4. | MAJLIS DAERAH GERIK | 2 | 30,000.00 |
| 5. | MAJLIS DAERAH BESUT | 7 | 155,000.00 |
| 6. | MAJLIS DAERAH TAMPIN | 10 | 150,000.00 |

| BIL | NEGERI | BILANGAN KIOS PENJAJA | PERUNTUKAN (RM) |
|---------------|----------------------------|-----------------------|---------------------|
| 7. | MAJLIS DAERAH JELEBU | 5 | 75,000.00 |
| 8. | MAJLIS DAERAH LIPIS | 2 | 30,000.00 |
| 9. | MAJLIS DAERAH BERA | 7 | 105,000.00 |
| 10. | MAJLIS DAERAH PITAS | 10 | 150,000.00 |
| 11. | MAJLIS DAERAH KOTA MARUDU | 15 | 225,000.00 |
| 12. | MAJLIS DAERAH LIMBANG | 5 | 75,000.00 |
| 13. | MAJLIS DAERAH KINABATANGAN | 15 | 225,000.00 |
| 14. | MAJLIS DAERAH LAHAD DATU | 15 | 225,000.00 |
| 15. | MAJLIS PERBANDARAN KANGAR | 19 | 285,000.00 |
| JUMLAH | | 167 | 2,555,000.00 |

Kesemua 167 kios ini dijangka dapat diserahkan kepada penerima yang layak pada hujung bulan Februari 2013.

1.6 Program Ziarah Kesejahteraan Bandar

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk merapatkan hubungan antara pemimpin dengan rakyat selain menunjukkan keprihatinan Kerajaan terhadap permasalahan yang dihadapi oleh golongan miskin dan berpendapatan rendah dengan mengadakan lawatan ke rumah-rumah mereka di samping menyampaikan beberapa bantuan dan sumbangan. Program Ziarah Kesejahteraan Bandar yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut:

| BIL | TEMPAT | JUMLAH KIR |
|-----|-------------------------------|------------------|
| 1. | BENTONG, PAHANG | 27 FEBRUARI 2012 |
| 2. | KANGAR, PERLIS | 16 MAC 2012 |
| 3. | PENAMPANG, SABAH | 16 APRIL 2012 |
| 4. | BUKIT SELAMBAU, KEDAH | 20 APRIL 2012 |
| 5. | PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN | 19 MEI 2012 |
| 6. | MIRI, SARAWAK | 25 MEI 2012 |

1.7 Program Amanah Saham 2020-Bandar (ASW Bandar)

ASW-Bandar adalah bertujuan untuk membantu golongan miskin tegar dan miskin di bandar memperoleh pendapatan tambahan melalui pemberian dividen tahunan dan sebagai inisiatif untuk menggalakkan mereka melabur di dalam pasaran saham yang dijamin oleh Kerajaan. Pada tahun 2012, seramai 206 KIR etnik India telah didaftarkan dan menjadikan keseluruhan bilangan peserta Program ASW 2020 Bandar sehingga 31 Disember 2012 seramai 5,953 KIR.





Salah seorang penerima bantuan baik pulih rumah

2. PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIAL

2.1 Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar (MPKB) Wilayah Persekutuan

MPKB diwujudkan secara pentadbiran dan bergerak sebagai satu entiti yang dianggotai oleh masyarakat setempat bagi mendukung dan memantau pelaksanaan program-program kemasyarakatan dan modal insan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pada 19 April 2011, Bahagian ini telah mengadakan satu majlis taklimat MPKB di Putrajaya yang melibatkan persatuan penduduk dan wakil-wakil penduduk. Seramai 200 orang peserta telah menghadiri taklimat ini. Taklimat ini bertujuan memberikan penerangan mengenai tujuan, fungsi, struktur, tanggungjawab, keanggotaan, pentadbiran dan pelaksanaan program serta aktiviti MPKB. Pada 7 Julai 2011 telah diadakan Majlis pelancaran MPKB peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya yang disempurnakan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Bagi memperkukuhkan lagi pelaksanaan MPKB di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Bahagian ini telah mengadakan dua program bagi meningkatkan pelaksanaan dan pengurusan operasi MPKB iaitu Kursus Kepimpinan Bagi Anggota MPKB telah diadakan pada 16 Jun 2012 (Sabtu) bertempat di Dewan Serbaguna, KWPKB dan Bengkel Penilaian Outcome Program dan Aktiviti Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar (MPKB) Wilayah Persekutuan Putrajaya, di Avillion Legacy Hotel, Melaka pada 19 hingga 21 Oktober 2012.

Di samping itu, bagi tempoh 2011 hingga 2012, Kementerian telah menyalurkan peruntukan kepada MPKB Sub Zon peringkat Putrajaya melalui Perbadanan Putrajaya sebanyak RM567,600.00 bagi pelaksanaan program/aktiviti dan pengurusan. Sepanjang tempoh itu juga, MPKB Sub Zon telah mengadakan pelbagai jenis program dan aktiviti termasuklah program kesihatan, pendidikan, pertandingan sukan dan program riadah yang melibatkan penyertaan komuniti di kawasan pentadbiran MPKB Sub Zon masing-masing.



Antara pengisian aktiviti di Program Gerakan Tumpuan (PGT)

2.2 Program Gerakan Tumpuan (PGT)

PGT adalah merupakan satu program tahunan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) yang pelaksanaannya bertujuan untuk menangani masalah jenayah dan sosial secara bersepadu dan komprehensif dengan kerjasama lebih 20 buah Jabatan atau Agensi yang berkaitan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Jabatan Penerangan Malaysia dan sebagainya. Ia juga adalah inisiatif Kementerian bagi membantu pencapaian salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu mengurangkan kadar jenayah di kawasan yang telah dikenal pasti sebagai hot spot jenayah.

Pada tahun 2012, Majlis Pelancaran PGT telah dilaksanakan di kawasan Sentul pada 8 Jun hingga 10 Jun 2012 dan telah dirasmikan oleh YB Dato Raja Nong Chik bin Dato Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan ini diikuti dengan penganjuran PGT di luar Kuala Lumpur iaitu di Johor Bahru Selatan yang telah dilancarkan pada 5 - 7 Oktober 2012 oleh YB Datuk M.Saravanan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.



Atas & bawah: Antara pengisian aktiviti di Program Gerakan Tumpuan (PGT)



2.3 Program KPI Kebersihan

Penilaian KPI Kebersihan Antara Kawasan Perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merupakan satu program yang dirangka bagi tujuan meningkatkan penghayatan serta amalan gaya hidup bersih di persekitaran kejiranan sehinggalah ke unit kediaman secara individu di kalangan warga perumahan DBKL. Program ini bukanlah dianggap sebagai satu pertandingan yang berfokus pada sesuatu tempoh

tertentu sahaja, namun ia lebih kepada penetapan satu standard kebersihan yang kekal untuk diikuti sepanjang masa. Ia juga bermatlamat supaya usaha pembudayaan kebersihan di setiap kawasan perumahan DBKL dapat dilaksanakan dengan lebih realistik dan sistematik kerana ia memberi kesan jangka panjang dari segi kebersihan persekitaran, seni taman, keindahan dan kreativiti.



Barisan panel penilai KPI Kebersihan



Sesi pelepasan kepada setiap kumpulan panel penilai



Atas : Pemenang KPI Kebersihan Perumahan DBKL 2012

Bawah : Panel penilai sedang melaksanakan penilaian di PPR Hiliran Ampang Blok A



+ Laporan Bahagian +

BAHAGIAN PERANCANGAN DASAR

PELABUHAN LABUAN, LABUAN

BAHAGIAN PERANCANGAN DASAR

PENGENALAN



1. LESEN 1WILAYAH (LIW)

Melalui inisiatif semakan semula lesen perniagaan di bawah Focus Group On Business Process Re-Engineering (FGBPR) dan beberapa sesi bengkel yang telah diadakan pada tahun 2011, Kementerian dan Agensi KWPKB telah menyemak semula 32 lesen. Daripada jumlah tersebut, permohonan bagi 30 lesen telah dipermudah melibatkan 21 lesen disatukan di bawah lesen 1Wilayah dan sembilan (9) dikekalkan manakala dua (2) lesen dimansuhkan.

21 lesen yang telah dipermudahkan meliputi empat (4) Undang-Undang kecil iaitu :-

- i. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian;
- ii. Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan;
- iii. Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja; dan
- iv. Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja.

Dengan pembangunan projek sistem Lesen 1Wilayah ini, ia akan dapat memudahkan pemohon mendapatkan perkhidmatan di samping menjimatkan kos dan masa. Sistem ini dijangka akan mula beroperasi sepenuhnya pada hujung tahun 2015.



Bengkel Draf Undang-Undang Kecil Lesen 1Wilayah

2. GARIS PANDUAN IKLAN WILAYAH PERSEKUTUAN 2012

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah membuat penilaian ke atas Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar (2009) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan hasil maklum balas perbincangan dengan Agensi di bawah KWPKB, adalah didapati bahawa garis panduan tersebut perlu dibuat pengubahsuaian supaya lebih praktikal untuk pelaksanaan di Wilayah Persekutuan kerana isu-isu dan cabaran yang lebih rumit dan spesifik khususnya di Kuala Lumpur berbanding bandar-bandar lain di negara ini.

Fungsi utama paparan iklan adalah sebagai pemberitahuan, promosi dan pengiklanan sesuatu aktiviti perniagaan, produk dan perkhidmatan dan ia perlu di kawalselia supaya tidak menjejaskan kualiti persekitaran sesuatu kawasan kediaman, infrastruktur awam, keselamatan umum terutamanya pengguna jalan raya. Pengurusan paparan iklan yang cekap akan menggambarkan kualiti persekitaran perbandaran yang dinamik, terancang, menarik, berdaya huni tanpa mengorbankan ciri-ciri unik atau keaslian sesuatu bandar tersebut.

Garis Panduan Iklan Wilayah Persekutuan telah disediakan untuk mewujudkan pengurusan paparan iklan yang seragam, teratur di samping menjamin keselamatan serta kesejahteraan warga kota di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Skop Garis Panduan Iklan Wilayah Persekutuan ini merangkumi aspek saiz, kandungan, reka bentuk, peletakan dan lokasi. Garis panduan ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Garis Panduan Umum dan Garis Panduan Khusus:-

- i. Garis Panduan Umum merujuk kepada aspek keselamatan dan kesejahteraan umum serta visual persekitaran kesan daripada pemasangan papan iklan; dan
- ii. Garis Panduan Khusus merujuk kepada aspek struktur fizikal pemasangan iklan seperti piawaian saiz, reka bentuk dan lokasi mengikut kategori iklan.



Kiri : Bengkel Pembangunan Sistem Bersepadu Lesen 1Wilayah

Kanan : Buku Garis Panduan Iklan 2012

3. PELAN PENGURUSAN RISIKO KWPKB

Pengurusan Risiko merupakan salah satu kriteria penting yang disenaraikan di bawah Penilaian Penarafan Bintang (Star Rating). Penetapan ini adalah seiring dengan arahan YAB Perdana Menteri Bil.1/2009 : Gerakan Pematapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus. Bagi memenuhi keperluan kritikal tersebut, Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri telah mengambil inisiatif untuk membantu Kementerian dalam membangunkan Pelan Pengurusan Risiko yang lebih komprehensif dan holistik. Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko tersebut akan menjadi *deliverables* utama kepada kesinambungan dan kestabilan

sistem penyampaian dan sekaligus mengelakkan sebarang risiko yang berupaya melumpuhkan penyampaian perkhidmatan teras Kementerian.

KWPKB dengan kerjasama MAMPU telah berjaya mengadakan Bengkel 'Sehari' Bersama Pengurusan Risiko KWPKB pada 21 Mac 2012. Hasil dari bengkel tersebut, satu Laporan Penilaian dan Strategi Kawalan Risiko KWPKB telah berjaya disiapkan. Ianya akan menjadi panduan dan rujukan dalam melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko di peringkat Kementerian. Laporan tersebut juga telah diluluskan oleh pihak MAMPU semasa Majlis Sign-Off Pengurusan Risiko Kementerian-Kementerian yang telah diadakan pada 28 Mei 2012.

GAMBAR BENGKEL
**'SEHARI' BERSAMA
PENGURUSAN
RISIKO**







KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN
DAN
KESEJAHTERAAN
BANDAR

LAPORAN

Penilaian & Strategi Kawalan

RISIKO

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

BORANG SIGN-OFF PROJEK

NAMA PROJEK

Penyediaan Laporan Penilaian dan Strategi Kawalan Risiko Kementerian

SKOP PROJEK

- Menyediakan cadangan dan melaksanakan pendekatan Lab Pengurusan Risiko Kementerian
- Menyediakan modeliti dan format Laporan Penilaian dan Strategi Kawalan Risiko
- Memantau penyediaan Laporan Penilaian dan Strategi Kawalan Risiko berdasarkan metodologi yang dipersetujui
- Menyemak Laporan Penilaian Risiko dan Strategi Kawalan Risiko Kementerian

HASILAN PROJEK

Laporan Penilaian dan Strategi Kawalan Risiko Kementerian

PASUKAN PROJEK

- Puan Amy Lisa bt Bajuri
- Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri
- Cik Asfahazira bt Bujang
- Cik Nurazlin bt A. Aziz

PERAKUAN

Dengan ini diperakukan bahawa projek telah dilaksanakan seperti mana yang ditetapkan di dalam skop projek.

TARIKH SIGN OFF

28 Mei 2012

PENGARAH PROJEK



Dr. Kamarudin Min

Pengarah

Bahagian Transformasi Sektor Awam

MAMPU

CHIEF RISK OFFICER



Nama:

Jawatan:

Kementerian:

Kementerian Infrastruktur, Perumahan
Dan Kerajaan Bandar



YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan tetamu kehormat sedang menyanyikan lagu Negaraku dan Maju dan Sejahtera

4. LOCAL AGENDA 21

Program Gotong-rotong Bukit Bintang “Jom Bersih Bukit Bintang” telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada April 2012 dan 10 November 2012 di atas inisiatif Hotel Federal Kuala Lumpur dengan kerjasama KWPKB, DBKL, badan-badan swasta serta orang perseorangan. Pelancaran program ini telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar bagi program pertama dan YBhg Dato’ Bandar KL pada program kedua dan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan KWPKB, Agensi dan Kementerian lain serta pihak swasta. Program ini diadakan bertujuan memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan untuk menjaga alam sekitar dan menggalakkan penyertaan orang ramai dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Kedua-dua program berkenaan dihadiri lebih 600 orang dari pelbagai sektor seperti Agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, peniaga dan penjaja serta masyarakat tempatan. Lanjutan daripada program tersebut disediakan Laporan Program Gotong-royong Edisi ke-2 dan Edisi ke 3 bagi melaporkan kemajuan pelaksanaan program bagi tahun 2012. Apa yang penting adalah menggalakkan masyarakat dan pelancong supaya menjaga kebersihan dan menghargai kemudahan yang disediakan untuk kegunaan bersama.

Program Sehari Bersama Local Agenda 21 Wilayah Persekutuan dan Hari Kitar Semula diadakan pada 4 hingga 6 Julai 2012 di Hotel Grand Dorsett, Labuan. Seramai 120 orang peserta bengkel yang hadir daripada Agensi di bawah KWKB, Kementerian, NGO, swasta yang dijemput hadir (KPKT, KPKK, BERNAMA, YAWA, YMB, NASCOM, Pertubuhan Belia, Persatuan Penduduk

KL, Labuan dan Putrajaya) untuk membincangkan program kitar semula yang perlu disediakan untuk Wilayah Persekutuan. Program ini dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KWPKB dan turut dihadiri oleh pegawai kanan KWPKB dan Agensi serta wakil rakyat Labuan serta pegawai-pegawai kanan daripada Labuan sendiri.

Beberapa kertas kerja dibentangkan untuk memberikan pengalaman dan pengetahuan kepada peserta yang hadir. Antara pengalaman yang dipelajari adalah penggunaan barangan kitar semula, pengurangan penghasilan sampah, penjagaan keselamatan jalan raya, aktiviti para remaja yang bermanfaat serta aktiviti yang dijalankan oleh agensi dan Persatuan Penduduk yang dapat memberikan faedah kepada masyarakat.

Mesyuarat Dan Dialog Perkongsian Ilmu Melalui Pendekatan Local Agenda 21 Wilayah Persekutuan ke Kuching pada 7 hingga 10 Oktober 2012 dihadiri oleh 27 peserta daripada KWPKB, Agensi, pihak swasta, NGO dan penduduk KL, Putrajaya dan Labuan. Tujuan program ini adalah untuk melihat pelaksanaan LA 21 di DBKU yang merangkumi aspek sosial, ekonomi dan persekitaran. Para peserta turut dirai oleh Datuk Bandar Kuching Utara serta pegawai kanan Agensi di Kuching.

Antara perkara yang dapat dipelajari adalah program kemasyarakatan dapat diaplikasikan sekiranya mendapat kerjasama yang erat dan membina ekonomi yang kukuh (koperasi, kebun komuniti dan sebagainya).

Program Lawatan Perkongsian Ilmu Melalui Program Perkhidmatan Perbandaran Ke Majlis Bandar Raya Melaka Bersejarah (MBMB) Dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) pada 19 hingga 21 November 2012 dihadiri oleh 22 orang pegawai-pegawai dari KWPKB, pegawai-pegawai teknikal daripada DBKL, pengurus pejabat cawangan KL dan swasta/ NGO yang terlibat dengan aktiviti kebersihan dan perkhidmatan perbandaran.

Tanggungjawab menjaga kebersihan bukan hanya kepada Kerajaan sahaja tetapi perlu dipupuk di kalangan masyarakat dan semua peringkat tidak mengira usia termasuklah kerjasama daripada pihak swasta dan NGO dalam aktiviti yang dirancang.



Kiri atas : YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan mantan Ketua Setiausaha KWPKB sedang mengikuti acara senamrobik bersama semua peserta.

Kanan atas: YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sedang melepaskan peserta gotong-royong (upacara flag off)

Bawah : YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sedang beramah mesra dengan para pelajar yang menyertai gotong-royong



Kiri atas: YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sedang menyertai acara gotong-royong bersama Alam Flora

Kanan atas: Acara cabutan nombor bertuah bersama dengan mantan Ketua Setiausaha KWPKB

Bawah: Acara cabutan nombor bertuah bersama dengan mantan Ketua Setiausaha KWPKB



Atas: Peserta mendengar taklimat daripada Urus Setia

Bawah: Lawatan dan taklimat daripada Yang DiPertua Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah bersama dengan peserta lawatan daripada Majlis Perbandaran Miri



Atas: Peserta bergambar bersama dengan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Melaka Bersejarah



Bawah: Peserta dibawa menaiki 'river cruise' untuk melihat keindahan Sungai Melaka di waktu malam

+ Laporan Bahagian +

BAHAGIAN PEMBANGUNAN STRATEGIK

BAHAGIAN PEMBANGUNAN STRATEGIK

PENGENALAN



Bahagian ini bertanggungjawab untuk memperkemaskan pembangunan strategik serta meningkatkan sistem penyampaian dan pembangunan pangkalan data bagi memberi khidmat nasihat teknikal yang berkesan, tepat dan cepat ke arah memenuhi keperluan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

PENGGUBALAN DAN PELAKSANAAN DASAR BAHARU

- i. Pengurangan Pembiayaan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia Bagi Rumah Kos Rendah Swasta daripada 80:20 kepada 90:10 dan Rumah Kos Sederhana Rendah Swasta daripada 60:40 kepada 70:30; dan
- ii. Perluasan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia ke bandar-bandar utama seluruh Malaysia.

PENCAPAIAN TAHUN 2012

1. PROGRAM PENANAMAN POKOK SERENTAK PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN 2012

Pelancaran Program Penanaman Pokok Secara Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya telah diadakan pada 28 April 2012 (Sabtu) jam 8.00 pagi di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan yang turut melibatkan komuniti, persatuan penduduk, rukun tetangga, pelajar sekolah, NGO, pihak media dan sebagainya. Program ini bertujuan untuk mendapatkan sokongan dan memberi kesedaran mengenai kepentingan penanaman serta pemeliharaan pokok untuk mengekalkan penghijauan.



Kiri & Kanan: Majlis Perasmian Program Penanaman Pokok Serentak Di Kuala Lumpur Disempurnakan Oleh YB Dato' Raja Nong Chik Bin Dato' Raja Zainal Abidin.



Acara Penanaman Pokok Serentak di Kawasan Lapang, Jalan Terasek 3, Bangsar Kuala Lumpur.

Majlis Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur telah disempurnakan oleh YB Dato' Raja Nong Chik Bin Dato' Raja Zainal Abidin Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (WPKB) iaitu di Kawasan Lapang Jalan Terasek 3, Bangsar yang melibatkan 357 pokok yang ditanam. Bilangan keseluruhan pokok yang ditanam secara serentak di 11 lokasi parlimen adalah sebanyak 3,657 pokok. Antara jenis pokok yang akan ditanam adalah daripada jenis pokok teduhan seperti merawan siput jantan, tecoma, bucida, tembusu, penaga lilin, jelutong, bunga tanjung, cempaka putih dan jenis spesies pokok buah-buahan.

Majlis Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan di Labuan telah disempurnakan oleh YB Dato' Hj. Yussof Bin Mahal, Ahli Parlimen Labuan di Kawasan Paya Bakau Kina Benuwa. Bilangan pokok yang ditanam semasa pelancaran program tersebut adalah sebanyak 300 pokok. Majlis Program Penanaman Pokok Serentak Peringkat Wilayah Persekutuan di Putrajaya telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Samsudin Bin Osman, Presiden Perbadanan Putrajaya di Kawasan Jaluran Hijau, Lot 12926 Presint 5, Putrajaya. Bilangan pokok yang ditanam semasa pelancaran program tersebut adalah sebanyak 150 pokok yang terdiri daripada jenis spesies pokok hutan.



Majlis Perasmian Program Penanaman Pokok Serentak Di Putrajaya Disempurnakan Oleh YBhg. Tan Sri Samsudin Bin Osman

2. PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN 1MALAYSIA (TP1M)

i. Majlis Bersama YB Menteri Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (WPKB) Tahun 2012

Berdasarkan keprihatinan dan sambutan penduduk perumahan kos rendah swasta dan kos sederhana rendah swasta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terhadap Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M), Kerajaan telah berbesar hati untuk memberi buah tangan istimewa atau 'valuable goodies' bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2012 dengan pengurangan kaedah pembiayaan geran

sepadan TP1M iaitu Bagi Rumah Kos Rendah Swasta daripada 80:20 kepada 90:10 dan Rumah Kos Sederhana Rendah Swasta daripada 60:40 kepada 70:30.

Beberapa Majlis berkaitan Program TP1M telah diatitkan supaya YB Menteri WPKB dapat berkomunikasi lebih dekat dengan penduduk di perumahan yang terlibat. Di antara Majlis yang telah diadakan adalah Majlis Pemulangan Balik Lebih Sumbangan; Majlis Pemberian Sumbangan CSR kepada MC/JMB/PP TP1M; dan Majlis Penyerahan Siap Kerja Mengecat TP1M.



Majlis Pemberian Sumbangan CSR kepada MC/JMB/PP TP1M di Apartment Avenue Court, Kuala Lumpur



Atas, kiri & bawah: Majlis Pemberian Sumbangan CSR kepada MC/JMB/PP TP1M di Apartment Avenue Court, Kuala Lumpur

ii. Sesi Penerangan TP1M Kepada MC/ JMB/ PP Di KWPKB Dan Di Kawasan Perumahan Yang Terlibat

Bagi memastikan maklumat TP1M yang tepat disampaikan kepada penduduk dan membantu menyelesaikan isu atau masalah yang dihadapi oleh pemohon berkaitan TP1M, pihak urus setia telah mengatitkan sesi perbincangan sama ada di KWPKB atau di kawasan perumahan yang terlibat. Bagi tahun 2012, sebanyak 39 perjumpaan diadakan di KWPKB manakala sebanyak 10 sesi perjumpaan diadakan di kawasan perumahan yang terlibat.



Atas: Perjumpaan di Pangsapuri Taman Bukit Cheras, Kuala Lumpur

Bawah: Perjumpaan di Pangsapuri Pinang 1B, Taman Sri Sentosa, Kuala Lumpur

iii. Majlis Perasmian Perluasan TP1M Ke Bandar-Bandar Utama Seluruh Malaysia

Sambutan yang diterima amat baik dan kesan positif daripada pelaksanaan projek TP1M seperti kerja mengecat bangunan telah mewujudkan suasana lebih ceria di Bandaraya Kuala Lumpur, justeru itu pada 20 April 2012, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya program TP1M diperluaskan ke bandar-bandar utama seluruh Malaysia selaras dengan fungsi kesejahteraan bandar yang dipertanggungjawabkan kepada KWPKB. Majlis Perasmian Perluasan TP1M telah diadakan di Hotel Zon Regency, Johor Bahru pada 4 Jun 2012.



Majlis Perasmian Perluasan TP1M

iv. Sesi Road Show TP1M

Sebaik sahaja diperluaskan ke seluruh bandar utama di Malaysia, sesi road show diatur ke seluruh negara bagi memberi penerangan dan mendapatkan kerjasama daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). 'Road show' ini bermula pada 19 Jun 2012 di Negeri Perak dan berakhir di Negeri Selangor.



Atas kiri: Road Show di SUK Negeri Terengganu

Atas kanan: Road Show di PPPN Pulau Pinang

Bawah: Road Show di SUK Negeri Sabah

v. Program 'Walkabout' TP1M Di Pulau Pinang Oleh YB Menteri WPKB

Pulau Pinang merupakan antara negeri yang mempunyai banyak perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah swasta berbanding negeri-negeri lain. Semenjak diperluaskan, permohonan daripada Pulau Pinang merupakan antara yang terbanyak telah diterima. Oleh yang demikian, Program 'Walkabout' TP1M di Pulau Pinang telah diadakan supaya pihak Kerajaan melalui YB Menteri akan dapat menyampaikan maklumat yang tepat dan terus ke pengetahuan rakyat berkenaan dengan perluasan program TP1M ini. Program TP1M kini telah diiktiraf sebagai salah satu program 'touch point' dan memberi impak positif kepada rakyat Malaysia.



Atas & bawah: Program 'Walkabout' TP1M di Pulau Pinang



3. PROGRAM MENAMBAHBAIK KEDUDUKAN MALAYSIA BAGI INDIKATOR DEALING WITH CONSTRUCTION PERMITS DI KUALA LUMPUR DALAM WORLDS DOING BUSINESS REPORT

Berdasarkan Laporan World Bank 2012, indikator Dealing with Construction Permits di Kuala Lumpur melibatkan sebanyak 22 prosedur dengan 260 hari dan kos sebanyak 7.1% daripada GNI dengan Malaysia berada di kedudukan tangga ke-116. Seperti dilapor dalam World Bank Doing Business report 2013, Malaysia berada di kedudukan tangga ke-96 melibatkan sebanyak 37 prosedur dengan 140 hari dan kos sebanyak 17.5% daripada GNI. Penilaian yang dibuat oleh Laporan World Bank adalah berdasarkan kepada tiga (3) perkara iaitu Prosedur, Masa dan Kos.

Program menambahbaik kedudukan Malaysia ini bermula pada Disember 2011, di mana Kumpulan Fokus Penambahbaikan Pengurusan Permit Pembinaan [Focus Group on Dealing With Construction Permits (FGDCP)] telah ditubuhkan untuk mengenal pasti kaedah mempertingkatkan kedudukan Malaysia dalam indikator ini.

Di antara pendekatan telah digunakan untuk mengenal pasti punca masalah serta penyelesaiannya termasuklah mengadakan kajian asas (baseline study) ke atas sebuah projek sebenar di Kuala Lumpur. Hasilnya, sebanyak 32 prosedur telah dikenal

pasti yang melibatkan 161 hari dan kos sebanyak 125% daripada GNI. FGDCP juga telah mengadakan 2 *fact finding missions* ke Singapura pada bulan Mac 2012 bagi memahami dengan lebih mendalam mengenai prosedur kerja, terutamanya di dalam pengurusan utiliti (perkhidmatan air dan pembetulan) serta kebombaaran.

Bagi memantapkan usaha penambahbaikan yang dicadangkan oleh FGDCP, sesi rundingan awam Dealing with Construction Permits di Kuala Lumpur telah diadakan pada 3 April 2012. Pada 27 April 2012, lima (5) syor telah dibentangkan di Mesyuarat PEMUDAH.

Pada 1 Jun 2012, pihak DBKL dan agensi teknikal luaran telah melaksanakan cadangan penambahbaikan iaitu menyeragam proses pentadbiran dan memperkemaskan OSC DBKL bagi penilaian kebenaran merancang (Development Order) projek pembangunan berskala kecil bukan kediaman yang dinamakan OSC 1Submission dengan 10 prosedur dan 100 hari, iaitu 12 prosedur dan 160 hari lebih baik daripada yang dilaporkan dalam Laporan World Bank 2012. Pelaksanaan tersebut telah memberikan peranan dan tanggungjawab yang lebih luas kepada OSC DBKL. Permohonan pertama OSC 1Submission telah diterima pada 20 Jun 2012.



FGDCP telah mengadakan sesi perbincangan dengan Mr. Alejandro Espinosa Wang dari World Bank dari 4 hingga 8 Jun 2012. Salah satu program iaitu bengkel selama dua (2) hari telah merumuskan bahawa bilangan prosedur adalah sebanyak 37 prosedur yang melibatkan 101 hari dengan 20.2% daripada GNI. Terdapat perbezaan prosedur sebanyak 15 prosedur berbanding dengan laporan World Bank sebelum ini. Walau bagaimanapun, bilangan hari telah berkurangan daripada 260 hari kepada 101

hari dan Malaysia dijangka dapat meningkatkan kedudukan dalam indikator ini. Pada 19 Jun 2012, laporan sesi perbincangan dengan wakil World Bank telah dibentangkan di Mesyuarat PEMUDAH. FGDCP akan meneruskan inisiatif penambahbaikan, antaranya, memantau pelaksanaan OSC 1Submission, membantu dan bersama pakar World Bank menilai semula pelaksanaan OSC 1Submission pada bulan Mac 2013.



4. JAWATANKUASA KHAS PEMUDAH DBKL (PEMUDAH SPECIAL TASK FORCE ON DBKL MEETING)

Jawatankuasa Khas PEMUDAH DBKL diwujudkan pada tahun November 2011 berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat PEMUDAH, MITI bertarikh 29 Julai 2011. Jawatankuasa ini diwujudkan sebagai salah satu usaha dalam mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Sidek bin Hassan, Ketua Setiausaha Negara ketika itu dan bermesyuarat kali pertama pada 9 September 2011. Seterusnya pada tahun 2012, sebanyak lapan (8) kali mesyuarat telah pun diadakan.

Dengan wujudnya jawatankuasa ini, pelbagai isu dan masalah telah dikenal pasti dan ditambahbaik seperti:

- i. Penguat kuasa DBKL diberi kuasa menyaman kenderaan bergerak yang melanggar peraturan trafik;
- ii. Melaksanakan fungsi penguatkuasaan dengan pelbagai kemahiran (multi-skilled);
- iii. Pemberian insentif kepada penguatkuasa;
- iv. Pengurusan trafik yang lebih baik di Bandar Raya Kuala Lumpur dengan mewujudkan signage “Left Turn On Red ” di persimpangan lampu isyarat, kenderaan tidak dibenarkan berhenti di atas garisan kuning dan menunda kenderaan yang meletakkan kenderaan di luar tempat letak kereta;
- v. Seranta mengenai urusan permit pembinaan di Kuala Lumpur;
- vi. Merangka model baru urusan permit pembinaan di Kuala Lumpur melalui OSC 1Submission dengan 10 prosedur 100 hari;
- vii. Memperbaiki kedudukan Malaysia dalam indikator urusan permit pembinaan dari tangga 116 ke 96; dan
- viii. Mengadakan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multi Media (SKMM) berhubung tindakan ke atas poster-poster haram di sekitar Kuala Lumpur dengan membatalkan nombor-nombor telefon yang diiklankan.

Selaras dengan fungsi jawatankuasa ini sebagai salah satu medium dalam mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan DBKL, Mesyuarat Jawatankuasa Khas PEMUDAH DBKL Bil. 8/2012 pada 22 November 2012 telah bersetuju supaya fungsi Jawatankuasa ini dipindahkan ke DBKL mulai tahun 2013. Pemandahan fungsi ini akan dapat meningkatkan lagi prestasi DBKL dalam menerajui perancangan dan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5. PEMBANGUNAN TEKNOLOGI HIJAU

Sebagai usaha dalam meningkatkan pengetahuan pegawai berkaitan sumber tenaga baharu, satu sesi taklimat oleh Puan Badriyah Hj. Abdul Malek, Ketua Pegawai Eksekutif, Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA) telah diadakan pada 11 Disember 2012. Antara kandungan taklimat adalah berkaitan:

- i. Malaysian National RE Policy and Action Plan
- ii. Feed-in Tariff Mechanism in Malaysia
- iii. Renewable Energy Act 2011
- iv. Sustainable Energy Development Authority Act 2011
- v. Malaysian FiT Status
- vi. Roles of Ministry Of Federal Territories And Urban Wellbeing in RE Development

Usaha dan kajian-kajian yang dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh SEDA Malaysia dalam mengenal pasti sumber tenaga baharu dan alternatif yang lebih mesra alam perlu disokong demi mewujudkan alam sekitar yang lebih lestari demi generasi akan datang.



Kiri & Kanan: Sesi taklimat Rancangan Fizikal Negara Ke-2.

6. TAKLIMAT RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-2

Satu sesi taklimat mengenai Rancangan Fizikal Negara ke-2 (RFN Ke-2) telah diadakan pada 18 Jun 2012. Taklimat berkenaan telah disampaikan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia dan dihadiri oleh pegawai daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Agensi. Tujuan taklimat ini juga adalah untuk meningkatkan kefahaman kepada semua peringkat pegawai dalam melaksanakan dasar-dasar pembangunan fizikal negara seiring dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi Menjelang Tahun 2020.

7. KURSUS PENGGUNAAN MICROSOFT PROJECT DALAM PROJEK PEMBINAAN (PROJECT MANAGEMENT)

Perancangan dalam pelaksanaan projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan seperti penyelarasan program ETP (Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (GKL/KV), pelaksanaan projek-projek kecil dan sebagainya amat penting bagi tujuan pemantauan dan pelaporan kepada pihak pengurusan atasan Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB).

Bagi tujuan itu, Bahagian Pembangunan Strategik telah mengambil inisiatif untuk mengadakan latihan penggunaan aplikasi Microsoft Project yang bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai kaedah dan penggunaan software kepada pegawai-pegawai di Sektor Perancangan dan Pembangunan. Siri 1 yang merangkumi asas pengenalan (basic) penggunaan aplikasi Microsoft Project telah diadakan pada 26 hingga 27 April 2012 bertempat di Bilik ICT, Aras 2, KWPKB dengan kehadiran peserta seramai 17 orang manakala Siri 2 iaitu peringkat pertengahan (intermediate) telah diadakan pada 30 Oktober - 2 November 2012 bertempat di Thistle Port Dickson Resort, Negeri Sembilan dengan kehadiran peserta seramai 16 orang. Pendekatan yang digunakan dalam kursus ini adalah lebih kepada Hands-on-MSP, perbincangan, latihan amali dan kajian kes.

Objektif utama latihan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pegawai yang berkaitan dalam memahami akan pentingnya perancangan, pemantauan dan pengawalan projek serta memperbaiki prestasi pelaksanaan projek di samping dapat melahirkan pegawai-pegawai yang mampu menjadi peneraju dalam penggunaan aplikasi Microsoft Project di tempat kerja.





Atas: Peserta Kursus Tekun Menyiapkan Latihan Amali Dan Kajian Kes Menggunakan Aplikasi Microsoft Project

Bawah: Sesi Hands-On Aplikasi Microsoft Project Kepada Peserta Kursus

+ Laporan Bahagian +

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

KUALA LUMPUR LIGHT RAIL TRANSIT (LRT)

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

PENGENALAN



Bahagian Khidmat Pengurusan bertanggungjawab dalam urusan pembangunan sumber manusia; pengurusan kewangan dan mengurus serta melaksanakan pentadbiran am KWPKB.

PENCAPAIAN TAHUN 2012

1. PENGURUSAN KEWANGAN


1.1 Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Pada tahun 2011, prestasi perbelanjaan mengurus (B32) bagi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dan Agensi adalah sebanyak 98.54% iaitu sejumlah RM374,580,202 berbanding jumlah peruntukan asal diluluskan iaitu sebanyak RM380,141,100. Manakala, peratus perbelanjaan mengurus mengikut OA bagi tahun

2011 menunjukkan pencapaian OA10000 pada tahap 98.15%, OA20000 sebanyak 95.49%, OA30000 sebanyak 88.58%, dan OA40000 99.89%.

Bagi tahun 2012 pula, KWPKB dan Agensi telah diluluskan peruntukan sebanyak RM377,301,401. Darpada jumlah itu, KWPKB telah membelanjakan sebanyak 97.99%, iaitu sejumlah RM369,699,078.72 berbanding jumlah peruntukan yang telah diluluskan.

Sehingga tarikh AKB 2012, peratus perbelanjaan mengurus mengikut Objek Am (OA) bagi KWPKB dan Agensi adalah seperti berikut : OA10000 sebanyak 96.26%, OA20000 sebanyak 94.46%, OA30000 sebanyak 71.47% dan OA40000 sebanyak 99.41%.



CARTA 1


PERBANDINGAN PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS KEMENTERIAN DAN AGENSI BAGI TAHUN 2010, 2011 DAN 2012

1.2 Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

Pada tahun 2011, prestasi perbelanjaan pembangunan (P32) bagi Kementerian dan Agensi adalah sebanyak 84.00% iaitu sejumlah RM184,481,946.48 berbanding jumlah peruntukan asal sebanyak RM219,614,810 yang telah diluluskan. Pada tahun 2012, perbelanjaan pembangunan (P32) bagi Kementerian dan Agensi adalah sebanyak 98.83% iaitu sejumlah RM1,641,953,145.05 berbanding jumlah peruntukan asal sebanyak RM1,661,346,581.00 yang telah dipinda.

1.3 Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 8 mesyuarat JPKA telah dilaksanakan. Empat (4) mesyuarat adalah di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dilaksanakan pada 19.01.2012, 23.04.2012, 19.07.2012 dan 22.10.2012. Manakala 4 lagi mesyuarat JPKA telah diadakan di peringkat Kementerian iaitu pada 10.02.2012, 04.05.2012, 26.07.2012 dan 08.11.2012.




CARTA 2 PERBANDINGAN PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN DAN AGENSI BAGI TAHUN 2010, 2011 DAN 2012

1.4 Pengurusan Bayaran

Unit Akaun bertanggungjawab melaksanakan pengurusan kewangan KWPKB dan Agensi. Unit ini berperanan untuk menguruskan semua hal berkaitan pemprosesan pembayaran gaji kakitangan, elaun, tuntutan, bayaran balik termasuk bayaran pampasan tanah bagi projek Mass Rapid Transit (MRT) dan penyaluran peruntukan bagi projek-projek

National Key Economic Area (NKEA) Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley (Greater KL/ KV) kepada Agensi-agensi Pelaksana. Sebanyak 6,243 Baucar Bayaran yang telah diproses sepanjang Tahun 2012 berjumlah sebanyak RM1,454,379,226.31, iaitu peningkatan sebanyak 13.43% berbanding bilangan Baucar Bayaran yang telah diproses semasa Tahun 2011.



CARTA 3 LAPORAN PRESTASI PEMBAYARAN BIL KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR BAGI TAHUN 2012

| TEMPOH BAYARAN/ BULAN | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGO | SEP | OKT | NOV | DIS |
|---------------------------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|
| Dibayar dalam tempoh 7 hari | 76.09 | 34.31 | 40.77 | 43.27 | 33.46 | 733.76 | 41.41 | 72.77 | 725.08 | 25.00 | 26.59 | 40.83 |
| Dibayar dalam tempoh 8 hingga 14 hari | 23.91 | 63.64 | 58.37 | 56.73 | 66.16 | 66.24 | 58.59 | 26.77 | 73.73 | 75.00 | 69.10 | 58.41 |
| Dibayar melebihi 14 hari | 0.00 | 2.05 | 0.86 | 0.00 | 0.38 | 0.00 | 0.00 | 0.46 | 1.19 | 0.00 | 4.31 | 0.77 |
| JUMLAH | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

1.5 Pengurusan Terimaan Dan Akaun

Unit Akaun turut menguruskan terimaan, kutipan hasil dan Akaun Belum Terima serta memantau dan menyelia Akaun Amanah/Deposit KWPKB. Di antara hasil yang dikutip sepanjang Tahun 2012 yang berjumlah sebanyak RM26,009,343.65 adalah diantaranya merupakan bayaran

sewa bangunan pejabat dan kafeteria di Menara Seri Wilayah, bayaran pendaftaran untuk membeli unit rumah kediaman Civil Servant Reserve Unit (CSRU) di Putrajaya bagi Anggota Perkhidmatan Awam serta penjualan kuarters Jenis Semi-D di Presint 15, Putrajaya bagi Anggota Perkhidmatan Awam.

2. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

2.1 Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia

Pelan Strategik Sumber Manusia KWPKB digubal bertujuan membangun dan membentuk modal insan secara strategik dan sistematik bagi melengkapkan modal insan dengan sikap (attitude), kemahiran (skill) dan pengetahuan (knowledge) yang bersesuaian bagi membantu menjajarkan sumber manusia KWPKB sesuai dengan strategi korporatnya. Pelan Strategik Sumber Manusia KWPKB menetapkan lapan (8) teras strategik.

Penetapan lapan (8) teras strategik ini adalah berdasarkan kepada bidang-bidang fokus utama pengurusan sumber manusia yang perlu diambil kira dalam pelan strategik sumber manusia KWPKB bagi mewujudkan pengurusan sumber manusia yang komprehensif dan menyeluruh. Pengurusan strategik sumber manusia KWPKB ini dijangka dengan Pelan Strategik KWPKB bagi memastikan sumber manusia KWPKB difokuskan kepada bidang yang paling kritikal terutama pencapaian objektif strategik organisasi dan penyampaian perkhidmatan.

Bagi merealisasikan kelapan-lapan teras tersebut, strategi digubal bagi setiap teras berkenaan, diikuti dengan pembentukan pelan tindakan yang menggariskan program dan aktiviti secara terperinci. Seterusnya, petunjuk prestasi utama (KPI) dibangunkan bagi setiap pelan tindakan dengan sasaran-sasaran tertentu bagi membolehkan keberhasilan yang ingin dicapai diukur dengan berkesan.



2.2 Pengurusan Prestasi dan Tatatertib

Antara aktiviti utama pengurusan prestasi dan tatatertib adalah seperti berikut:

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2011 telah diadakan pada 10 April 2012 bertempat di PICC, Putrajaya. Seramai 910 orang pegawai KWPKB dan agensi-agensi telah dianugerahkan APC. 25 orang daripada jumlah penerima adalah daripada KWPKB;
- Anugerah Pegawai Contoh Bulanan (PCB) KWPKB telah dilaksanakan pada setiap suku tahun. Seramai 10 orang pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 12 orang dari Kumpulan Sokongan telah dianugerahkan PCB;
- Minggu Pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan dan HRMIS telah diadakan sebanyak satu (1) kali iaitu pada 29 Oktober 2012. Tujuan minggu pengemaskinian ini diadakan adalah untuk membolehkan pegawai dan staf KWPKB menyemak data-data perkhidmatan seperti cuti, kursus, pergerakan gaji dan lain-lain supaya lengkap dan dikemas kini; dan
- Retreat Halatuju dan Aspirasi KWPKB Tahun 2012 bagi penyediaan SKT Tahun 2013 dan pencapaian SKT Tahun 2012 telah diadakan pada 6 hingga 8 Disember 2012 bertempat di Hotel Equatorial, Melaka.

2.3 Pengurusan HRMIS

Sepanjang tahun 2012 pelbagai aktiviti HRMIS telah diadakan, antaranya Sesi Taklimat Penilaian Landasan Kerjaya (PLK) Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 hingga M54 Tahun 2012; Taklimat Pelaksanaan Modul LNPT, Sub Modul SKT dan Modul Cuti Bersama Perbadanan Labuan; Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS KWPKB

(Bersama Agensi) Bil.1 /2012; dan Mesyuarat JK Pelaksanaan HRMIS KWPKB Dan Agensi Bil.1/2012. Di samping itu, Unit HRMIS KWPKB juga turut melaksanakan aktiviti HRMIS yang berkaitan dalam usaha memantapkan pengurusan HRMIS baik di peringkat Kementerian mahupun Agensi di bawah Kementerian.


2.4 Perjawatan KWPKB

Bilangan jawatan Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar pada tahun 2012 adalah sebanyak 332 jawatan. Kedudukan Pengisian Perjawatan KWPKB pada 31 Disember 2012 mengikut Kumpulan Perkhidmatan adalah seperti Jadual 5.

JADUAL 5 BILANGAN PERJAWATAN KEDUDUKAN PENGISIAN DAN KEKOSONGAN PERJAWATAN DI KWPKB SEHINGGA 31 DISEMBER 2012


| KUMPULAN PERKHIDMATAN | BIL. PERJAWATAN | PENGISIAN | KEKOSONGAN |
|----------------------------|-----------------|------------|------------|
| Anggota Pentadbiran | 3 | 3 | 0 |
| Pengurusan Tertinggi | 7 | 7 | 0 |
| Pengurusan dan Profesional | 112 | 102 | 10 |
| Kumpulan Pelaksana | 210 | 204 | 6 |
| JUMLAH | 332 | 316 | 16 |

PERATUS JUMLAH PENGISIAN DAN KEKOSONGAN JAWATAN DI KWPKB SEHINGGA 31 DISEMBER 2012



CARTA 4

BILANGAN PENGISIAN DAN KEKOSONGAN JAWATAN MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2012




| BIL | JAWATAN | BIL. ANGGOTA | | > 7 HARI KURSUS | | < 7 HARI KURSUS | | BIL. ANGGOTA | |
|---------------|------------|--------------|---------------|-----------------|--------------|-----------------|-------------|--------------|-------------|
| | | BILANGAN | PERATUS(%) | BILANGAN | PERATUS(%) | BILANGAN | PERATUS(%) | BILANGAN | PERATUS(%) |
| 1. | JUSA | 7 | 72.23 | 7 | 2.23 | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 2. | P&P | 100 | 31.85 | 99 | 31.53 | 0 | 0.00 | 1 | 0.32 |
| 3. | SOKONGAN 1 | 176 | 56.05 | 172 | 54.78 | 1 | 0.32 | 3 | 0.96 |
| 4. | SOKONGAN 2 | 31 | 9.87 | 30 | 9.55 | 0 | 0.00 | 1 | 0.32 |
| JUMLAH | | 314 | 100.00 | 308 | 98.09 | 1 | 0.32 | 5 | 1.59 |

JADUAL 7

PRESTASI KEHADIRAN LATIHAN/KURSUS UNTUK KESELURUHAN PEGAWAI KWPKB BAGI TAHUN 2012


CARTA 5 PERATUS PRESTASI KEHADIRAN LATIHAN/KURSUS UNTUK KESELURUHAN PEGAWAI KWPKB BAGI TAHUN 2012



JADUAL 8 PRESTASI KEHADIRAN LATIHAN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2012


| BIL | JAWATAN | CAPAI 7 HARI KURSUS | | TIDAK CAPAI 7 HARI KURSUS | | JUMLAH PEGAWAI | |
|---------------------------|----------|---------------------|--------------|---------------------------|-------------|----------------|---------------|
| | | BILANGAN | PERATUS(%) | BILANGAN | PERATUS(%) | BILANGAN | PERATUS(%) |
| 1. | P&P | 106 | 99.07 | 1 | 0.93 | 107 | 34.08 |
| 2. | SOKONGAN | 202 | 97.58 | 5 | 2.42 | 207 | 65.92 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 308 | 98.09 | 6 | 1.91 | 314 | 100.00 |

CARTA 6




PRESTASI KEHADIRAN JAWATAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL KAKITANGAN KWPKB BAGI TAHUN 2012

CARTA 7



PRESTASI KEHADIRAN JAWATAN SOKONGAN KAKITANGAN KWPKB BAGI TAHUN 2012



GALERI GAMBAR

KURSUS-KURSUS SEPANJANG TAHUN 2012



Aktiviti peserta yang menyertai Kursus Bina Insan



Aktiviti peserta yang menyertai Kursus Bina Insan.



Kursus Kemahiran Komunikasi



Antara peserta Kursus Kemahiran Komunikasi



Aktiviti ketika kursus Pengurusan Stress Yang Berkesan



Kursus Pengurusan Stress Yang Berkesan diadakan pada 19 - 21 Nov 2012 di Puteri Resort Melaka



Aktiviti ketika kursus English For Executives



Kursus English For Executives pada 30 Nov - 2 Dis 2012 di Klana Resort Seremban

2.5 Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Penganugerahan DKBPWP merupakan acara induk bagi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat ini telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah dan berlangsung di Istana Melawati pada 1 Februari 2012. Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan yang bermula pada tahun 2008 adalah bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan orang-orang yang banyak berjasa membangunkan Wilayah Persekutuan dan Negara.

JADUAL 5 BILANGAN PENERIMA DKBPWP TAHUN 2012

| DKBPWP | PENERIMA |
|--|------------|
| Seri Utama Mahkota Wilayah S.U.M.W. | 2 |
| Seri Mahkota Wilayah S.M.W. | 5 |
| Panglima Mahkota Wilayah P.M.W. | 34 |
| Johan Mahkota Wilayah J.M.W. | 30 |
| Kesatria Mahkota Wilayah K.M.W. | 50 |
| Ahli Mahkota Wilayah A.M.W. | 74 |
| Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah P.P.W. | 84 |
| JUMLAH | 279 |



Keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah Bersama Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah



Kiri: Ketibaan YAB Perdana Menteri disambut Pegawai Kanan KWPKB

Bawah: Barisan Penerima Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.) dan Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.)





3. URUSAN JEMAAH MENTERI, PARLIMEN & KEURUSETIAAN

Unit Urusan Jemaah Menteri, Parlimen & Keurusetiaan bertanggungjawab untuk menyelaras hal-hal berkaitan Jemaah Menteri dan Parlimen antaranya penyediaan maklum balas Mesyuarat Jemaah Menteri, pembentangan Kertas Jemaah Menteri, Urus setia Mesyuarat Pasca-Kabinet dan Mesyuarat Pengurusan KWPKB, penyediaan jawapan Parlimen, mengurus dokumentasi, pembentangan Usul/ Rang Undang-Undang berkaitan KWPKB dan agensi di Parlimen serta menyediakan laporan dan rumusan persidangan Parlimen.

Pada tahun 2012, sebanyak 37 bilangan Mesyuarat Pasca-Kabinet dan 11 bilangan Mesyuarat Pengurusan KWPKB telah diadakan. Di samping itu, sebanyak 24 Kertas Jemaah Menteri telah dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri dan 64 laporan maklum balas Mesyuarat Jemaah Menteri telah dikemukakan kepada Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Manakala bagi urusan Parlimen, jumlah keseluruhan pertanyaan jawab lisan, bukan jawab lisan dan usul-usul bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah sebanyak 140 soalan di mana sebanyak 42 soalan pada Mesyuarat Pertama, 50 soalan pada Mesyuarat Kedua dan 48 soalan pada Mesyuarat Ketiga.

4. PENGURUSAN KUALITI DAN INOVASI

4.1 Pensijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S)

Pada tanggal 24 Mei 2012, Kementerian telah diberi pengiktirafan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia atas usaha dan komitmen Kementerian dalam melaksanakan Amalan Persekitaran Berkualiti. Sebanyak 4 Zon 5S di aras 6 dan 7 telah berjaya dipersijilkan.

4.2 Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Persekutuan ke 9 Tahun 2012

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Persekutuan

merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian bagi memilih wakil kumpulan KIK yang akan mewakili Wilayah Persekutuan ke Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan. Ianya juga merupakan medan bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada penjawat awam yang terlibat dalam KIK dengan memberi peluang kepada ahli-ahli KIK membuat persembahan.

Konvensyen pada tahun 2012 diadakan di Dewan Serbaguna, Menara Seri Wilayah pada 19 dan 20 September 2012. Kumpulan Sihat XIV yang mewakili Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi Kategori Pengurusan dan Kumpulan Hortus yang mewakili Perbadanan Putrajaya bagi Kategori Teknikal telah menjadi johan pertandingan dan membawa pulang wang tunai RM5000 beserta piala iringan.



Atas: Johan Kategori Pengurusan (SIHAT XIV-DBKL)

Bawah: Johan Kategori Teknikal (HORTUS-PPJ)



4.3 Sambutan Hari Inovasi Tahun 2012

Sambutan Hari Inovasi Tahun 2012 disambut pada 20 Disember 2012 dengan tema “Inovasi Memacu Transformasi Organisasi”. Hari Inovasi ini juga merupakan aktiviti tahunan Kementerian yang disambut bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Kementerian di samping untuk menggalakkan dan meningkatkan kesedaran berhubung kepentingan Inovasi dan Kreativiti dalam menjalankan tugas harian. Antara pengisian Hari Inovasi KWPKB Tahun 2012 adalah Pelancaran Cadangan Idea Inovasi yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Adnan bin Hj. Md. Ikshan, Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar yang bertujuan untuk memberi galakan kepada warga Kementerian mencurahkan idea Kreatif dan Inovatif serta meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan Kementerian.





+ Laporan Bahagian +

BAHAGIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN

LABUAN

BAHAGIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN

PENGENALAN



Bahagian ini berperanan untuk merancang, menyelaraskan dan menyemak penyediaan cadangan permohonan program/projek Rancangan Malaysia bagi KWPKB dan Agensinya untuk kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Di samping itu, Bahagian ini turut berperanan untuk memantau serta menilai projek-projek kecil KWPKB.

PENCAPAIAN TAHUN 2012

1. PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN KWPKB DI BAWAH RMK-10 ROLLING PLAN KEDUA (RP-2) TAHUN 2012

KWPKB telah diperuntukkan sebanyak RM1,661.3 juta bagi pelaksanaan 52 program dan projek di bawah Second Rolling Plan RMKe-10 Tahun 2012. Antara program dan projek yang terlibat ialah program-program di bawah Pembasmian Kemiskinan Bandar seperti bantuan sewa rumah, bantuan perumahan bandar, program bina upaya miskin bandar, program pembangunan minda insan dan program menjana pendapatan melalui keusahawanan dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM 39.0 juta.

Sebanyak RM10.0 juta juga diperuntukkan bagi program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia yang melibatkan peluasan program ke beberapa buah negeri selain Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Johor, Pulau Pinang, Melaka, Perak dan Terengganu. Selain daripada itu, sebanyak RM 1.314 billion diperuntukkan bagi projek-projek di bawah NKEA Greater KL/ KV yang melibatkan projek-projek seperti MRT System, River of Life, Sewerage Non-River, Pedestrian Walkways, Greener KL, Iconic Places, Solid Waste Management, Vitalising Putrajaya dan Talent Attraction.

Peruntukan juga turut disalurkan kepada agensi-agensi di bawah KWPKB seperti DBKL, PPj, PL dan PPKB bagi projek-projek yang melibatkan infrastruktur jalan, pembangunan taman rekreasi

dan botani, pembinaan pasar, pusat penjaja, tempat meletak kereta, dewan serbaguna serta pusat komuniti.

Kesemua program dan projek yang dilaksanakan di bawah Second Rolling Plan RMKe-10 Tahun 2012 merupakan projek-projek berimpak tinggi yang memberi kesan secara langsung terhadap kesejahteraan hidup warga Wilayah Persekutuan. Sehingga 31 Disember 2012, KWPKB telah berjaya membelanjakan sebanyak RM1,641.8 juta iaitu 98.8% daripada jumlah keseluruhan peruntukan.

2. SESI TURUN PADANG (TUPA)

Bagi memastikan sesuatu program dan projek dapat mencapai objektif serta mencapai outcome yang telah disasarkan KWPKB melaksanakan Program TUPA yang bertujuan bagi memastikan pelaksanaan projek/program KWPKB berjalan lancar dan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu, sepanjang tahun 2012, YB Menteri dan YBhg KSU telah mengadakan beberapa sesi turun padang (TUPA) seperti Sesi Dialog dan Taklimat Cadangan Pembangunan Perumahan Rakyat Di Bandar Tun Razak, Projek Pusat Penjaja di Bandar Sri Permaisuri, Projek Pusat Penjaja di Jalan masjid India, Projek Pembinaan Pasar Baru Labuan serta Projek Pembinaan Stesen Teksi dan Bas Labuan. Melalui sesi TUPA seperti ini, pemantauan pelaksanaan projek dengan lebih dekat dapat dibuat di samping menyelesaikan segera *cross-cutting issues* serta membuat intervention ke atas isu-isu yang berkaitan.

3. BENGKEL PENILAIAN OUTCOME

Pada tahun 2012 KWPKB juga telah berjaya menganjurkan Bengkel Penilaian Outcome Bagi Projek-Projek Pembangunan di bawah RMK-9 dan RMK-10 di Hotel Renaissance Melaka pada 15 hingga 17 Oktober 2012. Bengkel ini telah disertai seramai 46

orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai KWPKB, DBKL, PPJ serta PL dan mereka telah diberikan taklimat dan bimbingan oleh fasilitator yang berpengalaman daripada Bahagian Penilaian Outcome, ICU, JPM.

Antara objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk memberikan kefahaman serta membantu Bahagian/Agensi di bawah KWPKB dalam melaksanakan penilaian outcome dan impak bagi program dan projek pembangunan yang telah dilaksanakan di bawah RMK-9 dan RMK-10. Antara projek-projek yang telah disediakan dan dibentangkan laporan penilaian outcome semasa bengkel tersebut adalah seperti Projek Persimpangan Bertingkat Ke Pasar Borong Kuala Lumpur Dari Lebuhraya Persekutuan 1, Projek Pembinaan Jalan Melengkapkan Rangkaian Jalan Di Kawasan Segambut Kuala Lumpur, Projek Pusat Penjaja Jalan Rotan Kg. Attap, Projek Projek Taman Equestrian Putrajaya dan Projek Perolehan 104 Bas Nadi Putra.

4. LAB PENGURUSAN NILAI (VALUE MANAGEMENT)

Dalam usaha menginstitusikan pengurusan nilai, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) telah mengeluarkan Pekeliling UPE Bilangan 3 Tahun 2009 dengan hasrat supaya Pengurusan Nilai dijadikan elemen penting di dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan. Pengurusan Nilai bertujuan memastikan pengurusan dan perincian kos sesuatu projek dapat diteliti dengan lebih bersistematik yang akhirnya peruntukan Kerajaan atau 'wang rakyat' dapat dijitamkan tanpa sama sekali mengeneipkan soal kualiti projek. Di samping itu, pihak UPE, JPM juga telah meminta supaya projek pembangunan yang diluluskan di bawah RMKe-10 dengan kos projek yang melebihi RM 50 juta perlu diadakan Pengurusan Nilai terlebih dahulu sebelum tender dikeluarkan.

Sehubungan itu, bagi tahun 2012 KWPKB telah berjaya menganjurkan Bengkel Pengurusan Nilai dan Pemantapan Pengurusan Projek Pembangunan bagi Projek Pembangunan Semula Pasar Jalan Raja Bot Kuala Lumpur di Bayview Hotel Langkawi pada 6 hingga 9 November 2012. Bengkel yang melibatkan seramai 45 orang peserta ini terdiri daripada pegawai-pegawai KWPKB, UPE, JPM, PPKB, DBKL, TNB dan Perunding. Di akhir lab pengurusan nilai ini, kos projek dapat dikurangkan sebanyak RM 32,199,614.00 yang melibatkan penjimatan daripada kerja-kerja cerucuk, mekanikal, elektrik dan lain-lain.

5. PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL

Seksyen Pengurusan Projek Khas, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) bertanggungjawab untuk menyelaras pelaksanaan projek-projek kecil di Wilayah Persekutuan. Projek-projek yang bernilai RM100

ribu ke bawah ini dilaksanakan dengan menggunakan Peruntukan Khas Wilayah Persekutuan. Pelaksanaan projek-projek yang bersifat *touch point* dan *quick win* telah memberi kesan secara langsung kepada peningkatan kualiti hidup warga wilayah. Di antara projek-projek yang dilaksanakan ialah projek menaik taraf infrastruktur awam seperti dewan orang ramai, surau, masjid, pusat komuniti, gelanggang permainan dan taman permainan kanak-kanak.

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 154 projek telah diluluskan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan yang melibatkan 25 projek di Labuan, 8 projek di Putrajaya dan 121 projek di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM4,580,920.00

KWPKB bertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur manakala bagi Labuan dan Putrajaya masing-masing dilaksanakan oleh Perbadanan Labuan dan Perbadanan Putrajaya. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kesemua 121 projek telah siap dilaksanakan sepenuhnya yang melibatkan kerja-kerja naik taraf kemudahan awam dan kerja-kerja fizikal berskala kecil yang berkaitan. Kesemua projek yang dilaksanakan telah disiapkan dalam tempoh yang singkat sekaligus telah memberi manfaat dan keselesaan dalam kepada warga Wilayah Persekutuan.

6. PELAKSANAAN PROJEK WALKABOUT YAB PERDANA MENTERI DAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI

Seksyen Pengurusan Projek Khas juga bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek-projek yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri semasa siri lawatan turun padang atau walkabout di Wilayah Persekutuan sepanjang Tahun 2011 dan Tahun 2012. Terdapat 33 projek walkabout yang telah diumumkan sepanjang tahun 2011 dan juga tahun 2012 yang turut melibatkan pemberian berbentuk sumbangan/ program serta pembinaan baru dewan orang ramai, surau, pusat penjaja dan balai raya.

Daripada 33 projek program yang diumumkan, sebanyak 23 projek adalah di kawasan Kuala Lumpur, 3 di Putrajaya dan 7 di Labuan. Pelaksanaan projek-projek ini turut melibatkan pelbagai Agensi lain seperti Jabatan Agama Wilayah Persekutuan dan Jabatan Kerja Raya. Memandangkan kesemua projek adalah di Wilayah Persekutuan, maka KWPKB secara tidak langsung turut bertanggungjawab dalam menyelaras dan memantau perkembangan projek-projek tersebut. Kebanyakan pelaksanaan projek-projek ini dibuat secara *public engagement* bagi memastikan skop projek memenuhi kehendak masyarakat setempat.



+ Laporan Bahagian +

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (PICC)

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

PENGENALAN



Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) diwujudkan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memantapkan sistem penyampaian Kerajaan secara lebih efektif dan berkesan. Bahagian ini terdiri daripada Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Seksyen Pembangunan Imej dan Promosi; Seksyen Komunikasi Strategik dan Pengurusan Media; Seksyen Pengurusan Pelanggan dan Hal Ehwal Antarabangsa; dan Seksyen Majlis Rasmi dan Program Khas.

PENCAPAIAN TAHUN 2012

1. PROGRAM PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

1.1 Ministerial Key Performance Indicator (MKPI)

KWPKB telah menguruskan Ministerial Key Performance Indicator (MKPI) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pengurusan Tertinggi Penjawat Awam (PTPA)-(KPI KSU)

i. Ministerial Key Performance Indicator (MKPI)

Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah mula menyediakan draf MKPI bermula dari 26 Oktober 2012. Bahagian dan Seksyen di Kementerian serta Agensi mengemukakan cadangan awal untuk disenaraikan sebagai cadangan awal.

Satu taklimat berhubung draf MKPI 2012 telah diadakan pada 23 November 2011 untuk perhatian dan tindakan pegawai-pegawai di Kementerian dan Agensi dalam proses penambahbaikan. Penetapan dan proses untuk tujuan muktamad MKPI telah diadakan di antara YBhg. Dato' Hj. Ahmad Phesal bin Talib, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah dan Kesejahteraan Bandar bersama YB. Dato' Seri Idris Jala pada 15 Disember 2011.

ii. Pengurusan Tertinggi Penjawat Awam (KPI-PTPA)

Bagi tujuan menyediakan KPI KSU, satu Program Pre-Workshop Kamus KPI KSU KWPKB telah diadakan pada 5 Januari 2012 di Dewan Serbaguna, KWPKB. Cadangan-cadangan bagi tujuan untuk menetapkan KPI KSU 2012 telah dibincangkan di dalam sesi tersebut bersama YBhg. Dato' Hj. Ahmad Phesal bin Talib, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

a. Mesyuarat Penyelaras Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KWPKB Tahun 2012

Mesyuarat Penyelaras Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KWPKB di Pengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha KWPKB. Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah menasaskan empat (4) kali mesyuarat sepanjang tahun 2012.

b. Pelaporan Kemajuan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), KWPKB

Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah menyediakan Laporan Bulanan untuk dikemukakan kepada PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri. Sebanyak 10 Laporan telah dikemukakan sehingga akhir Disember 2012. Bagi bulan Januari dan Februari 2012 laporan tidak dikemukakan berikutan PEMANDU dan Kementerian terlibat dalam menyediakan persiapan Program Review Session (MKPI) dan Cabinet Away Day. Sebanyak dua (2) Laporan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama KPI KSU 2012 telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sehingga akhir Disember 2012. Laporan tersebut dikemukakan di atas permintaan pihak JPA.

c. Program Latihan berkaitan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah mengadakan Lab/Kursus/Pre-Lab/Pre-Workshop mengikut jadual sepanjang tahun 2012. Kerjasama dalam menjayakan program-program tersebut dibantu oleh Unit Pembangunan Kompetensi KWPKB. Antara penceramah jemputan yang terlibat adalah YBhg. Datuk Aziyah Binti Bahauddin, Pengarah Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), JPM, Tuan Syed Ahmad Kamal Bin Syed Mahmud

daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), En. Ahmad Munir bin Ishak daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan pegawai dari Bahagian Teknologi Maklumat (MAMPU). Manakala fasilitator-fasilitator terdiri daripada Encik Sulaiman Mat Sam, Puan Mariah Hj. Mat Taib, dan Puan Fadlina binti Mukhni daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ). Program dan aktiviti Latihan merangkumi seperti mana berikut:

JADUAL 1 PROGRAM DAN AKTIVITI LATIHAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

| BIL | TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT |
|-----|------------------|---|--|
| 1. | 5 Januari 2012 | Pre-Workshop Kamus KPI KSU KWPKB Tahun 2012 | Dewan Serbaguna, KWPKB |
| 2. | 23-25 April 2012 | Lab Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KWPKB Tahun 2012 | Hotel Mahkota, Melaka |
| 3. | 5 Oktober 2012 | Pre-Lab KPI: Pemantauan & Penilaian Tahun 2012 | Dewan Serbaguna, KWPKB |
| 4. | 20 November 2012 | Penggunaan Sistem MyPrestasi (Modul KPI) Tahun 2012 | Bilik Latihan Semarak, Aras 2, Blok 2. |

d. Sesi Penilaian Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) adalah seperti berikut:

i. PM-Minister Review Session

Sesi Pemantauan Pencapaian MKPI 2011 telah diadakan di antara YAB. Perdana Menteri dan YB. Menteri telah diadakan pada 2 Februari 2012. Sesi tersebut membincangkan Laporan Status Pencapaian MKPI 2011 dan membentangkan cadangan MKPI 2012 oleh YB. Menteri kepada YAB. Perdana Menteri.

ii. Sesi Penilaian Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama Pengurusan Tertinggi Penjawat Awam (PTPA)- (KPI KSU)

Sesi Penilaian telah diadakan pada 27 Februari 2012 bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 7, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Sesi Penilaian tersebut telah dihadiri oleh 4 orang Pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan turut dihadiri oleh Pegawai-pegawai atasan KWPKB serta Agensi.

iii. Cadangan Perubahan MKPI 2012 (Mid-Term Review Session)

Satu perbincangan di peringkat Kementerian dalam membincangkan pencapaian setengah tahun MKPI 2012 beserta cadangan perubahan MKPI 2012 telah diadakan pada 27 Jun 2012. Satu Mesyuarat Khas telah diadakan oleh PEMANDU berhubung perubahan MKPI 2012 telah diadakan pada 11 Julai di Pejabat PEMANDU, Tingkat 1, Blok Timur, Jabatan Perdana Menteri.

e. Sesi Klinikal (Clinic Session)

Pihak PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengadakan sesi klinikal bersama pegawai-pegawai yang terlibat daripada Kementerian dan Agensi yang melibatkan draf cadangan MKPI 2013. Sesi Klinikal tersebut telah diadakan di antara pegawai-pegawai Kementerian dan Agensi bersama PEMANDU, JPM dan telah diadakan pada 8 November 2012, bertujuan untuk meneliti draf komponen MKPI 2013.



2. PROGRAM PUBLISITI DAN PROMOSI

Sepanjang tahun 2012, pelbagai program publisiti dan promosi menerusi pendekatan komunikasi pemasaran bersepadu (integrated marketing communication) yang menggabungkan aktiviti promosi; periklanan; pameran (roadshow); perhubungan awam; penjenamaan; publisiti; dan penerbitan bahan-bahan promosi telah dilaksanakan. Pelaksanaan program publisiti dan promosi ini dilaksanakan menggunakan medium media cetak, media elektronik serta juga komunikasi bersemuka.

2.1 Promosi

Pada tahun 2012, aktiviti promosi yang dilaksanakan merangkumi Majlis Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012; Program Kesejahteraan Bandar; Majlis Nur Ramadan KWPKB; dan Majlis Rumah Terbuka KWPKB. Pelaksanaan aktiviti ini dilaksanakan menerusi pelbagai medium media, antaranya media cetak, media elektronik, media sosial dan paparan iklan luar.

Selain itu juga, aktiviti promosi turut dilaksanakan secara secara perkongsian pintar bersama organisasi media Kerajaan dan Swasta dalam usaha menyebarkan dasar-dasar serta aktiviti Kementerian. Antaranya menerusi Rancangan “Dialog”, TV 1; Selamat Pagi Malaysia; Hello On Two; Rancangan “Assalamualaikum” (TV Al Hijrah); Laporan Khas Berita Perdana (RTM); Laporan Khas Buletin UTAMA;

Agenda Awani; Rancangan “Ale Carte Pagi (Radio Bernama); Rancangan “Apa Yang Hot” (HOT FM); dan juga Promo Blitz di tujuh (7) stesen radio negeri.

Bagi mempromosikan produk serta perkhidmatan Kementerian, usaha turut dilaksanakan menerusi medium pameran (roadshow). Tahun 2012 menyaksikan KWPKB terlibat dalam pameran korporat seperti Pameran G2Y; Pameran Korporat di Program Jelajah Janji Ditepati (PJJD); dan Pameran Korporat Perhimpunan Agung UMNO.

Bagi meningkatkan lagi “visibility and credibility” KWPKB, aktiviti joint promotion juga turut dilaksanakan dengan pihak swasta dan antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti:

- Program Promosi Pembangunan Semula Rumah Pangsa Kampung Kerinchi bersama Suez Domain;
- Program Promosi Produk TP1M bersama Tabung Haji; dan
- Program Partners Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri 2012.

Sesungguhnya dengan aktiviti promosi yang dilaksanakan telah dapat memberi impak yang positif kepada masyarakat serta kumpulan sasar mengenai program yang dijalankan oleh KWPKB.

2.2 Periklanan Korporat

Bagi meningkatkan imej Kementerian, pelbagai usaha yang telah dilaksanakan menerusi pendekatan komunikasi pemasaran bersepadu. Antaranya menerusi pelaksanaan periklanan korporat yang banyak memberi tumpuan kepada produk/perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian. Tahun 2012 menyaksikan sejumlah enam (6) periklanan korporat telah dilaksanakan iaitu Sambutan Hari Wilayah Persekutuan; Majlis Pelancaran, Penutup dan Festival Sukan Rakyat; Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M); Pembangunan Semula Kampung Kerinci; dan Periklanan Bertema seperti sambutan perayaan Deepavali.

Di samping itu, sejumlah tiga (3) periklanan advertorial turut dilaksanakan berkaitan “Program Pembangunan 3 Wilayah” di akhbar Berita Harian; “Residents To Enjoy Social, Economic Progress” di akhbar New Straits Times; dan “Kuala Lumpur, Pembangunan Terus Pesat Membangun” di akhbar Utusan Malaysia.

Pelaksanaan aktiviti periklanan korporat dan advertorial ini dapat memastikan maklumat berkaitan produk/perkhidmatan Kementerian dapat disalurkan kepada masyarakat serta kumpulan sasar dengan meluas. Ini secara langsung dapat memberikan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat dan juga kumpulan sasar terhadap produk/perkhidmatan yang dijalankan oleh KWPKB.

2.3 Penerbitan dan Dokumentasi

Bagi meneruskan usaha penyebaran maklumat secara berterusan, Bahagian ini turut menerbitkan bahan-bahan penerbitan dan promosi seperti Laporan Tahunan KWPKB 2012; Buku Warna Warni Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012; risalah dan poster yang berkaitan dengan produk serta perkhidmatan yang dilaksanakan oleh KWPKB. Di samping itu, bahan-bahan dokumentasi visual yang berkaitan dengan produk KWPKB juga turut diterbitkan. Antaranya Montaj 3 Tahun YB Menteri WPKB; Dokumentari Video Sambutan Pelancaran HWP 2012; Iklan TV Kempen Kibar Bendera; dan Iklan TV HWP 2012.

3. PROGRAM KOMUNIKASI STRATEGIK DAN PENGURUSAN MEDIA

3.1 Pengurusan Media

Sepanjang tahun 2012, sejumlah 19 jemputan kepada Ketua Pengarang Media Massa telah dikeluarkan untuk liputan pelbagai program dan aktiviti Kementerian khususnya yang melibatkan YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Selain itu, aktiviti pengurusan media juga merangkumi kerja-kerja penyediaan Siaran Media/ Kenyataan Media. Bagi tahun 2012, sejumlah 52 Kenyataan Media/Siaran Media telah dikeluarkan.

Di samping itu, sebanyak enam (6) program telah dilaksanakan bagi mengeratkan hubungan antara Kementerian dan Agensi dengan pihak media. Antaranya ialah Program Lawatan Editor ke Wilayah Persekutuan Labuan (5-7 April 2012), Program Kesejahteraan Bandar di Penampang bersama wakil media (16 April 2012), Program Khas YB Menteri bersama Group Editor (5 Jun 2012), Program Nur Ramadan Bersama Media (14 Ogos 2012), Perjumpaan Khas YB Menteri Bersama Media Tamil (21 November 2012) dan Majlis Penghargaan Media Bersama YB Menteri dan YB Timbalan Menteri (4 Disember 2012).

4. PROGRAM KHIDMAT PELANGGAN DAN HAL ANTARABANGSA

4.1 Pengurusan Aduan

Seksyen ini berperanan untuk menyelaras serta menjawab aduan dikemukakan oleh orang ramai melalui pelbagai saluran aduan seperti media cetak (akhbar), media elektronik (televisyen dan radio), blog dan portal rasmi/individu. Di samping itu, aduan diterima menerusi surat, panggilan telefon, email, dan sistem- sistem pemantauan aduan seperti (ISPAA), i-Aduan dan e-Akhbar. Aduan-aduan dari media cetak lazimnya diterima melalui dua kaedah iaitu Surat Kepada Pengarang (SKP) dan berita. Jawapan bagi SKP akan dimuat naik ke dalam laman web KWPKB dan Agensi serta dimuat naik ke dalam portal BERNAMA Online.

Bagi memastikan aduan dapat dipantau dan diuruskan secara sistematik, sistem ISPAA telah digunakan oleh pihak Kementerian serta Agensi dan di bawah penyeliaan Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri. KWPKB telah menguatkuasakan tatacara pengurusan aduan dalam tempoh 15 hari seperti yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 tahun 2009 (Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam).

Sepanjang tahun 2012, KWPKB dan Agensi telah menerima aduan dari pelbagai saluran penerimaan aduan. Laporan terperinci berkaitan penerimaan dan kadar penyelesaian aduan oleh KWPKB dan Agensi adalah seperti jadual dibawah:

JADUAL 2 JUMLAH PENERIMAAN ADUAN DAN STATUS PENYELESAIAN ADUAN MENGIKUT AGENSI 2012

| AGENSI | JUMLAH ADUAN | | | | | |
|----------------------------|--------------|---------------|--------------|-----------------|----------------|------------------------|
| | TERIMA | PERATUS ADUAN | SELESAI | PERATUS SELESAI | DALAM TINDAKAN | PERATUS DALAM TINDAKAN |
| DBKL | 17052 | 90.15 | 16627 | 98% | 425 | 2% |
| PERBADANAN LABUAN (PL) | 625 | 3.30 | 625 | 100% | - | - |
| PEJ. TANAH & GALIAN (PTG) | 83 | 0.44 | 57 | 68.67% | 26 | 31.33% |
| PERBADANAN PUTRAJAYA (PPJ) | 1156 | 6.11 | 1156 | 100% | - | - |
| JUMLAH | 18916 | 100% | 18398 | 98% | 451 | 2% |

4.2 Pengurusan Khidmat Pelanggan

“Service With A Smile” adalah slogan perkhidmatan pelanggan KWPKB. Layanan mesra kepada pelanggan oleh Pegawai Khidmat Pelanggan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan melalui panggilan telefon dan semua perkhidmatan kaunter menjadi keutamaan di KWPKB. Pegawai Khidmat Pelanggan KWPKB turut dilatih menggunakan kemahiran hubungan interpersonal yang positif iaitu hormat, mesra, responsif, bertimbang rasa dan berkomunikasi dengan baik dan berkesan. Bagi menjamin keberkesanan mutu pengurusan khidmat pelanggan di KWPKB, beberapa program yang berorientasikan pelanggan telah dilaksanakan seperti Kempen “Keep Smiling 2012”, Hari Bertemu Pelanggan KWPKB dan Agensi tahun 2012 dan Kajian Kepuasan Pelanggan 2012.

i. Program Hari Bertemu Pelanggan KWPKB Dan Agensi Tahun 2012

Selaras dengan arahan Kerajaan untuk mengeratkan hubungan antara sektor awam dengan orang ramai, KWPKB telah mengambil inisiatif melaksanakan Hari Bertemu Pelanggan KWPKB dan Agensi tahun 2012 bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas serta cadangan daripada masyarakat umum dalam

menambah baik mutu perkhidmatan awam. Pelaksanaan program ini telah memberi impak kepada KWPKB dan Agensi dalam mendapatkan maklumat secara terus mengenai masalah yang dihadapi oleh pelanggan masing-masing, selain meningkatkan kualiti perhubungan awam di KWPKB serta Agensi.

Program ini telah diadakan pada 2,3,4 November 2012 bertempat di Scott Garden, Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur. Hari Bertemu Pelanggan KWPKB 2012 menempatkan *exhibition booth* bagi mempamerkan produk, perancangan dan pencapaian Agensi - agensi di bawah KWPKB seperti DBKL, PPJ, PL, PPTG WPKL, MSWP dan PPKB. Enam *exhibition booth* juga telah diperuntukkan kepada agensi luar seperti Kementerian Sumber Manusia, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga dan Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Diraja Malaysia.

ii. Kajian Kepuasan Pelanggan 2012

Kajian Kepuasan Pelanggan 2012 telah dilaksanakan sebanyak 16 kali, mengikut program-program yang dijalankan seperti berikut:

| Bil. | TARIKH PERLAKSANAAN | TEMPAT KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN | TARIKH PERLAKSANAAN |
|------|---------------------|--|---------------------|
| 1 | 5-7 April 2012 | WP Labuan | 319 orang responden |
| 2 | 4 Mei 2012 | Pej. Daerah dan Tanah Batang Padang Tapah, Perak | 59 orang responden |
| 3 | 12 Mei 2012 | Majlis Pecah Tanah Kerinchi Residensi & Pelancaran K-Baru Transformasi di Kampung Kerinchi KL | 120 orang responden |
| 4 | 19 Mei 2012 | Program Ziarah Kesejahteraan Bandar di Port Dickson, Negeri Sembilan | 64 orang responden |
| 5 | 23-27 Mei 2012 | Sambutan Hari Belia Negara- Himpunan Jutaan Belia di Putrajaya | 222 orang responden |
| 6 | 25 Mei 2012 | Program Ziarah Kesejahteraan Bandar, Sarawak | 84 orang responden |
| 7 | 29 Mei 2012 | Pej. Pelajaran Daerah Batang Padang Tapah, Perak | 32 orang responden |
| 8 | 29 Mei 2012 | Majlis Perasmian Mesyuarat Majlis Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil WP KL | 32 orang responden |
| 9 | 4 Jun 2012 | Majlis Pelancaran Perluasan Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia Keseluruh Negara di The Zon Regency Hotel, Johor Baharu | 59 orang responden |
| 10 | 8 Jun 2012 | Program Jelajah Janji Ditepati Kulim Hi Tech Park, Kedah | 50 orang responden |
| 11 | 9-10 Jun 2012 | Majlis Pelancaran Program Gerakan Tumpuan Kawasan Sentul Baru KL | 130 orang responden |
| 12 | 8 Julai 2012 | Floria Putrajaya 2012 | 361 orang responden |

| Bil. | TARIKH PERLAKSANAAN | TEMPAT KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN | TARIKH PERLAKSANAAN |
|---------------------------|---------------------|---|-----------------------------|
| 13 | 12 September 2012 | Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2012 Putrajaya | 339 orang responden |
| 14 | 29 September 2012 | Program Jelajah Janji Ditepati Padang Kompleks Belia dan Sukan Paroi, Negeri Sembilan | 44 orang responden |
| 15 | 5-7 Oktober 2012 | Majlis Pelancaran Program Gerakan Tumpuan Kawasan Setualang, Johor Bahru | 66 orang responden |
| 16 | 7 November 2012 | Lawatan Sambil Belajar Al-Shakirin Bintulu, Sarawak | 31 orang responden |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 2012 orang responden |

Dalam Kajian Kepuasan Pelanggan yang dilaksanakan oleh KWPKB, 2,638 keping borang telah dikeluarkan kepada responden dan maklum balas diterima dari 2,012

orang responden. Berikut adalah rumusan kajian kepuasan pelanggan yang dijalankan sepanjang tahun 2012:

JADUAL 4 RUMUSAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2012

| | |
|-------------------------|--|
| CEMERLANG | <ul style="list-style-type: none"> - Maklumbalas yang diterima memuaskan pihak pengurusan aduan, aktiviti publisiti dan promosi serta program acara rasmi - Keberkesanan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar, Program CSRU, Program Pembangunan Sosial, Program Pembangunan Kampung Bharu berada di tahap cemerlang dan berkesan |
| BAIK | <ul style="list-style-type: none"> - Maklumbalas yang diterima amat memberansangkan pihak pengurusan aduan dan laman web rasmi KWPKB yang berinfomasi dan mesra pengguna - Pihak-pihak yang terlibat berpuashati dengan Program TP 1 Malaysia serta inisiatif yang diambil oleh KWPK dibawah Projek Greater KL/Klang Valley dan perancangan pembangunan di Wilayah Persekutuan |
| MEMUASKAN | - Tiada |
| KURANG MEMUASKAN | - Tiada |
| TIDAK MEMUASKAN | - Tiada |

iii. Kempen Keep Smiling 2012

Bahagian Komunikasi Korporat KWPKB telah menganjurkan dua pertandingan bagi Kempen Keep Smiling 2012 iaitu diperingkat Penguatkuasa/Pegawai Khidmat Pelanggan di peringkat KWPKB serta Pertandingan Mencipta Slogan Keep Smiling 2012 bagi orang awam yang bermula dari 1 Mac 2012 sehingga 10 Oktober 2012. Kempen ini diadakan selaras dengan usaha memantapkan amalan senyum dalam penyampaian perkhidmatan sektor awam seperti yang telah diarahkan oleh Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Penilaian pertandingan kempen Keep Smiling 2012 ini telah dijalankan mulai April sehingga Oktober 2012. Penjurian pertandingan dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu penilaian terhadap Kriteria Utama oleh juri jemputan dari

MAMPU, BPA, CIMB, Imigresen dan Grand Dorsett, Labuan serta penilaian terhadap Kriteria Sokongan oleh wakil Bahagian Komunikasi Korporat KWPKB. Pecahan peratusan markah yang ditetapkan adalah 80% bagi Kriteria Utama dan 20% bagi Kriteria Sokongan. Kriteria Utama ditetapkan berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2008.

Pertandingan Kempen ini turut dilaksanakan secara Mystery Shopping oleh juri jemputan yang dilantik. Pemenang pertandingan bagi kategori agensi telah memenangi wang tunai berjumlah RM 5,000 dan sijil penghargaan manakala pertandingan mencipta slogan akan memenangi wang tunai berjumlah RM 3,000 serta sijil peryertaan. Keputusan rasmi bagi pertandingan Keep Smiling 2012 bagi agensi adalah seperti jadual dibawah:

| ORGANISASI | JUMLAH MARKAH | KEDUDUKAN |
|------------|---------------|----------------|
| DBKL | 87.77% | Tempat Pertama |
| PPj | 71.42% | Tempat Kedua |
| PL | 50.25% | Tempat Ketiga |
| MSWP | - | - |
| PTGWP | - | - |

iv. Lab Year End Review 2012/2013 Dan Pengurusan Aduan Serta Mesyuarat Perancangan Program Komunikasi Korporat Tahun 2013

Pelaksanaan program ini telah membuktikan komitmen dan kesungguhan BKK untuk memperbaiki mutu kerja dan perkhidmatan yang diberikan. Melalui perbincangan secara mendalam, pencapaian KWPKB dan agensi bagi 2012 terutama dalam pengurusan aduan dan pelaksanaan program-program lain dapat dinilai dan langkah-langkah penambahbaikan dapat dikenal pasti untuk dilaksanakan bagi tahun 2013.

Program ini juga dapat dijadikan platform untuk para pegawai BKK dan agensi KWPKB untuk bertukar-tukar pendapat dan idea, serta mempelajari kecemerlangan Bandar raya Melaka dalam aspek perkhidmatan pelanggan, pengurusan acara dan pengurusan hubungan antarabangsa untuk dijadikan contoh dalam pembangunan Komunikasi Korporat di Kementerian di masa hadapan.

Selain berbincang tentang hala tuju dan sasaran kerja tahunan BKK bagi tahun 2013, strategi komunikasi pemasaran bersepadu yang merangkumi perhubungan awam, pengurusan media, khidmat pelanggan, pengurusan promosi/publisiti dan pengurusan acara/majlis yang dilaksanakan pada tahun 2012 dapat dinilai semula untuk ditambah baik bagi tahun 2013.



5. PROGRAM MAJLIS RASMI DAN PROGRAM KHAS

5.1 Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012

Tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012 (HWP 2012) ialah “Rakyat Bersatu, Wilayah Persekutuan Maju”. Pelbagai program pengisian telah diadakan sepanjang sambutan HWP 2012 bertujuan untuk memeriahkan sambutan tersebut dan menerapkan rasa cintakan Wilayah Persekutuan. Antara program yang telah dilaksanakan sepanjang bulan sambutan HWP 2012 ialah :

- Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan
- Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil Sempena Sambutan HWP 2012
- Khutbah Jumaat Khas Sempena Sambutan HWP 2012
- Majlis Pelancaran Sambutan HWP 2012
- Festival Sambutan HWP 2012 Peringkat WPKL
- Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan
- Festival Sukan Wilayah Persekutuan Labuan
- Karnival WOW! Putrajaya
- Majlis Penutup Sambutan HWP 2012

5.2 Majlis Rasmi KWPKB dan Agensi

Sepanjang tahun 2012, Seksyen ini turut menjadi urusetia induk dengan dibantu oleh agensi-agensi di bawah Kementerian yang terlibat bagi penganjuran majlis berikut:

- Festival Bunga Dan Taman Putrajaya (Floria 2012)
- Program ‘Jom Sahr’ dan Majlis Berbuka Puasa bersama YB Menteri Wilayah Persekutuan
- Rumah Terbuka Aidilfitri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan
- Program Tanggungjawab Sosial – Majlis Penyerahan Sumbangan Persekolahan ‘Back To School’ dan Kempen Kebersihan Bersama Fumakilla

5.3 Perhimpunan Bulanan KWPKB dan Agensi

Bagi tahun 2012, Seksyen ini telah mengadakan beberapa siri Perhimpunan Bulanan warga KWPKB dan Agensi bersama YB Menteri WPKB dan Ketua Setiausaha KWPKB. Majlis Perhimpunan Bulanan KWPKB Bersama Agensi Peringkat YB Menteri WPKB telah berjaya dilaksanakan sebanyak empat (4) kali iaitu pada bulan April, Jun, Julai dan September manakala Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama KSU KWPKB telah diadakan sebanyak lapan (8) kali iaitu pada bulan Mac, Mei, Jun, Julai, September, Oktober, November dan Disember.

+ Laporan Bahagian +

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

KUALA LUMPUR SKYLINE

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

PENGENALAN



Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) bertanggungjawab dalam urusan pembangunan aplikasi dan multimedia; pembangunan rangkaian dan keselamatan ICT; dan melaksanakan perancangan serta pengurusan pengguna ICT di KWPKB. Bagi melaksanakan peranan serta tanggungjawab ini, BPM mengandungi tiga (3) Seksyen iaitu Seksyen Pembangunan Aplikasi Dan Multimedia; Seksyen Rangkaian Dan Keselamatan ICT; dan Seksyen Perancangan Dan Pengurusan Pengguna.

PENCAPAIAN TAHUN 2012

1. KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK ICT (ISP) KWPKB

Kajian semula Pelan Strategik ICT (ISP) KWPKB telah dilaksanakan pada tahun 2012 selaras dengan arahan MAMPU bahawa kajian semula ISP hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya pada pertengahan penggal ISP sedia ada. Di samping itu juga, tujuan utama kajian semula ISP ini diadakan adalah untuk meneliti semula fungsi/bisnes KWPKB dan melaksanakan kajian analisis jurang ke atas ISP sedia ada bagi menghasilkan ISP KWPKB yang lebih mantap dan relevan serta penajaran semula ICT KWPKB bagi memastikan ia selari dengan pelan strategik Kementerian yang baru. Sebelum kajian semula ISP ini dijalankan, KWPKB telah pun mempunyai ISP 2010 - 2014.

Kajian semula ISP KWPKB mengambil kira perubahan struktur baru KWPKB yang melibatkan pengembangan dan pematapan fungsi serta peranan KWPKB di dalam aspek kesejahteraan bandar. Firma perunding iaitu ODAX Synergie Sdn.Bhd. telah dilantik untuk menjalankan kajian semula ISP KWPKB untuk tempoh lima (5) tahun (2013 – 2017). Projek Kajian Semula ISP telah dilaksanakan dalam tempoh empat (4) bulan bermula Julai 2012 hingga Oktober 2012.

Kesemua program dan projek yang dilaksanakan di bawah Second Rolling Plan RMKe-10 Tahun 2012 merupakan projek-projek berimpak tinggi yang memberi kesan secara langsung terhadap kesejahteraan hidup warga Wilayah Persekutuan. Sehingga 31 Disember 2012, KWPKB telah berjaya membelanjakan sebanyak RM1,641.8 juta iaitu 98.8% daripada jumlah keseluruhan peruntukan.

2. KAJIAN PEMBANGUNAN SISTEM BERSEPADU LESEN 1WILAYAH KWPKB

Inisiatif Lesen 1Wilayah adalah bertujuan memodenkan dan memudahkan proses dan prosedur kelulusan lesen perniagaan melalui penggunaan teknologi. Sebagai langkah awal pelaksanaan inisiatif Lesen 1Wilayah, Firma perunding iaitu KPMG telah dilantik untuk melaksanakan Kajian Pembangunan Sistem Bersepadu Lesen 1Wilayah KWPKB. Projek ini dilaksanakan dalam tempoh lima (5) bulan bermula Ogos 2012 hingga Disember 2012 melibatkan tiga (3) agensi KWPKB iaitu Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan (PL) dan Perbadanan Putrajaya (PPj). KPMG telah menjalankan kajian terperinci keperluan sistem dan menganalisis jurang sistem sedia ada dan telah mencadangkan kaedah terbaik pelaksanaan Lesen 1Wilayah melalui laporan kajian yang telah dikemukakan kepada KWPKB.

3. PENSIJILAN MS-ISO/IEC 27001:2007 – SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)

KWPKB telah memperoleh pensijilan MS-ISO/IEC 27001:2007 – Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan skop pensijilan “PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT UNTUK PENGOPERASIAN PUSAT DATA BAGI PORTAL KWPKB” pada 21 Disember 2012 .

Pensijilan telah dapat direalisasikan hasil sokongan dan usaha semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak. Ke arah pensijilan, tadbir urus ISMS telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa ISMS, Pasukan Pelaksana ISMS dan Pasukan Audit Dalam ISMS. Melalui Jawatankuasa/pasukan yang telah ditubuhkan itu, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012.

Aktiviti pelaksanaan ISMS secara berfasa ini mengambil masa 12 bulan dan antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi hands-holding bersama pihak MAMPU, mesyuarat, perbincangan, latihan, pengukuhan Standard Operating System, pemurnian Prosedur berkaitan keselamatan maklumat dan Pusat Data, pengumpulan dan pendokumentasian maklumat serta audit dalaman oleh Pasukan Audit Dalam sehinggalah ke peringkat pengauditan oleh Pasukan Audit dari SIRIM.

4. LAMAN WEB KWPKB BERTARAF LIMA (5) BINTANG

Laman Web/Portal KWPKB telah mendapat pengiktirafan lima (5) bintang daripada pihak MDeC/MAMPU di dalam Penilaian Laman Web/Portal Kerajaan Malaysia Bagi Tahun 2012. Laman web KWPKB menduduki tempat ke-enam belas (16) daripada 1,349 laman web/portal yang dinilai dan berkongsi kedudukan dengan beberapa agensi lain.

BPM melaksanakan penambahbaikan dan pengemaskinian kandungan secara berterusan kerana ia merupakan Key Success Factor dalam memastikan perkhidmatan yang dipaparkan di laman web KWPKB sentiasa relevan dan mampu memberikan impak dalam aspek penyampaian perkhidmatan.

5. PEROLEHAN PERALATAN ICT

Pada tahun 2012 BPM telah membuat beberapa perolehan peralatan ICT secara sebut harga dan pembelian terus di samping meneruskan sewaan peralatan ICT sedia ada supaya semua pengguna kementerian mendapat kemudahan ICT bagi memastikan kelangsungan penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien melalui penggunaan ICT. Perolehan peralatan ICT pada tahun 2012 adalah seperti di JADUAL 2 berikut:

JADUAL 1 PEROLEHAN PERALATAN ICT PADA TAHUN 2012

| BIL | ITEM | KUANTITI |
|-----|---|----------|
| 1. | iPad | 5 |
| 2. | Central Processing Unit – CPU (untuk Bilik Latihan) | 25 |
| 3. | Pengimbas Mudah Alih | 2 |
| 4. | Komputer Riba | 20 |
| 5. | Projektor | 7 |
| 6. | Pengimbas (A3) | 1 |

6. JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) KWPKB

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KWPKB telah diadakan sebanyak empat (4) kali pada 1 Mac 2012, 28 Mei 2012, 25 September 2012 dan 5 Disember 2012. Sebanyak 53 cadangan perolehan projek ICT telah diluluskan oleh Mesyuarat JPICT KWPKB di sepanjang tahun 2012.

7. JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTICT) KWPKB

Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) KWPKB telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh SUB(BPM). Tujuan penubuhan JTICT KWPKB adalah seperti berikut:

- i. Memperincikan dan memberi ulasan ke atas kertas permohonan kelulusan teknikal projek ICT KWPKB dan Agensi sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT KWPKB;
- ii. Kelulusan teknikal bagi permohonan projek ICT KWPKB yang melibatkan kos RM 50,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Ribu sahaja) dan ke bawah seperti di dalam Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009; dan
- iii. Membincangkan isu-isu pelaksanaan projek ICT KWPKB dan agensi di bawah.

Pada tahun 2012 Mesyuarat JTICT KWPKB telah diadakan sebanyak lima (5) kali pada 14 Februari 2012, 3 April 2012, 10 Mei 2012, 13 September 2012 dan 18 Oktober 2012.

8. KAJIAN SEMULA DASAR KESELAMATAN ICT KWPKB

BPM telah membuat semakan semula ke atas Dasar Keselamatan ICT (DKICT) KWPKB sedia ada bagi memastikan ia selari dengan perubahan teknologi, perundangan dan kepentingan sosial semasa. Bagi tujuan tersebut, satu Bengkel Kajian Semula DKICT telah diadakan pada 17-19 Februari 2012 di Hotel Emperor, Melaka. DKICT KWKB yang baru iaitu DKICT KWPKB versi 4.0 telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT KWPKB Bil.1 Tahun 2012 pada 1 Mac 2012.

9. BPM JUARA PERTANDINGAN ZON KREATIF DAN INOVATIF

BPM atau Zon Astaka Morocco melalui Persekutaran Berkualiti (QES/5S) telah dinobatkan sebagai pemenang di tempat pertama Pertandingan Zon Kreatif dan Inovatif sempena Sambutan Hari Inovasi Tahun 2012 pada 20 Disember 2012.



+ Laporan Bahagian +

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

TERMINAL FERI ANTARABANGSA, LABUAN

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

PENGENALAN



Pejabat Penasihat Undang-Undang adalah komponen utama kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar berdasarkan kepada objektif utama penubuhan Pejabat Penasihat Undang-Undang iaitu memberi nasihat kepada Kementerian berhubung dengan semua urusan perundangan yang melibatkan Kementerian dengan Agensi yang dipertanggungjawab di bawahnya.

(A) PANDANGAN UNDANG-UNDANG

Bagi tahun 2012, Pejabat ini telah mengemukakan 70 pandangan undang-undang bertulis kepada Kementerian dan Agensi di bawahnya. Manakala pandangan undang-undang secara lisan telah diberikan dari semasa ke semasa.

(B) PENGUBALAN RANG UNDANG-UNDANG / AKTA / PERUNDANGAN SUBSIDIARI.

i. Perundangan subsidiari yang telah disiarkan dalam warta sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut:

(a) Undang-Undang Kecil, Peraturan-Peraturan, Kaedah-Kaedah, Pemberitahuan dan Perintah

(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976
Undang-Undang Kecil Taman (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2012 [P.U.(A) 21/2012]

(2) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974
Undang-Undang Kecil Jalan Parit dan Bangunan (Caj-Caj Pembentukan)(Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pembatalan) 2012 [P.U.(A) 27/2012]

(3) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974
Undang-Undang Kecil Jalan Parit dan Bangunan (Caj Pembersihan Tangki Najis dan Tangki Imhoff)(Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pembatalan) 2012 [P.U.(A) 28/2012]

(4) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974
Undang-Undang Kecil Pembentukan dan Parit (Pembatalan) 2012 [P.U.(A) 29/2012]

(5) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974
Undang-Undang Kecil Pembinaan Loji Kumbahan Persendirian (Pembatalan) 2012 [P.U.(A) 30/2012]

(6) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974
Undang-Undang Kecil Pembinaan Loji Kumbahan Persendirian (Pembaikan dan Penyelenggaraan) (Pembatalan) 2012 [P.U.(A) 31/2012]

(7) Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa [P.U.(A) 72/2012]

(8) Akta Pengangkutan Jalan 1987
Perintah Pengangkutan Jalan (Perhentian Bagi Kenderaan-Kenderaan Perkhidmatan Awam)(Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2012 [P.U.(A) 85/2012]

(9) Akta Perlembagaan (Pindaan)(No.2) 1984
Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Peluasan dan Ubahsuaian Akta Hari Kelepasan)(Pindaan) 2012 [P.U.(A) 438/2012]

(10) Akta Kerajaan Tempatan 1976
Undang-Undang Iklan Pilihanraya (Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur (Pindaan) 2012 [P.U.(A) 463/2012]

(11) Akta Kerajaan Tempatan 1976
Kadar Tahunan Yang Disatukan 2011 Bagi Wilayah
Persekutuan Kuala Lumpur [P.W.8521/2012]

(12) Akta Kerajaan Tempatan 1976
Kadar Tahunan Yang Disatukan 2011 Bagi Wilayah
Persekutuan Kuala Lumpur [P.W.8522/2012]

(13) Pembedulan Kadar Tahunan Yang Disatukan
2012 Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
[P.W.24976/2012]

(b) Pelantikan

(1) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960
Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya
Kuala Lumpur 1989
Pelantikan Ahli Lembaga Penasihat [P.U.(B) 59/2012]

(2) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960
Peraturan-Peraturan Lembaga Penasihat Bandaraya
Kuala Lumpur 1989 Pelantikan Ahli Lembaga Penasihat
[P.U.(B) 354/2012]

(3) Akta (Perancangan)Wilayah Persekutuan 1982
Pelantikandi bawah subseksyen 45(5) [P.U.(B) 15/2012]

(4) Kanun Tanah Negara
Pelantikan Pendaftar Hakmilik dan Timbalan Pengarah
Tanah dan Galian [P.W.16924/2012]

(5) Kanun Tanah Negara
Pelantikan Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong
Pentadbir Tanah [P.W.31362/2012]

(6) Kanun Tanah Negara
Pelantikan Timbalan Pendaftar Hakmilik, Penolong
Pentadbir Tanah, Timbalan Pengarah Tanah dan Galian
dan Pegawai Petempatan [P.W.22749/2012]

(7) Kanun Tanah Negara
Pelantikan Timbalan Pendaftar Hakmilik, Penolong
Pentadbir Tanah, Timbalan Pengarah Tanah dan Galian
dan Pegawai Petempatan [P.W.22898/2012]

(8) Kanun Tanah Negara
Pelantikan Timbalan-Timbalan Pendaftar Hakmilik,
Penolong Pentadbir Tanah, Timbalan Pengarah Tanah
dan Galian dan Pegawai Petempatan [P.W. 41355/2012]

(9) Kanun Tanah Negara
Pelantikan di bawah subseksyen 12(1B)(b)
[P.W.41357/2012]

(10) Akta Pengangkutan Jalan 1987
Pelantikan warden lalulintas [P.W.41358/2012]

(c) Perintah Penahanan dan/atau Perintah Pembebasan di bawah Kanun Tatacara Jenayah

Bagi tahun 2011, sebanyak 11 Perintah Penahanan dan/
atau Pembebasan di bawah Kanun Tatacara Jenayah
telah disemak.

(d) Perizaban Tanah di bawah Seksyen 62 dan 64 Kanun Tanah Negara

i. Perizaban Tanah Bagi Maksud Awam di Bawah Seksyen 62

- Diwartakan pada 3 Januari 2012
P.U.(B) 1, P.U.(B) 2 P.U.(B) 3, P.U.(B) 4, P.U.(B) 5,
P.U.(B) 6, P.U.(B) 7
- Diwartakan pada 4 Januari 2012
P.U.(B) 8, P.U.(B) 9, P.U.(B) 10, P.U.(B) 11,
P.U.(B) 12
- Diwartakan pada 6 Januari 2012
P.U.(B) 16, P.U.(B) 17
- Diwartakan pada 26 Mac 2012
P.U.(B) 81, P.U.(B) 82,
- Diwartakan pada 30 Mac 2012
P.U.(B) 97
- Diwartakan pada 10 April 2012
P.U.(B) 134, P.U.(B) 135, P.U.(B) 136, P.U.(B) 138,
- Diwartakan pada 13 April 2012
P.U.(B) 140

- Diwartakan pada 19 Disember 2012
P.U.(B) 415 , P.U.(B) 416

ii. Notis Cadangan Pembatalan Perizaban Tanah Bagi Maksud Awam di Bawah Seksyen 64

- Diwartakan pada 26 Januari 2012
P.U.(B) 31/2012
- Diwartakan pada 30 Mac 2012
P.U.(B) 98/2012
- Diwartakan pada 24 September 2012
P.U.(B) 301/2012
- Diwartakan pada 6 Disember 2012
P.U.(B) 402/2012

iii. Pembatalan Perizaban Tanah Bagi Maksud Awam di Bawah Seksyen 64

- Diwartakan pada 30 Mac 2012
P.U.(B) 99/2012
- Diwartakan pada 15 Mei 2012
P.U.(B) 180/2012

- Diwartakan pada 28 Jun 2012
P.U.(B) 213/2012

iv. Pemberitahuan Mengubah Sempadan [P.U.(B) 171/2012]

- Diwartakan pada 3 Mei 2012

v. Pembedulan [Diwartakan pada 13 April 2012]

- P.U.(B) 141/2012
- P.U.(B) 142/2012
- P.U.(B) 143/2012

(C) PERJANJIAN

Bagi tahun 2012, sebanyak 22 dokumen perjanjian yang dikemukakan oleh pihak Kementerian.

(D) KERTAS SIASATAN

Sebanyak 13 kertas siasatan yang dikemukakan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah disemak bagi tahun 2011 untuk kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara.

+ Laporan Bahagian +

URUS SETIA JAWATANKUASA KERJA TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN

Allianz 

Allianz 

KUALA LUMPUR MONORAIL

URUS SETIA JAWATANKUASA KERJA TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN

PENGENALAN



Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan (UJKTWP) merupakan salah sebuah unit di bawah organisasi Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Ia diletakkan secara terus di bawah seliaan Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

UJKTWP KWPKB ditubuhkan pada 8 November 2006 berikutan keputusan Jemaah Menteri meletakkan pentadbiran tanah Wilayah Persekutuan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Sebelum itu, UJKTWP diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri sejak 27 Mac 2004.

1. KEURUSETIAAN MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, LABUAN DAN PUTRAJAYA

UJKT KWPKB telah melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan melibatkan ketiga-tiga Wilayah iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejumlah 24 kali mesyuarat telah diadakan bagi tempoh Januari hingga 31 Disember 2012. Manakala bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya sejumlah enam (6) kali mesyuarat telah diadakan. Bagi Wilayah Persekutuan Labuan sejumlah lapan (8) kali mesyuarat telah diadakan untuk tempoh Januari hingga 31 Disember 2012.

2. PROGRAM PENJUALAN RUMAH CSRU DI PUTRAJAYA

Sehingga 31 Disember 2012 unit-unit CSRU yang telah ditawarkan mengikut presint dan jenis kediaman adalah seperti berikut:

JADUAL 1 UNIT-UNIT CSRU YANG TELAH DITAWARKAN MENGIKUT PRESINT DAN JENIS KEDIAMAN

| JENIS RUMAH & PRESINT | 8 | 9 | 10 | 11 | 14 | 15 | 16 | 18 | JUMLAH |
|---------------------------|----|-----|----|-----|----|-----|----|----|------------|
| Banglo | - | - | 7 | - | 14 | - | 3 | - | 24 |
| Semi-D | 10 | 17 | 14 | 15 | 30 | 210 | 12 | 38 | 346 |
| Teres | 19 | 114 | - | 104 | 45 | - | 56 | 31 | 369 |
| Kondominium | - | - | - | 46 | - | - | - | - | 46 |
| Townvilla | - | - | - | - | - | - | 30 | - | 30 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | | | | | | | 815 |

Urusan penawaran unit kediaman dilaksanakan secara berterusan berdasarkan kepada jumlah unit yang diserahkan oleh pihak pemaju kepada Kerajaan serta kelayakan pemohon berdasarkan merit serta garis panduan yang telah ditetapkan. Sehingga 31 Disember 2012 bilangan pemohon yang masih berada di dalam senarai menunggu mengikut kategori rumah yang dipilih adalah seperti berikut:

JADUAL 2

BILANGAN PEMOHON YANG MASIH BERADA DI DALAM SENARAI MENUNGGU MENGIKUT KATEGORI RUMAH YANG DIPILIH


| BIL | | JUMLAH |
|---------------------------|-------------|--------------|
| 1. | Banglo | 108 |
| 2. | Semi-D | 481 |
| 3. | Teres | 775 |
| 4. | Kondominium | 263 |
| 5. | Townvillas | 135 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 1,762 |

Kewujudan senarai menunggu adalah disebabkan bilangan unit-unit CSRU yang ditawarkan terhad dan bergantung kepada tahap kemajuan pembangunan di setiap presint dan pada masa yang sama permohonan sentiasa diterima oleh UJKTWP. Termasuk di dalam senarai menunggu tersebut adalah pemohon yang telah menolak tawaran dan meminta dipertimbangkan semula tawaran pada masa hadapan.

3. LAWATAN TAPAK BAGI ADUAN KECACATAN KUARTERS BERKEMBAR PRESINT 15, PUTRAJAYA

Lawatan tapak ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada pembeli-pembeli unit kuarters berkembar di Presint 15, Putrajaya agar dapat mengenalpasti kecacatan atau kerosakan rumah yang telah dibeli dan membuat aduan kepada Bahagian Pengurusan Hartanah, Putrajaya bagi tindakan selanjutnya. Lawatan ini hanya sekali sahaja kepada semua memberi kerana pembaikan kecacatan diberi secara 'one-off' dan tiada aduan yang diterima selepas lawatan tersebut kecuali kerosakan yang besar.

UJKTWP turut berperanan untuk memaklumkan kepada pembeli-pembeli yang mana semua aduan akan dicatat tetapi ia akan ditapis terlebih dahulu kerana tertakluk klausa dalam Perjanjian JualBeli yang mana menggariskan rumah tersebut adalah 'SEBAGAIMANA ASASNYA SEDIA ADA' dan lawatan kecacatan hanya diberi oleh pihak Kerajaan secara ihsan kepada pembeli-pembeli tersebut. Lawatan ini telah bermula pada awal April 2012 dan akan berakhir sebelum 20 Mac 2013 memandangkan "Defeat Liability Period" (DP) akan tamat pada 20 Mac 2013.





+ Laporan Bahagian +

BAHAGIAN AUDIT DALAM

JAMBATAN SERI WAWASAN, PUTRAJAYA

BAHAGIAN AUDIT DALAM

PENGENALAN



Bagi memastikan pengurusan sumber dan kewangan dilaksanakan dengan berhemat, cekap, ekonomi dan berkesan, Bahagian Audit Dalam (BAD) telah ditubuhkan pada 1 April 2005 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004. BAD KWPKB telah ditubuhkan sebagai salah satu komponen kawalan dalaman KWPKB yang menilai secara bebas dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha KWPKB.

Bahagian ini juga berperanan sebagai penyumbang ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti di semua peringkat Kementerian serta Agensi di bawahnya.

PENCAPAIAN TAHUN 2012

1. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan Pengurusan Kewangan merupakan pendekatan audit bagi menentukan wujudnya kesempurnaan dan keutuhan sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada peraturan, undang-undang dan arahan pengurusan kewangan yang sedang berkuatkuasa. Sebanyak dua (2) pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan sepanjang tahun 2012. Tajuk pengauditan yang dijalankan adalah seperti berikut :

- 1.1 Pengauditan Terhadap Pemberian Wang Bantuan Pengurusan Program Kemiskinan Bandar Kepada Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- 1.2 Pengauditan Terhadap Pengurusan Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar (MPKB) Di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

2. PENGAUDITAN PRESTASI

Audit Prestasi adalah merupakan pendekatan audit bagi menentukan sumber, operasi dan aktiviti/program telah

dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan ekonomik. Sebanyak empat (4) pengauditan prestasi telah dijalankan sepanjang tahun 2012. Tajuk pengauditan yang dijalankan adalah seperti berikut :

- 2.1 Kajian Terhadap Pengurusan Pelaksanaan Projek-Projek Kecil oleh Bahagian Pengurusan dan Pembangunan;
- 2.2 Kajian Terhadap Pembinaan Kiosk;
- 2.3 Kajian Terhadap Perolehan Bahagian Komunikasi Korporat; dan
- 2.4 Kajian Terhadap Program Latihan Kemahiran Dan Keusahawanan Di Bawah Program Pembasmian kemiskinan Bandar Yang Dijalankan Oleh PPMM

3. PEMERIKSAAN MENGEJUT

Sebanyak empat (4) pemeriksaan mengejut audit telah dilaksanakan oleh BAD KWPKB pada tahun 2012. Tajuk pengauditan yang dijalankan adalah seperti berikut :

- 3.1 Pemeriksaan Mengejut di KWPKB
- 3.2 Pemeriksaan Mengejut di PTG WP Kuala Lumpur
- 3.3 Pemeriksaan Mengejut di MSWP
- 3.4 Pemeriksaan Mengejut di PTG WP Putrajaya

4. AUDIT SUSULAN

Sepanjang tahun 2012, satu pengauditan susulan telah dijalankan iaitu bagi tajuk Pengauditan Susulan Tiket Kapal Terbang di KWPKB.

Di samping itu, BAD KWPKB turut mengemukakan syor-syor serta pandangan untuk mengatasi isu-isu yang dibangkitkan. Selain itu, BAD KWPKB juga telah mengambil tindakan dengan membentangkan isu-su yang dibangkitkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Kementerian (JPKA).



+ Laporan Agensi +

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)

BUKIT BINTANG, KUALA LUMPUR

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)

PENGENALAN



Daripada sebuah pekan kecil Kuala Lumpur telah menjadi Ibu Kota Negara dan sebuah bandar yang terbesar di Malaysia. Bandar Raya Kuala Lumpur kini menjadi penting dan menjalankan peranan dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan, kewangan, pentadbiran, pendidikan, agama, kebudayaan dan sukan. Hal ehwal perbandaran Kuala Lumpur ditadbirkan oleh satu perbadanan tunggal (corporation sole) sejak 1 April 1961 iaitu Pesuruhjaya Ibu Kota yang kemudian diubah kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur apabila Kuala Lumpur dianugerahkan taraf Bandar Raya pada 1 Februari 1972.

PENCAPAIAN TAHUN 2012

1. LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA KUALA LUMPUR

Mesyuarat Ahli Lembaga Penasihat diadakan sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun. Retreat Lembaga Penasihat pula diadakan sekali setahun. Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Bandar dan ahli-ahli mesyuaratnya terdiri daripada Ahli Lembaga Penasihat, Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Ketua-ketua Jabatan Unit DBKL serta Ketua Pengurus Kawasan Pejabat Cawangan.

Mesyuarat diadakan bagi mendapatkan idea, cadangan, penyertaan, sumbangan dan kepimpinan Ahli Lembaga Penasihat dalam membincangkan mekanisma pelaksanaan, peningkatan kualiti dan tahap perkhidmatan yang boleh ditambahbaik selain mendapat sokongan Ahli Lembaga Penasihat.

2. PERJUMPAAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR DENGAN AHLI PARLIMEN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Perjumpaan Datuk Bandar dengan Ahli Parlimen WPKL diadakan sebanyak tiga (3) kali setahun. Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Bandar. Ahli mesyuarat terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Ketua-ketua Jabatan/Unit DBKL dan Pengurus-pengurus Kawasan. Perjumpaan memfokuskan perbincangan mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bawah seliaan mereka.

3. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Seramai 874 pegawai/kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dilantik menerusi 51 siri temuduga yang melibatkan pelbagai jawatan. Daripada jumlah tersebut, 42 orang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 79 orang Kumpulan Sokongan I (Kumpulan B), 411 orang Kumpulan Sokongan I (Kumpulan C), 72 orang Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D) dan 270 orang Kumpulan Sokongan II (IMG). Selain itu, sebanyak 9,035 perjawatan tetap telah diisi dan seramai 1,255 orang untuk perjawatan kontrak.

Institut Latihan DBKL (IDB) mula beroperasi pada Julai 2011 di Bandar Tun Razak Cheras. IDB telah melaksanakan 359 kursus, iaitu 205 kursus kendalian dalaman yang melibatkan penyertaan seramai 8,574 orang dan 154 kursus kendalian luar (anjaran Agensi luar) yang melibatkan 729 orang.

DBKL juga telah mendapat pengiktirafan pensijilan semula MS ISO 9001:2008 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu daripada 18 sehingga 17 September 2015. Upacara penyerahan Sijil MS ISO 9001:2008 telah disampaikan oleh wakil Pengarah Urusan SIRIM QAS International Sdn. Bhd., Puan Lee Lay Kuan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 29 November sempena sambutan Hari Inovasi DBKL 2012. Terdapat 70 skop pensijilan MS ISO 9002:2008 keseluruhannya. Ia merangkumi semua fungsi-fungsi utama organisasi DBKL. Daripada 70 skop pensijilan ini, 36 skop merupakan skop sedia ada manakala 34 adalah skop baharu.

Retreat Pencapaian KPI dan Perancangan 2012 telah diadakan di Nilai Spring Resort, Negeri Sembilan pada 3 - 5 Januari 2013. Pencapaian keseluruhan adalah 93.33%. Datuk Bandar Kuala Lumpur telah mengarahkan supaya semua jabatan menyediakan tiga KPI tambahan berdasarkan kepada Key Result Area (KRA) iaitu Pemupukan Budaya Kerja Cemerlang, Pengurusan Aduan Awam dan Prestasi Bajet Tahunan.

4. PENINGKATAN KUALITI DAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Majlis Perasmian U-Pustaka di Perpustakaan Kuala Lumpur telah diadakan pada 5 November 2012 dan disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Ahmad Phesal Hj. Talib, Datuk Bandar Kuala Lumpur. Matlamat utama U-Pustaka ini adalah untuk merangkaikan semua perpustakaan di Malaysia bagi membolehkan orang awam meminjam dan memulangkan buku dari mana-mana perpustakaan menerusi perkhidmatan internet, portal dan pencarian atas talian antara perpustakaan.

Permohonan pinjaman menerusi portal U-Pustaka berupaya untuk dirangkaikan kepada Gerbang Penghantaran oleh Pos Laju dan pembayaran tanpa tunai oleh MEPS serta Touch n' Go. Ini meliputi tujuan peminjaman, pemulangan, penempahan dan pembaharuan sumber-sumber bacaan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

DBKL menyambut baik usaha kerajaan bagi memantapkan saluran perkhidmatan kepada warga kota dengan mewujudkan mySMS atau dikenali sebagai Gerbang SMS Kerajaan. Ini adalah usaha Kerajaan dalam memperkenalkan satu nombor sms iaitu 15888 bagi semua Agensi Kerajaan. Satu majlis pelancaran mySMS dan semakan saman Mobile APPS DBKL telah diadakan di Auditorium DBKL, Menara DBKL1 pada 18 Jun 2012. Terdapat

empat (4) perkhidmatan yang akan ditawarkan iaitu semakan saman trafik, status permohonan lesen perniagaan, aduan awam secara SMS dan SMS Kaunter Rating. Bagi aplikasi mobile, DBKL menawarkan semakan saman iaitu saman am dan trafik melalui aplikasi smartphone. Bagi SMS Kaunter Rating, DBKL merupakan salah satu agensi perintis bagi sistem ini yang diselia oleh MAMPU dibawah program *Strategic Reform Initiatives*. Sistem ini dapat memberi peluang kepada pelanggan untuk memberi maklum balas mengenai kualiti perkhidmatan yang telah mereka terima di kaunter DBKL.

5. PENGURUSAN ADUAN

i. Penerimaan panggilan melalui talian bebas tol 1-800-88-3255

Statistik penerimaan jumlah panggilan di Call Centre adalah sebanyak 52,235 panggilan. Berdasarkan analisa, tempoh masa dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang adalah waktu puncak dan paling kerap menerima panggilan. Secara keseluruhan, purata jumlah penerimaan aduan dan pertanyaan sehari boleh dianggarkan dengan kadar 47 panggilan berbentuk aduan dan 96 panggilan berbentuk pertanyaan. Perbezaan yang ketara ini telah membuktikan bahawa Call Centre telah menjadi pusat rujukan kepada warga kota yang perlu mendapatkan khidmat nasihat dan pertanyaan berkaitan perkhidmatan DBKL secara keseluruhan.

ii. Kadar penerimaan dan penyelesaian aduan

Jumlah aduan yang diterima adalah sebanyak 17,098 kes aduan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 16,756 (98%) kes aduan telah berjaya diselesaikan dan terdapat 342 kes aduan yang masih di dalam tindakan.

iii. Penerimaan pelanggan di kaunter khidmat pelanggan

Seramai 607 pelanggan telah datang berurusan di kaunter-kaunter khidmat pelanggan pada tahun 2012. Jumlah penurunan adalah sebanyak 75% berbanding dengan tahun 2011 iaitu sebanyak 2,426 orang. Berdasarkan statistik, kaunter aduan awam (Jabatan Perancangan Korporat) merupakan kaunter yang paling banyak menerima pelanggan iaitu seramai 479 orang. Kaunter Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaga direkodkan sebagai kaunter kedua yang paling ramai menerima pelanggan iaitu seramai 128 orang.

6. PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

Sebanyak 7,189 permohonan perancangan yang melibatkan permohonan kebenaran merancang telah diterima. Di antara permohonan perancangan yang telah diterima oleh Urusetia Pusat Setempat (OSC) melibatkan 5 jenis permohonan iaitu permohonan serentak, kebenaran merancang, pelan kejuruteraan, pelan bangunan dan CFO. Jenis permohonan yang paling banyak diterima ialah permohonan pelan bangunan iaitu sebanyak 4,291 permohonan.

7. PEMBANGUNAN KEMUDAHAN AWAM

Bagi memberi keselesaan kepada orang ramai yang cintakan keindahan alam semula jadi sambil beriadah, DBKL telah membangunkan Taman Rimba Bukit Kerinchi, Pantai Dalam. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB. Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada 7 Julai. Taman ini dibangunkan dalam tiga fasa dengan fasa pertama bermula Julai 2011 dan siap sepenuhnya pada Jun lalu yang melibatkan kawasan seluas 0.4 hektar. Bagi fasa kedua dan ketiga pula hanya akan bermula pada tahun 2013. Luas keseluruhan tapak kawasan hijau ini adalah 66.15 hektar dan ia merupakan kawasan bukit yang berfungsi sebagai kawasan tadahan air dan dimiliki sepenuhnya oleh DBKL dan direzabkan sebagai kawasan hijau. Taman ini menyediakan kemudahan riadah dan yang lengkap serta mewujudkan suasana hidup yang lebih sihat kepada pengunjungnya.

Pelbagai usaha juga telah dijalankan oleh DBKL untuk memberi kesedaran kepada warga kota agar menyayangi Kuala Lumpur dari aspek pemeliharaan alam sekitar dan kesihatan diri. Bersempena dengan tujuan itu, DBKL telah melancarkan Projek Taman Herba Sungai Midah Local Agenda 21 pada 17 Jun. Projek ini merupakan salah satu aktiviti di bawah tema Bersih dan Indah DBKL dan telah direncanakan bersama rakan kongsi LA 21 KL melalui kaedah pendekatan yang digunapakai oleh pihak komuniti (MAEH), kerajaan (DBKL) dan swasta (MMC Corporation) dengan tujuan pengindahan Kuala Lumpur. Sungai Midah dikenalpasti sebagai sebuah sungai yang mempunyai kemudahan rekreasi iaitu wakaf dan laluan pejalan kaki sepanjang 2 km dari PPR Raya Permai ke Stadium Bukit Jalil.

Selain itu, Bangunan Pudu Sentral yang dulunya dikenali sebagai Hentian Puduraya kini dikenali sebagai Pusat Transformasi Bandar (UTC). Pengumuman tersebut dibuat oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dalam Majlis Perasmian UTC KL di Pudu Sentral, pada 22 September 2012. UTC merupakan pusat sehenti di bawah satu bumbung merangkumi 39 jabatan kerajaan, agensi swasta serta pusat rekreasi. UTC membolehkan warga kota dan pengunjung membuat pelbagai urusan seperti pembayaran zakat, cukai, urusan MyKad, passport dan beriadah sama ada wall climbing, senaman aerobik mahupun futsal.

Pembinaan Kompleks Pines Bazaar di Little India, Brickfields akan membantu mengurangkan masalah kekurangan tempat letak kereta dan kesesakan di kawasan itu. Kompleks setinggi lima tingkat termasuk dua tingkat tempat letak kereta bawah tanah itu dapat menampung sebanyak 170 buah kereta pada satu-satu masa. Selain dapat menempatkan penjaja, kompleks yang berkonsepkan ciri-ciri reka bentuk India dan Moorish ini adalah sebagai usaha mengurangkan masalah kesesakan dan meletak kenderaan yang selama ini menghantui pengunjung di Brickfields terutamanya Little India.

8. PROJEK PEMBANGUNAN

Peruntukan program/projek pembangunan DBKL terbahagi kepada tiga (3) sumber pembiayaan iaitu daripada peruntukan DBKL, Kerajaan Pusat yang terdiri daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), Peruntukan Khas Tebatan Banjir, National Key Result Area (NKRA) dan Greater KL (NKEA) serta pembiayaan pihak swasta (Petronas). Secara keseluruhan, peruntukan yang disediakan untuk program/ projek pembangunan adalah RM468 juta. Daripada jumlah berkenaan, prestasi perbelanjaan adalah RM431 juta atau 92.28% daripada peruntukan yang disediakan. Prestasi kewangan mengikut sumber pembiayaan adalah seperti berikut:

JADUAL 1 PRESTASI KEWANGAN MENGIKUT SUMBER PEMBIAYAAN.

| PEMBIAYAAN | PERUNTUKAN (RM JUTA) | PERBELANJAAN | |
|-------------------|-------------------------|----------------|--------------|
| | | RM JUTA | % |
| DBKL | 215.380 | 196.562 | 91.26 |
| RMKe-10 | 144.050 | 136.532 | 94.78 |
| Tebatan Banjir | 2.595 | 2.538 | 97.81 |
| NKRA | 31.040 | 29.983 | 96.59 |
| Greater KL (NKEA) | 69.833 | 61.864 | 88.59 |
| Petronas | 4.660 | 3.980 | 85.41 |
| JUMLAH | 467.558 | 431.459 | 92.28 |

9. PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

YAB Datin Paduka Seri Rosmah Mansor merangkap penangung program PERMATA telah merasmikan Pusat Anak PERMATA Negara Kerinchi di PPR Kerinchi pada 9 Julai 2012. Pusat yang telah beroperasi dengan disertai seramai 35 orang kanak-kanak menyediakan sebuah pusat asuhan dan didikan kanak-kanak yang berkualiti sekaligus dapat menyediakan anak-anak negara dengan landasan yang kukuh untuk bersama memacu kemajuan negara.

10. PEMBANGUNAN AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI

Penganjuran Festival KUL Sign 2012 dilihat sebagai serampang dua mata dalam membantu meletakkan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan popular. Festival itu bukan sahaja mampu mengawal gejala vandalisme tetapi juga dapat mempopularkan aktiviti grafiti yang sihat kepada warga kota dan pelancong asing. Festival yang memasuki edisi kedua itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan bukan sahaja daripada penggiat seni grafiti tempatan tetapi juga luar negara seperti Itali, Singapura, Indonesia, Filipina, Hong Kong dan Sweden.




+ Laporan Agensi +


PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj)

MENARA PJH, PUTRAJAYA

PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj)

CARTA ORGANISASI PERBADANAN PUTRAJAYA 2012





VISI 2015

Putrajaya akan menjadi Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur, yang memenuhi keperluan sosio ekonomi, rekreasi dan rohaniah penghuni, warga kerja dan pelawat

MISI

Tujuan utama kami adalah untuk merancang, membangun dan mengurus Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan secara cekap dan berkesan dengan:

- Membentuk dasar dan rangka kerja pembangunan yang sesuai;
- Menjalinkan hubungan dan pertalian yang membina dengan semua pemegang kepentingan dan rakan kongsi;
- Memberi organisasi yang berprestasi tinggi, cekap dan mesra pelanggan;
 - Menyediakan kemudahan awam yang bertaraf dunia;
- Memupuk persekitaran yang kondusif bagi aktiviti komersial yang semakin berkembang maju; dan
- Mengamalkan tahap tadbir urus dan integriti yang sangat baik.

VISI 2015

PPj telah di tubuhkan di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) yang berkuatkuasa mulai 1 Mac 1996. Objektif penubuhan PPj adalah untuk merancang, membangun, mentadbir dan mengurus Wilayah Persekutuan Putrajaya. Fungsi PPj sepertimana yang termaktub dalam Seksyen 4 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536).



PENCAPAIAN TAHUN 2012

1. ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Pada tahun ini, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah memperolehi beberapa anugerah dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan dalam negara. Antara anugerah tersebut ialah The International Awards for Liveable Communities 2012 (LivCom Awards 2012) anjuran United Nations Environment Programme (UNEP) dengan merangkul Gold Award bagi Eco-Hydrology Management of Lake and Wetland in Putrajaya Ecosystem, Silver Award bagi Whole City Award: City of Putrajaya serta Bronze Award bagi kategori Community Gardens of Putrajaya dan Healthy Parks Healthy People.



Majlis Anugerah Prestasi Cemerlang
MGPWA 2012



Bagi anugerah dan pengiktirafan dalam negara pula, PPj telah mendapat tempat pertama (Penarafan Lima Bintang) bagi Malaysia Government Portals and Website Assessment (MGPWA) 2012. Di samping itu, PPj turut menerima pengiktirafan standard antarabangsa MS ISO 9001:2008 bagi “Pengurusan dan Perkhidmatan Perbandaran Bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya” yang meliputi kesemua perkhidmatan teras PPj.

PPj juga dengan usahasama pihak MAMPU telah melancarkan 1Malaysia One Call Centre (1MOCC). Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 12 November 2012 bertempat di Tingkat 6, Kompleks PPj. 1MOCC merupakan satu projek National Flagship di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang membolehkan orang awam hanya perlu mendail satu nombor sahaja iaitu 03-8000 8000 bagi mendapat sebarang maklumat dan aduan berkaitan perkhidmatan Kerajaan. Pusat panggilan ini adalah merupakan pusat penyelesaian setempat untuk rakyat mengemukakan pertanyaan, aduan atau cadangan mengenai perkhidmatan awam.



Atas & bawah: Majlis
Pelancaran 1Malaysia One
Call Centre (1MOCC)



Majlis Menandatangani
Memorandum Persefahaman
Antara PPj dengan SPRM

2. PEMBUDAYAAN AMALAN INTEGRITI

Pada 3 Julai 2012, PPj telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di mana ianya merupakan satu milestone yang penting dalam perjalanan PPj ke arah meningkatkan tadbir urus dan integriti di kalanganarganya.

3. PENGURUSAN RISIKO DAN AUDITAN DALAMAN

Selaras dengan usaha Kerajaan dalam mempertingkatkan amalan tadbir urus korporat yang baik, beberapa langkah ke hadapan telah diambil oleh PPj. Usaha telah dibuat bagi mempertingkatkan kawalan dalaman dan menguruskan risiko secara lebih berkesan. Sehubungan itu, Kerangka Kerja Pengurusan Risiko Perbadanan Putrajaya telah dilancarkan pada 9 Mac 2012 di mana dokumen ini merupakan panduan kepada warga PPj untuk menguruskan risiko secara lebih sistematik dalam setiap aktiviti/program atau projek yang dilaksanakan.

Dalam tahun 2012, pihak pengurusan PPj telah meluluskan sebanyak 21 tajuk auditan yang meliputi auditan kewangan dan auditan pengurusan untuk dilaksanakan. Daripada 21 tajuk tersebut, 17 tajuk telah diselesaikan dalam tahun 2012 dan selebihnya hanya diselesaikan dalam tahun 2013. Sebanyak tiga (3) tajuk auditan bagi tahun 2011 juga telah diselesaikan dalam tahun 2012 menjadikan jumlah keseluruhan auditan yang diselesaikan dalam tahun 2012 adalah sebanyak 20 tajuk.

4. PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN

Dalam tahun 2012, PPj telah menyiapkan projek-projek pembangunan seperti berikut:

- i. Pembangunan Litar Lalulintas (DeCare) Presint 7;
- ii. Kompleks Futsal Presint 18; dan
- iii. Kiosk Informasi dan Makanan di Persiaran Perdana

5. PEMBANGUNAN SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pada tahun 2012 beberapa penambahbaikan Sistem Pengurusan Kewangan dan Sumber Manusia Bersepadu (ERMIS/SAP) telah dilaksanakan iaitu:

- i. Melaksanakan proses kelulusan baucer bayaran secara atas talian dengan penggunaan teknologi digital signature yang dapat memendekkan masa kelulusan baucer bayaran dan menjimatkan penggunaan kertas.
- ii. Membangunkan modul e-PR dan e-Inden dimana proses perolehan yang melibatkan mengeluarkan pesanan perolehan (PO) dan inden kerja (IK) dilaksanakan secara berkomputer. Penggunaan e-PR dan e-Inden ini telah memperlihatkan suatu kemajuan yang baik dalam pengurusan kewangan kerana ianya mampu merekodkan semua aktiviti-aktiviti perolehan bermula dari permohonan sebutharga hingga ke proses pembayaran.

6. PELAN STRATEGIK ICT

Bagi menyokong visi dan misi PPj, ICT perlu memainkan peranan penting sebagai *enabler* dan pemangkin kepada mempercepatkan proses kerja dan penyampaian perkhidmatan. Pelan Strategik

ICT (ISP) yang menggariskan inisiatif-inisiatif ICT yang perlu dilaksanakan dalam tempoh empat (4) tahun (2012-2015) telah disediakan dan diluluskan serta dilancarkan pada 19 Julai 2012.

Enam (6) Petunjuk Prestasi (PP) telah ditetapkan bagi memastikan pelaksanaan ICT di PPj dapat diukur dan dipantau prestasinya serta sebanyak 40 inisiatif dan projek ICT yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan pada 2012 sehingga 2015. Pelaksanaan ini akan dibuat secara berperingkat mengikut kepada keutamaan (priority) dan sumber kewangan yang ada.

7. KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk “Menyemarak Inovasi Inklusif”, PPj turut mengorak langkah ke arah membudayakan inovasi dengan menggalakkan penubuhan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK), dan salah satu kumpulan iaitu Kumpulan Hortus dari Jabatan Landskap dan Taman telah berjaya menjadi Johan peringkat Wilayah Persekutuan bagi kategori teknikal. Seterusnya kumpulan ini telah terpilih bagi mewakili Wilayah Persekutuan ke Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan ke-29 pada 5-7 November 2012.



8. PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

8.1 Penguatkuasaan Undang-Undang

Dalam usaha PPj untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang perbandaran di Putrajaya, Manual Penguatkuasaan Perbadanan Putrajaya telah diterbitkan untuk kegunaan pegawai penguatkuasa dalam meningkatkan mutu penguatkuasaan. Ia juga bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan undang-undang dibuat secara berkesan dan berhemah serta aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan secara telus dan mematuhi kehendak undang-undang.

8.2 Pendakwaan dan Litigasi

Jumlah keseluruhan kompaun yang telah diproses pada tahun 2012 adalah sebanyak 39,491 saman. Sebanyak 9,668 kertas siasatan telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk mendapatkan izin pendakwaan.

9. PENGURUSAN ADUAN

Sepanjang tahun 2012, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menerima sebanyak 1,120 aduan. PPj telah berjaya menyelesaikan keseluruhan aduan yang diterima melalui sistem “Customer Relationship Management” (CRM). Prestasi pematuhan kepada tempoh penyelesaian aduan bagi tahun 2012 adalah 84% di mana sebanyak 940 aduan dari 1,120 aduan yang diterima telah berjaya diselesaikan dalam tempoh 15 hari.

JADUAL 1 PRESTASI PEMATUHAN KEPADA TEMPOH PENYELESAIAN ADUAN BAGI TAHUN 2012

| TEMPOH PENYELESAIAN ADUAN | BIL. ADUAN DITERIMA | % |
|---------------------------|---------------------|-------------|
| 1 hari | 76 | 7% |
| 0 – 5 hari | 228 | 20% |
| 6 – 10 hari | 313 | 28% |
| 11 – 15 hari | 323 | 29% |
| JUMLAH KECIL | 940 | 84% |
| 16 – 20 hari | 86 | 8% |
| 21 – 25 hari | 44 | 4% |
| 26 – 30 hari | 18 | 2% |
| >30 hari | 32 | 3% |
| Jumlah Kecil | 180 | 16% |
| JUMLAH KESELURUHAN | 1,120 | 100% |

10. PENGURUSAN LANDSKAP DAN TAMAN

Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Lembaga Penyelidikan Dan Pembangunan Perhutanan Malaysia melalui Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengadakan kerjasama pintar (smart partnership) dalam bidang pengurusan hutan bandar, landskap, rekreasi dan pendidikan alam sekitar, dengan termeterinya Memorandum Persefahaman (MoU) bagi tempoh 5 tahun antara kedua-dua pihak tersebut pada 13 April 2012. Melalui MoU ini, PPj dan FRIM bersetuju untuk melaksanakan program-program penyelidikan dan pembangunan berkaitan pengurusan pokok-pokok bandar dan pembangunan kesedaran mengenai kepentingan kawasan hijau di Putrajaya.

Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) juga mengadakan kerjasama pintar (smart partnership) dalam bidang-bidang berpotensi untuk diterokai bersama, dengan termeterinya Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak pada 26 Januari 2012. Dengan ini, PPj boleh menggunakan kepakaran penyelidik, latihan, kemudahan makmal sains tanah, kaji serangga dan penyakit tumbuhan, pembangunan reka bentuk, pusat sumber, kajian ekologi dan kemudahan UPM manakala pihak UPM pula boleh menggunakan lapangan Putrajaya termasuk Tasik dan Wetland sebagai tapak kajian akademik.

11. PROGRAM LOCAL AGENDA 21 (LA21)

Beberapa program Local Agenda (LA) Putrajaya yang berlandaskan konsep “place making” amalan 3R, pemeliharaan alam sekitar dan amalan “green living” ditingkatkan lagi pada sepanjang tahun 2012 dengan penglibatan lebih ramai rakan kongsi LA 21 yang terdiri daripada wakil komuniti, NGO, wakil sektor swasta dan agensi awam. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Pembinaan Surau Komuniti Presint 14
- ii. Program Produk Kitar Semula (Beg Banner) Penduduk Apartment Fasa 4B Presint 8
- iii. Kebun Komuniti Putrajaya
- iv. Program Anugerah Sekolah Hijau (Lestari) Putrajaya 2012
- v. Pembangunan Promosi dan “Capacity Building” LA 21 Putrajaya

12. PROJEK PUTRAJAYA PERINTIS BANDAR HIJAU

Putrajaya telah menetapkan tahun 2025 sebagai tahun sasaran untuk merealisasikan pencapaian Putrajaya sebagai sebuah Bandar Hijau.

Ke arah tersebut, Kajian Pelan Tindakan Bandar Hijau Putrajaya telah dimulakan pada Ogos 2011 dan laporan akhir telah disediakan pada Mac 2012. Berdasarkan kepada kajian 12 langkah 'counter measures' yang dicadangkan di dalam Dokumen Putrajaya Green City 2025: Baseline and Preliminary Study (PGC2025), pasukan kajian tersebut merumuskan dan telah menyediakan 'roadmap' bagi sektor-sektor tersebut seperti berikut:

- i. Building & Energy (11 tindakan dan 33 program);
- ii. Urban Transport (16 tindakan dan 38 program);
- iii. Solid Waste Management (12 tindakan dan 22 program); dan
- iv. Urban Environment (4 tindakan dan 7 program).

13. PENGURUSAN PENGANGKUTAN DAN TRAFIK

Pengurusan pengangkutan dan trafik di Putrajaya di pecahkan kepada fungsi-fungsi berikut:

- i. Perkhidmatan Bas Nadi Putra;
- ii. Perkhidmatan Tempat Letak Kereta; dan
- iii. Keselamatan Jalan Raya.

Peningkatan pengguna bas Nadi Putra terus meningkat sebanyak 4% dari 4,254,839 penumpang pada tahun 2011 kepada 4,598,439 penumpang. Ini jelas membuktikan kesediaan pengguna untuk berubah mod pengangkutan daripada kenderaan persendirian kepada kenderaan awam jika perkhidmatannya adalah memuaskan.

Penggunaan tempat letak kereta (TLK) berbayar juga kian bertambah khususnya penggunaan pas bulanan oleh warga kerja Kementerian/Jabatan. Nyata operasi ini memberi kemudahan kepada pengunjung dan kakitangan kompleks pejabat kerajaan.

Peningkatan penggunaan pengangkutan awam dan TLK turut menyumbang kepada pengurangan kesesakan lalulintas di beberapa jalan utama di Putrajaya. Di samping itu, pelaksanaan Lorong Khas Bas di Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah membantu melegakan pergerakan bas dan trafik di sepanjang laluan tersebut dan mengurangkan kes-kes kemalangan jalan raya.

Bilangan kemalangan maut yang menunjukkan sedikit penurunan di Putrajaya pada tahun 2012, namun PPj tetap berusaha untuk meningkatkan kesedaran awam tentang isu keselamatan jalan raya ini. Kejayaan utama ialah dengan terbentuk sepasukan komuniti

Presint 8 Putrajaya yang menggelarkan kumpulan mereka sebagai "Road Safety Crew" dalam usaha membantu PPj dan agensi penguatkuasa untuk menggandakan kempen keselamatan jalan raya ini.

Pewujudan "Community Based Programme" merupakan salah satu kejayaan besar yang dicapai oleh PPj pada tahun 2012. Pelaksanaan program ini yang melibatkan pembabitkan secara langsung warga komuniti Putrajaya khususnya komuniti Presint 8 dan 9 telah membuka lembaran baru yang lebih progresif di dalam meningkatkan kesedaran bagi menangani isu keselamatan jalan raya. Program ini dijalankan dengan usahasama PPj dengan pihak-pihak berkaitan seperti Kementerian Pengangkutan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) ini telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan program ini akan diperluaskan ke seluruh negara.

14. PROGRAM KITAR SEMULA (3R)

Program 3R iaitu pengurangan sisa, guna semula dan kitar semula (reuse, reduce & recyle) adalah merupakan sebahagian daripada sistem pengurusan sisa pepejal bersepadu yang dijalankan oleh PPj. Program kitar semula di Putrajaya telah bermula secara intensif pada Mei 2004. Ia adalah susulan daripada pengumuman Perdana Menteri menjadikan Putrajaya sebagai bandar model pelaksanaan program kitar semula kebangsaan. Program kitar semula di Putrajaya telah dibahagikan kepada 3 program utama iaitu:

- i. Program Komuniti
- ii. Program Wastewise
- iii. Program Sekolah (KITS)

Secara keseluruhannya, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada tahun 2012 adalah sebanyak 1,659,163 kg. Jumlah ini adalah meningkat berbanding tahun 2011 iaitu 1,567,735 kg. Sebanyak 90% daripada bahan yang dikumpul adalah kertas diikuti bahan-bahan lain seperti plastik, tin dan selebihnya adalah kaca, e-waste dan minyak masak terpakai. Berdasarkan jenis program yang telah dilaksanakan, program Wastewise mencatatkan kutipan tertinggi iaitu daripada berat keseluruhan bahan kitar semula dan diikuti dengan program Pusat Kitar Semula Tetap. Secara purata, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada setiap bulan adalah sebanyak 138,263.58 kg.

15. PEMBANGUNAN KOMUNITI, SUKAN DAN REKREASI

Bagi tujuan memperkasakan (empowerment) komuniti agar lebih berdikari dan berdaya maju, PPJ turut memberi penekanan kepada program pembangunan komuniti dan pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan dalam komuniti. Skop program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan Modal Insan, Kepimpinan dan Penyertaan;
- ii. Pembangunan Sosial dan Ekonomi;
- iii. Pembangunan Belia dan Remaja; dan
- iv. Pembangunan dan Merakyatkan Seni Budaya

Pada tahun 2012, penganjuran acara masih kekal sebanyak 30 program sukan yang meliputi siri Sukan Komuniti, Sukan Khas dan Sokongan. Antara program sukan yang dijalankan adalah seperti Le Tour De Langkawi, Varsity Boat Race, Putrajaya Night Marathon, Putrajaya International Waterski Championship 2012serta 4th International Hot Air Balloon Fiesta yang mendapat sambutan seramai 200,000 pengunjung.

16. MENINGKATKAN PELANCONGAN

Sejumlah 1,815,201 orang pelancong telah direkodkan hadir ke Putrajaya sepanjang 2012. Antara tempat tumpuan ialah Masjid Putra, PICC, Taman Botani, Taman Wetland, Taman Warisan Pertanian, Muzium Alam Semula jadi dan Kompleks Seri Perdana.

Bagi tujuan meningkatkan lagi jumlah pelancong datang ke Putrajaya di samping bertujuan merakyatkan Putrajaya di kalangan rakyat Malaysia, satu program baru dikenali sebagai Alami 1Putrajaya (AL1P) telah dilancarkan oleh YB Dato' Raja Nong Chik Bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada 21 Oktober 2012. Program ini bertujuan memberi peluang kepada rakyat dari pelbagai lapisan masyarakat datang melawat Putrajaya dan menikmati keindahan dan sama-sama merasakan kejayaan kerajaan dalam membangunkan sebuah bandar yang menjadi kebanggaan negara. Semenjak pelancaran program tersebut sehingga hujung Disember 2012 lebih 2,500 orang telah menyertai program tersebut.



Majlis Pelancaran ALAMI
1Putrajaya



Atas & bawah: Majlis Pelancaran
ALAMI 1Putrajaya



PERANCANGAN TAHUN 2013

1. 'VITALIZING PUTRAJAYA'

'Vitalizing Putrajaya' diinspirasi bertujuan sebagai pemacu kegiatan ekonomi yang berpotensi memberi sumbangan secara langsung yang penting kepada pertumbuhan ekonomi

Putrajaya melalui inisiatif-inisiatif yang melibatkan pembangunan serta penganjuran acara-acara antarabangsa. Sebanyak enam (6) projek akan dilaksanakan pada tahun 2013 seperti berikut:

JADUAL 2 6 PROJEK 'VITALIZING PUTRAJAYA' AKAN DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2013

| BIL | PROJEK-PROJEK | TAHUN PERLAKSANAAN |
|---------------------------------------|--|--------------------|
| PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN (DE) | | |
| 1. | Kerja-kerja Menaiktaraf Pencahayaan di Sisiran Tasik Presint 1, 2, 3, 4, 5, dan 18 | 2013 |
| 2. | Pembangunan 'Jejak Sisiran' (Fasa 1) | 2013 |
| PROJEK-PROJEK ACARA (OE) | | |
| 1. | FLORIA Putrajaya | JUN 2013 |
| 2. | Putrajaya International Islamic Art & Cultural Festival 2013 (PIACuF) | SEPTEMBER 2013 |
| 3. | Putrajaya Lighting FestivAL | NOVEMBER 2013 |
| 4. | Promosi 'Jejak Sisiran' (City Trail) | DISEMBER 2013 |

2. INOVASI

PPj juga turut menekankan aspek inovasi khususnya yang berteraskan ICT ke arah meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan dan perkhidmatan perbandaran kepada pelanggan. Antara projek inovasi yang akan dilaksanakan pada tahun 2013 adalah seperti berikut:

- i. Web TV Putrajaya (internet TV);
- ii. Membangun dan melaksanakan Sistem Pemantauan Audit ISO;
- iii. Membangunkan Arkib Digital Perbadanan Putrajaya;
- iv. Penambahbaikan Portal PPj (Portal Komuniti, Enterprise dan Perkhidmatan atas talian);
- v. Online Bulletin PPj;
- vi. Pendaftaran Karnival Pancing;
- vii. Pelaksanaan Mobile Enforcement Devices; dan
- viii. Penambahbaikan Perbadanan Putrajaya Geospatial Information Systems (PutraGeoInfo)

ACARA UTAMA TAHUN 2012

1. KARNIVAL WOW! PUTRAJAYA
(23 HINGGA 26 FEBRUARI 2012)



2. 4TH INTERNATIONAL HOT AIR BALLOON FIESTA
(15 HINGGA 18 MAC 2012)



3. FLORIA PUTRAJAYA 2012
(30 JUN HINGGA 8 JULAI 2012)



4. KARNIVAL PANCING PUTRAJAYA 2012
(30 SEPTEMBER 2012)



5. SAMBUTAN AMBANG TAHUN BARU 2013
(31 DISEMBER 2012)



+ Laporan Agensi +

PERBADANAN LABUAN (PL)

LAPANGAN TERBANG LABUAN

PERBADANAN LABUAN (PL)

INPUT LAPORAN TAHUNAN PERBADANAN LABUAN 2012



Perbadanan Labuan (PL) ditubuhkan pada 1 Julai 201, di bawah Akta 609, Akta Perbadanan Labuan 2001. Penubuhan PL merupakan hasil penggabungan dua Agensi utama iaitu Lembaga Pembangunan Labuan dan Majlis Perbandaran Labuan. PL bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan terancang melalui pembangunan sosio ekonomi yang maju dan mampan; peningkatan prasarana dan perkhidmatan yang berteras; dan menjadikan Pulau Labuan teman percutian dan perniagaan yang unik dan menarik serta memenuhi citarasa kedamaian, ketenangan, kemewahan dan cabaran.

PROGRAM TAHUN 2012

ASPEK SOSIAL DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Beberapa program telah dilaksanakan bagi pembangunan modal insan dan aspek sosial yang menasaskan penglibatan Ketua-ketua masyarakat, penduduk kampung dan pelajar-pelajar sekolah.

Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- Projek Terminal Sejahtera;
- Seminar Kerjaya Minyak dan Gas Tahun ,
- Taklimat mengenai pengimportan, pensijilan dan pelabelan anjuran Pejabat Sirim Qas International Labuan dengan kerjasama Perbadanan Labuan.

PROJEK PEMBANGUNAN

Sebanyak lapan (8) projek pembangunan telah siap dilaksanakan pada tahun 2012 seperti berikut :

- **Kawalan Hakisan Pantai Di Sekitar WP Labuan**
Projek peringkat fasa 2 yang terletak di Kg. Batu Manikar dengan komponen kerja-kerja mengorek dan menimbus pasir serta pembinaan groyne bersaiz 200m panjang dan 20m lebar. Projek ini telah disiapkan pada November 2012 dengan kos berjumlah RM9.6juta.

- **Kemudahan Infra Stor Sepusat**
PL juga telah membina sebuah stor sepusat sebagai kemudahan sokongan kepada bangunan stor milik Perbadanan Labuan di Jalan Hj. Ismail. Pembinaan stor sepusat ini turut menyediakan jalan masuk konkrit dan beberapa kemudahan lain dengan kos berjumlah RM0.7juta dan telah siap pada bulan Jun 2012.
- **Sistem Bekalan Air Dari Paip Bekalan Air Utama**
Sehingga Bangunan Eko Pelancongan Kinabenua
Projek ini menyediakan penyambungan kemudahan bekalan air dari paip bekalan air utama di Kg. Bebuloh sehingga ke bangunan restoran Eko Pelancongan Kinabenua di Jalan Kinabenua. Nilai kos projek ini berjumlah RM0.638 juta dan siap sepenuhnya pada bulan November 2012.
- **Pembinaan Apartment 8 Tingkat Di Atas Lot 113, Kg. Sg. Bangat**
Penyediaan bangunan kediaman 8 tingkat berjumlah 64 unit bagi penempatan semula setinggan di Wilayah Persekutuan Labuan. Setiap unit kediaman mempunyai 3 bilik tidur, 2 unit tandas, dapur dan ruang tamu. Kemudahan utiliti lain disediakan seperti tempat letak kereta, rumah sampah, jalan berturap, lif, elektrik dan air. Sejumlah RM12.3 juta telah diperuntukkan untuk menyiapkan projek ini dan siap pada bulan Januari 2012.
- **Kerja-Kerja Infrastruktur Industri Kecil dan Sederhana (IKS)**
Projek ini bertujuan menyediakan infrastruktur bagi kemudahan tapak Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Kawasan Perindustrian Ranca-Ranca, Wilayah Persekutuan Labuan. Komponen projek adalah menyediakan laluan berturap, parit konkrit, loji rawatan kumbahan (STP), lampu jalan dan pemasangan paip. Kos projek berjumlah RM5.9 Juta dan siap pada bulan Ogos 2012.

- **Pusat Aktiviti Homestay Kg. Bukit Kuda**

Penyediaan kemudahan inapdesa atau homestay di Kg Bukit Kuda yang mengandungi lapan (8) bilik tidur, tandas, bilik mesyuarat, pejabat dan stor. Selain itu turut dibina tembok penahan. Bangunan ini telah siap pada bulan Februari 2012 dengan kos pembinaan RM0.7juta.

- **Kiosk Kampung-Kampung**

Perbadanan Labuan juga telah menyiapkan 50 unit kiosk untuk kegunaan peniaga –peniaga kecil khusus diberikan keutamaan kepada golongan miskin. Tujuan kiosk ini dibina adalah untuk mereka yang kurang mampu agar dapat meningkatkan sumber pendapatan mereka. Projek ini berjumlah RM0.78juta dan telah siap pada bulan November 2012.

ACARA DAN PROMOSI PELANCONGAN

- **Acara Pelancongan**

PL telah mensasarkan penganjuran acara domestik dan nasional sebanyak tujuh (7) acara manakala acara antarabangsa disasarkan sebanyak dua (2) acara. PL telah berjaya mencapai sasaran ini menerusi acara-acara yang dianjurkan oleh PL dan acara-acara yang dianjurkan secara kerjasama dengan Jabatan dan Agensi lain. Penganjuran acara secara kerjasama ini turut melestarikan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS). Acara-acara yang dibuat secara NBOS ialah Cabaran Laut Antarabangsa Labuan (LISC) yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia, Bulan Bahasa

Kebangsaan yang dilaksanakan bersama Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Perarakan Berjubah UMS yang dikelolakan bersama Universiti Malaysia Sabah dan Karnival Ambang Tahun Baharu 2013 yang dianjurkan oleh Pejabat Ahli Parlimen Labuan. Sementara itu, acara Remembrance Day dan Japanese War Memorial Service masih kekal sebagai tarikan utama pelancong dari Australia dan Jepun mengunjungi Labuan. Manakala ASEAN Oil and Gas Expo lebih menonjolkan Labuan sebagai hub industri minyak dan gas di peringkat antarabangsa. Selain menjadi daya tarikan pelancong, penganjuran acara-acara juga memberikan peluang kepada penduduk tempatan untuk menambah pendapatan.

JADUAL 1 ACARA DOMESTIK DAN NASIONAL 2012

| BIL | TAJUK ACARA | TARIKH |
|-----|---|--------------------------|
| 1. | Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Peringkat Labuan | Sepanjang bulan Februari |
| 2. | Program Sihat 1 Labuan Sempena Memperingati Hari Labuan | 14-15 April |
| 3. | Labuan International Sea Challenge | 27-28 April |
| 4. | Sambutan Hari Kebangsaan | 31 Ogos |
| 5. | Sambutan Hari Malaysia | 16 September |
| 6. | Festival Bulan Bahasa Kebangsaan | 17-18 Oktober |
| 7. | Perarakan Berjubah Graduan UMS | 13 Oktober |
| 8. | Karnival Ambang Tahun Baharu 2013 | 31 Disember |

JADUAL 2 ACARA ANTARABANGSA

| BIL | TAJUK ACARA | TARIKH |
|-----|----------------------|-------------------------|
| 1. | ASEAN Oil & Gas Expo | 30 Oktober – 1 November |
| 2. | Remembrance Day | 11 November |
| 3. | Japanese War Service | |
| 4. | Orion Cruise Ship | |

- **Promosi Pelancongan**

Pada tahun ini, promosi pelancongan diteruskan seperti pada tahun-tahun sebelumnya dengan menggunakan pendekatan media cetak dan media elektronik. Percetakan kalendar acara pelancongan 2012, hebahan acara-acara pelancongan melalui radio, televisyen, laman sesawang rasmi PL dan laman sosial facebook turut dijalankan. PL juga mempromosikan

Labuan di paparan media seperti Majalah Gaya Travel, The Globalist, GETZ Magazine, Malaysia Book of Record (edisi Mac dan Jun), RTM, dan akhbar tempatan. Selain itu, bagi tujuan mempromosikan pelancongan di Labuan juga, PL telah menyertai beberapa pameran pelancongan seperti berikut :

JADUAL 3 SENARAI PAMERAN PELANCONGAN YANG DISERTAI PERBADANAN LABUAN

| BIL | ANTARABANGSA | DOMESTIK |
|-----|--|---|
| 1. | Malaysia International Tourism Exchange (MITE) | MATTA Fair |
| 2. | 9th Abacus Holiday Travel Fair | Pesta Sabah |
| 3. | ASEAN Oil & Gas Expo | Karnival G2Y sempena Sambutan Hari Belia Negara |
| 4. | Malaysia Truly Asia Travel Fair | Program Jelajah Janji Ditepati (JJD) |
| 5. | BIMP-EAGA & IMT-GT Consumer Fair | Pameran Korporat sempena Perhimpunan Agung UMNO |

PROGRAM KHAS TAHUN 2011



KEY PERFORMANCE INDICATOR

ASPEK SOSIAL DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Lapan (8) teras utama yang ditetapkan pada tahun 2011 masih lagi dikekalkan dalam menyusun aktiviti yang dijadikan sebagai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Pegawai Eksekutif PL untuk tahun 2012. Namun, untuk tahun 2012, empat (4)

aktiviti telah ditambah daripada aktiviti tahun 2011 menjadikan keseluruhannya 28 aktiviti yang merangkumi fungsi utama setiap jabatan-jabatan PL. Daripada bilangan tersebut, 22 aktiviti atau 79% telah berjaya mencapai status Mencapai Sasaran untuk tiga (3) aktiviti, enam (6) aktiviti berstatus Melepassi Sasaran dan 13 aktiviti mencapai status Sangat Melepassi Sasaran. Lapan teras tersebut adalah seperti berikut :

JADUAL 4 8 AKTIVITI BERSTATUS MELEPASSI SASARAN

| BIL | PERKARA /TERAS UTAMA |
|-----|--|
| 1. | Pembangunan Modal Insan |
| 2. | Meningkatkan Produktiviti, Daya Saing dan Nilai Tambah WP Labuan |
| 3. | Meningkatkan Aktiviti Pelancongan WP Labuan |
| 4. | Membasmi Kemiskinan di WP Labuan |
| 5. | Menyelaras Sumber Dengan Keutamaan Bagi Mempastikan Penggunaan Dana yang Optima |
| 6. | Memperkasa Penggunaan Teknologi Untuk Meningkatkan Kualiti Hidup |
| 7. | Menggubal dan Melaksanakan Dasar Pemuliharaan Alam Sekitar |
| 8. | Melibatkan masyarakat Dalam Penggubalan Dasar, Pembangunan dan Aktiviti Kemasyarakatan |

PROGRAM LOCAL AGENDA 21 (LA21)

Sebanyak 18 program Local Agenda 21 (LA21) telah dilaksanakan pada tahun 2012 yang melibatkan komitmen penyertaan pelbagai pihak dan masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan. Antara aspek yang ditekankan dalam penganjuran program LA21 adalah pembangunan sosial, pembangunan alam sekitar dan pembangunan kitar semula, Senarai program yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

JADUAL 5 AKTIVITI/ PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH PASUKAN INTERIM PKB/ PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU 2012

| BIL | NAMA PROGRAM | TARIKH & TEMPAT | RAKAN KONGSI |
|-----|---|---|--|
| 1. | Program Taman Botani | 25 Februari 2012 Taman Botanical Labuan | PUSPANITA LABUAN |
| 2. | Kursus Kepimpinan Ketua-Ketua Kampung dan JKKK di WP Labuan "Agent-Lightening Speed Of Changes" | 27 – 28 Februari 2012 Dewan Mini Auditorium, Kg Layang-Layangan | JKK Kampung di WP Labuan |
| 3. | Program Beach Cleaning UMS-KAL bersama di Pantai Pancur Hitam | 31 Mac 2012 Pantau Pancur Hitam | Universiti Malaysia Sabah Kampus Labuan, JKK Kg Pohon Batu / Batu Manikar |
| 4. | Program Earth Hour | 31 Mac 2012 Dataran Labuan | Persatuan Pengakap Malaysia Labuan, Bank Rakyat, Shell, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional |
| 5. | Penanaman Pokok Serentak Seluruh Malaysia Peringkat WP Labuan | 28 April 2012 Taman Perumahan Kakitangan Awam, Kg. Bukit Kuda | Komuniti Taman Perumahan Bukit Kuda |
| 6. | Program Jejak Inovasi | 12 & 13 Mei 2012 Dewan Konvensyen, Ujana Kewangan | Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Yayasan Inovasi Malaysia, Menteri Sains Teknologi dan Inovasi Malaysia |
| 7. | Program Sambutan Hari Belia Negara dan Karnival 1Malaysia Peringkat WP Labuan | 18 – 20 Mei 2012 Kompleks Sukan Labuan | Majlis Belia Labuan |
| 8. | Perkemahan Rakan Biodiversiti 2012 Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2012 | 23 – 24 Jun 2012 Taman Pertanian Kilan | Jabatan Alam Sekitar, JKK Kampung Kilan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Taman Laut, Jabatan Hidupan Liar |
| 9. | Program Sehari Bersama Local Agenda 21 Wilayah Persekutuan dan Hari Kitar Semula | 05 – 06 Julai 2012 Hotel Grand Dorsett, WP Labuan | Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan-Dewan Perniagaan, Jabatan-Jabatan Kerajaan, Sekolah-Sekolah Menengah dan Ketua-Ketua Kampung |

| BIL | NAMA PROGRAM | TARIKH & TEMPAT | RAKAN KONGSI |
|-----|--|---|--|
| 10. | Pembersihan Taman-Taman Laut Labuan (Pengurangan Beg Plastik) | 07 Julai 2012 Pulau Rusukan Kecil dan Pulau Rusukan Besar | KPDNKK, Petronas Labuan, Jabatan Laut, MARITIM, Jabatan Perikanan |
| 11. | Program Pendidikan Lalulintas SHELL | 20 Julai 2012 Perkarangan Dewan Serbaguna Labuan | Jabatan Pelajaran, SHELL, PDRM Labuan |
| 12. | Program Toyota ECO Youth 2012 – Pembersihan Pantai Bebuloh | 09 – 13 September 2012 Kampung Bebuloh Laut | Labuan UMW Toyota, SMK Lajau JKK Kampung Bebuloh Laut |
| 13. | 10,000 Langkah Merdeka Peringkat Labuan | 09 September 2012 Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan | Jabatan Kesihatan Negeri Labuan |
| 14. | Kempen Gaya Hidup Berbasikal | 10 September 2012 Taman BOtani | Persatuan Kembara Labuan, Majlis Belia Labuan, Jabatan Pelajaran Labuan |
| 15. | Hari Ozon 2012 | 14 September 2012 Kampung Gersik | Jabatan Alam Sekitar Labuan, JKK Kampung Gersik, Lions Club, Sekolah-Sekolah Menengah |
| 16. | Program Lestari Kehijauan Kinabenuwa | 06 Oktober 2012 Jalan Kinabenuwa | Lions Club, Asian Supply Base |
| 16. | Program Kempen Pengurangan Penggunaan Plastik Local Agenda 21 Labuan | 20 Oktober 2012 Ujana Kewangan Labuan | Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Perpustakaan Awam |
| 16. | Program Gotong Royong Perdana Pembersihan Kawasan Pusat Bandar | 03 November 2012 Tanah Lapang Depan RHB Bank | Dewan-Dewan Perniagaan Labuan, Petronas, Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan, Jabatan Penerangan Labuan, Jabatan Bekalan Air, PDRM Labuan, LDA (Holding) Sdn. Bhd. |

PROGRAM TAMAN BOTANI

Taman Botani Labuan yang terkenal dengan Pokok Pulau Basong yang bernilai RM1.57 juta dari nilai hidup telah dijadikan lokasi untuk program Hari Terbuka Taman Botani anjuran bersama Perbadanan Labuan, Jabatan Pertanian dan FAMA W.P. Labuan. Pelbagai aktiviti dijalankan antaranya ialah pertandingan Botani “Battle of The Band”, demonstrasi membuat kompos, pameran sayur organik, pertandingan mewarna dan pertandingan tarik traktor. Selain itu, penanaman sebanyak 200 pokok juga telah dilaksanakan di Kg Gersik oleh peserta-peserta yang terdiri daripada ahli-ahli Persatuan Berbasikal, Jabatan Kesihatan, Syarikat-Syarikat Kontraktor Lanskap, pihak swasta dan penduduk kampung berdekatan.

EKSPLO MINYAK DAN GAS ASEAN 2012

Pada 2 - 4 November 2012, Ekspo Minyak dan Gas Asean 2012 (AGEX2012) telah diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan bertempat di bangunan Ujana Kewangan. Ini merupakan tahun kedua diadakan dengan inisiatif Perbadanan Labuan dengan sebuah syarikat penganjur dari Kuala Lumpur. Majlis Perasmian AGEX 2012 telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga turut dihadiri oleh YB Dato Raja Nong Chik bin Dato Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Ekspo Minyak dan Gas ini merupakan sebahagian Program Transformasi Ekonomi Kerajaan untuk merencanakan ekonomi di Labuan. Sebanyak 150 booth pameran telah dibuka dan terdapat penyertaan 90 syarikat berkaitan minyak dan gas antarabangsa dan domestik seperti Amerika Syarikat, Eropah, Korea, Singapura, Kuwait, Taiwan, Jepun dan lain-lain. Sepanjang tempoh expo berlangsung, seramai lebih 6000 orang pengunjung telah melawat pameran ini ekspo ini berjaya merekodkan transaksi bernilai RM80 juta.



+ Laporan Agensi +

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN (PPTGWP)

MASJID WILAYAH, KUALA LUMPUR

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN (PPTGWP)

PENGENALAN



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN (PPTGWP)

MASKOT PPTG WP

Dalam usaha meningkatkan imej Korporat PPTG WP, Maskot PPTG WP mula diperkenalkan secara umum pada 23 Mei 2012 sempena Hari Belia 2012 di Putrajaya. Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya (PTG WPPj) telah menganjurkan Pertandingan Menamakan Maskot Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP) yang disertai oleh para peserta dan pengunjung Hari Belia 2012 yang telah berlangsung selama tiga (3) hari. Pemenang pertandingan tersebut telah diraikan dan nama rasmi Maskot PPTG WP 'Mr.Smiley' dan telah dizahirkan semasa Majlis Hari Bertemu Pelanggan PPTG WP pada 7 Jun 2012.

Nama Mr.Smiley dipilih bagi menggambarkan kemesraan warga PPTG WP dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan dan stakeholders. Mascot yang dipilih merupakan seekor kucing atau nama saintifiknya felis catus menggambarkan haiwan yang jinak dan mudah mesra. Selain itu, kucing ini juga dikenali sebagai haiwan yang tidak mudah mengenal erti kalah dan berani meneroka persekitaran yang baharu. Sifat-sifat inilah yang sebenarnya membentuk frasa dan dongeng popular, "kucing mempunyai sembilan nyawa". Sememangnya kucing lebih gigih untuk hidup berbanding haiwan yang lain.



YB Menteri WPKB sedang melekatkan tag nama maskot PPTG WP iaitu 'Mr Smiley' sempena Majlis Hari Bertemu Pelanggan PPTG WP

MASCOT POSE



SISTEM PENGURUSAN INDEKS TANAH (E-SPINT)

Dalam Penambahbaikan yang telah dilaksanakan di PPTG WP ialah penggunaan Sistem Pengurusan Indeks Tanah atau dikenali sebagai e-SPINT. Sistem ini telah diperkenalkan pada tahun 2012 dan digunakan oleh Unit Teknikal. Melalui sistem ini, ia boleh merekod hakmilik Kekal, Hakmilik Sementara dan Perizaban Tanah. Selain data tersebut disimpan atau dikemaskini di dalam buku indeks pada masa sama ianya juga dikemaskini di dalam sistem e-SPINT. Rekod yang telah dikemaskini adalah rekod plot untuk Hakmilik Sementara, Rekod Lot untuk Hakmilik Kekal dan Perizaban Tanah.

SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN TANAH (SPPT)

Sistem ini dibangunkan khusus bertujuan untuk memberi perkhidmatan yang lebih komprehensif di mana pelanggan boleh mengemukakan permohonan secara atas talian dan ianya adalah lebih mudah dan selesa. Bagi memastikan kehendak pelanggan dan stakeholder's dipenuhi, Bahagian Pemberimilikan dan Pelesenan melalui beberapa inisiatif telah membangunkan beberapa sistem yang dilihat mampu memberi impak positif kepada kualiti perkhidmatan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah Membangunkan Sistem Pengurusan dan Pemantauan Tanah (SPPT) yang dijalankan dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Tanah.

Melalui sistem ini, proses permohonan, pemantauan serta pengurusan sesuatu permohonan dapat dijalankan dengan lebih cepat, tepat dan berkesan. Dengan adanya sistem permohonan secara atas talian ini, ia akan dapat mengurangkan kesilapan dalam permohonan dan menjimatkan masa pemohon dan kakitangan. Pemohon yang mengemukakan permohonan melalui sistem ini juga boleh membuat semakan status permohonan secara atas talian. Melalui pelaksanaan SPPT ini, pihak pengurusan jabatan dapat memantau kemajuan setiap permohonan. Kelancaran setiap proses kerja oleh kakitangan dapat dipantau dan dikenalpasti kelemahan yang wujud bagi memastikan tiada kelewatan dan piagam pelanggan yang telah ditetapkan dapat dicapai.

KUTIPAN HASIL TANAH MENINGKAT

Sehingga 31 Disember 2012, peratusan pungutan hasil ialah 138.62% dengan jumlah sebanyak RM409.87 juta berbanding dengan sasaran yang telah ditetapkan iaitu RM295.69 juta. Ini membuktikan dengan adanya insentif dan promosi, kutipan hasil didapati meningkat berbanding tahun sebelumnya dan telah mencapai sasaran.



Atas: Sistem Pengurusan Indeks Tanah (e-SPINT)

Bawah: Sistem Pengurusan Dan Pemantauan Tanah (SPPT)



Majlis Penyampaian Hadiah 'Jom Bayar dan Menang Cukai Tanah 2012'

INISIATIF DAN PROGRAM YANG DITERUSKAN

PROGRAM 'JOM BAYAR DAN MENANG'

Seperti tahun sebelumnya, inisiatif bagi menarik para pemilik tanah di Kuala Lumpur untuk membayar cukai tanah lebih awal, program 'Jom Bayar dan Menang' melalui cabutan bertuah telah diteruskan. Inisiatif ini dicadangkan oleh YB Menteri WPKB telah berjaya menarik minat para pemilik tanah di Kuala Lumpur seterusnya mempertingkatkan kutipan cukai tanah sejak ianya diperkenalkan. Pada tahun 2011, pemberian Potongan Bayaran Premium sebanyak 10%, 7% dan 5% mengikut bulan pertama, kedua dan ketiga telah diperkenalkan. Ianya tertakluk dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKTWPKL).

Di samping itu, untuk menggalakkan pemilik tanah membayar cukai secara atas talian (online), Kerajaan telah bersetuju dengan pemberian diskaun sebanyak 5% kepada cukai tanah dan pengurangan 50% kepada Tunggakan Denda Lewat. Sehingga 31 Disember 2012, jumlah pelanggan yang menggunakan perkhidmatan pembayaran secara atas talian (online) adalah sebanyak 26,565 dan peratusan pemilik tanah yang membayar cukai secara atas talian telah meningkat daripada 15.38 % pada tahun 2011 kepada 18.75% pada tahun 2012 dengan jumlah transaksi bernilai RM 13.39 juta berbanding sebanyak RM 7.35 juta pada tahun 2011. Ini menunjukkan impak yang positif oleh pelanggan tentang kemudahan yang telah diwujudkan oleh PPTGWP. Hasil positif ini bukan sahaja amat bermakna kepada pihak Kerajaan, tetapi apa yang penting adalah ianya turut memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat yang berurusan dengan PPTGWP.



Penceramah sedang membentangkan Kertas Seminar Transformasi Pengurusan Tanah 2012

SEMINAR TRANSFORMASI PENGURUSAN TANAH 2012

Seperti kebiasaannya, setiap tahun PPTG WP menganjurkan Seminar Pentadbiran Tanah. Bagi tahun 2012 tradisi ini diteruskan, PPTG WP dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (KESTAWI) telah menganjurkan Seminar Transformasi Pengurusan Tanah 2012 yang telah diadakan pada 21 November 2012 (Rabu) bertempat di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur. Seramai 310 peserta dari pelbagai agensi swasta, kerajaan, syarikat pembinaan dan pihak guaman telah menyertai seminar tersebut.

Seramai lima (5) orang pembentang professional dan pakar dalam bidang masing-masing telah dijemput untuk membentangkan beberapa tajuk semasa berhubung dengan transformasi pengurusan tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Antaranya tajuk yang telah dibentangkan ialah Hala Tuju Pembangunan Tanah Di Kampong Bharu dan Impaknya terhadap Pentadbiran Tanah di WPKL, Pembangunan di WPKL : Isu dan Penambahbaikan, Sistem Pengurusan dan Pemantauan Tanah (SPPT) dan Pindaan Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) -Aspek Perundangan.

+ Laporan Agensi +

MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN (MSWP)

MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN (MSWP)

PENGENALAN



Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) bertanggungjawab dalam usaha meningkatkan pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.

Usaha yang dilaksanakan oleh MSWP merangkumi pembangunan kemahiran atlet; infrastruktur sukan; pembangunan persatuan sukan; dan pemberian insentif kepada atlet sukan.

Wilayah Persekutuan (MSWP). Program ini melibatkan seramai 800 orang peserta berbasikal dari pelbagai lapisan masyarakat. Konvoi ini diadakan di tempat letak kereta Menara Seri Wilayah. Acara pelepasan konvoi ini disempurnakan oleh YBhg. Dato Hj. Ahmad Phesal bin Hj. Talib bermula dan tamat di tempat letak kereta.

PROGRAM SUKAN

1. KONVOI BERBASIKAL

Program konvoi berbasikal ini diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan telah dianjurkan oleh Majlis Sukan

Objektif bagi program ini adalah bagi memupuk semangat perpaduan di antara lapisan masyarakat serta mengajak masyarakat supaya mencuba untuk sukan berbasikal. Selain itu juga kita dapat mencari bakat di antara peserta. Program ini juga dapat memberi mendedahan dan menarik minat masyarakat yang lain untuk turut serta.





2. SUKAN MALAYSIA XV TAHUN 2012

Sukan Malaysia yang diselenggarakan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia dengan kerjasama Majlis-Majlis Sukan Negeri, Majlis Olimpik Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan dan Pertubuhan Sukan yang tertentu termasuk pihak swasta yang terlibat serta Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur telah diadakan pada 29 Jun hingga 16 Julai 2012.

Kontinjen Wilayah Persekutuan telah mendapat tempat ke-5 daripada 15 kontinjen yang bertanding. Kontinjen Wilayah Persekutuan telah memenangi 37 pingat emas, 41 perak dan 45 gangsa dan jumlah keseluruhan pingat yang telah diperolehi ialah 123 pingat. Antara atlet yang telah berjaya mencapai rekod tertinggi bagi SUKMA antaranya adalah dari acara sukan renang.

PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN

1. BENGKEL STRATEGIK PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN

Bengkel Strategik ini telah diadakan pada 4 hingga 9 September 2012 yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Penolong Pegawai Belia dan Sukan untuk meningkatkan taraf kerja. Ia juga dapat memudahkan kerja mereka dalam menguruskan hal dalam pejabat dan dapat menyenaraikan tugas-tugas mereka dengan baik dan strategik. Antaranya objektif bengkel ini adalah member pendedahan tentang surat-surat rasmi, memo dan laporan dan kerja-kerja harian di pejabat.



2. KURSUS SILAT OLAHRAGA

Bengkel Strategik ini telah diadakan pada 4 hingga 9 September 2012 yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Penolong Pegawai Belia dan Sukan untuk meningkatkan taraf kerja. Ia juga dapat memudahkan kerja mereka dalam menguruskan hal dalam pejabat dan dapat menyenaraikan tugas-tugas mereka dengan baik dan strategik. Antaranya objektif bengkel ini adalah memberi pendedahan tentang surat-surat rasmi, memo dan laporan dan kerja-kerja harian di pejabat.



3. MAJLIS PENYERAHAN INSENTIF SUKMA XV, TAHUN 2012

Majlis Penyerahan Insentif SUKMA 2012 telah diadakan pada 13 Ogos 2012 dan majlis telah disempurnakan oleh YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Penganjuran majlis ini bertujuan untuk memberi penghargaan kepada para atlet di atas kejayaan memenangi pingat di SUKMA XV, Pahang. Malah menerusi majlis ini, pengiktirafan serta galakan juga diberikan kepada pengurus, jurulatih dan persatuan-persatuan sukan di Wilayah Persekutuan a untuk terus berusaha meningkatkan prestasi masing-masing



+ Laporan Agensi +

PEJABAT PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU

BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD

PEJABAT PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU

PENGENALAN



Kampung Bharu merupakan satu-satunya kawasan yang menjadi perkampungan kaum Melayu terbesar di Kuala Lumpur. Berkeluasan 307 ekar dengan bilangan penduduk seramai 17000 orang (2010), kedudukannya di tengah-tengah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur secara keseluruhannya masih merupakan kawasan yang agak tertinggal dalam pembangunan dan amat wajar dibangunkan komprehensif dan terancang dengan tiada pemilik dan pewaris yang tertinggal dan terpinggir dalam arus pembangunan semula Kampung Bharu.

Lawatan YAB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak pada 6 Februari 2010, telah merubah pendekatan untuk membangunkan semula Kampung Bharu dengan meluluskan cadangan konsep dan kaedah pelaksanaan pembangunan semula Kampung Bharu. Lanjutan dari itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Mei 2010 telah meluluskan penubuhan Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Kamponh Bharu (Akta 733).



JADUAL A INISIATIF STRATEGIK PEMBANGUNAN SEMULA KAMPUNG BHARU 2012

| BIL | PERKARA | TARIKH SASARAN | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGO | SEP | OKT | NOV | DIS | STATUS |
|-----|--|----------------|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|--------|
| | | | | | | | | | | | | | |
| 1. | Penyediaan ruang pejabat dan pembekalan harta modal PKB | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 100% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 2. | Cadangan perjawatan PKB | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 100% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 3. | Pelantikan Anggota Pebadanan & Anggota Majlis Penasihat PKB | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 100% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 4. | Strategi Komunikasi | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 50-80% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 5. | Perundingan Joint Investment Working Group (JIWG) | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 100% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 6. | Majlis Pelancaran Rasmi PKB | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 100% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 7. | Penyediaan ABM/OBB 2013/RP3 (Pengurusan dan Pembangunan) | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 50-80% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 8. | Penyediaan pakej nota taklimat, FAQ dan latihan TOT | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 50-80% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 9. | Hari Perkhidmatan Setempat Urusan Tanah Kampung Bharu | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 50-80% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 10. | Pelaksanaan Projek-projek Touch Points | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 100% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 11. | Penggubalan Pelan Strategik dan Pelan Tindakan PKB | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 100% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 12. | Penyediaan Pelan Induk Pembangunan Kampung Baru | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 50-80% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 13. | Business Modal PKB | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 100% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 14. | Membangunkan Sistem IT dan Laman Portal PPKB (ISP-PKB) | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 50-80% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 15. | Pewujudan sistem kewangan & perakaunan PKB (Modal PIC, Lembaga Getah Malaysia) | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 50-80% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |
| 16. | Penyediaan Garis Panduan dan Kaedah Pembangunan Tanah di Kampung Bharu | 26 Mac 2012 | | | | | | | | | | | 50-80% |
| | | 1 Mei 2012 | | | | | | | | | | | |

STATUS  100%  50-80%  0-49%



Beberapa kertas kerja telah dibentangkan untuk perbincangan



PELANTIKAN ANGGOTA DAN MAJLIS PENASIHAT

PROGRAM PENYEDIAAN MODEL URUS NIAGA DAN PELAN PEMBANGUNAN TANAH KAMPONG BHARU

Program ini telah di adakan pada 7-9 Oktober 2012 di Genting Highlands, Pahang. Beberapa bentuk pembangunan hartanah dan model urusniaga telah di sediakan dalam Lab Menyediakan Garis Panduan Pembangunan Tanah Kampung Bharu tersebut.

1. Program Puncak Baharu Tapak Pasar Minggu

Tapak pasar minggu Kampung Bharu merupakan antara projek pemangkin Pembangunan Semula Kampung Bharu. PKB telah mengadakan beberapa siri perundingan bersama pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,, wakil Persatuan Peniaga dan Kebajikan Pasar Minggu dan pihak pemaju seperti Naza -TTDI.

2. Program Pembangunan Semula Pasar Raja Bot

Pembangunan Semula Pasar Jalan Raja Bot ini merupakan inisiatif yang bersifat futuristik dengan matlamat untuk mengandakan nilai dan mengukuhkan kegiatan ekonomi peniaga dan penjaja yang sudah lama bertapak disini. Nilai tambahnya ialah kualiti kebersihan, keselesaan, keceriaan dan keselamatan yang akan menjadi satu lagi destinasi pelancongan di Kuala Lumpur. Secara tidak langsung Pembangunan Semula Pasar ini akan menjadi pemangkin kepada rancangan untuk membangunkan semula Kampung Bharu.

Para peniaga dan penjaja pastinya akan mendapat manfaat dalam menjana pendapatan dan berdaya saing. Pelbagai barangan keperluan harian, barangan basah dan kering, makanan dan lain-lain dengan harga yang murah akan kekal sebagai imej Pasar Jalan Raja Bot. Beberapa siri “engagement” dengan penaja terlibat telah diadakan sebelum ini.



Atas: Pemandangan dari udara Pasar Jalan Raja Bot

Bawah: Para peniaga/penjaja hadir dalam sesi *engagement* yang diadakan di Kuala Lumpur

3. Program Mesra Rakyat

Program ini merupakan program yang bertujuan untuk mendekati dan mengetahui permasalahan dan juga pandangan penduduk Kampung Bharu. Ia juga diharapkan akan dapat membangkitkan kesedaran dan pembangunan sikap penduduk setempat agar lebih berdaya maju untuk menerima perubahan pembangunan.

Di antara aktiviti yang telah dilaksanakan melibatkan penyertaan masyarakat Kampung Bharu ialah:-

- Mesyuarat Ketua Kampung dan Pengerusi Masjid dan Surau;
- Lapan (8) Program Mesra Rakyat dalam sesi Turun Padang yang telah dilaksanakan ialah pada 12 Mei 2012;
- Forum Perdana Perpaduan Ummah Kampung Pindah bersama YADIM pada 24 Jun 2012;
- Majlis Makan anjuran NGOs PAKAM pada 7 Jun 2012
- Sumbangan Ihya Ramadhan kepada sebuah masjid dan 6 buah surau; dan
- Majlis berbuka puasa bersama YB. Menteri KWPKB pada 8 Ogos 2012.

Program mesra rakyat bersama penduduk Kampung Bharu





Sesi penerangan dan dialog bersama penduduk Kampong Bharu

PROGRAM TOUCH POINTS

Program Pembangunan Prasarana dan Utiliti dan Ameniti Sosial Kampong Bharu adalah terdiri daripada :-

a. Program Naiktaraf Jalan Utama, Jalan dan Lorong

- Jalan Raja Abdullah
- Jalan Raja Muda Abdul Aziz
- Penurapan Jalan Sungai Bharu

b. Program Naiktaraf Sistem Longkang

- Jalan Dato' Abd. Malik
- Jalan Raja Muda Musa
- Lorong Raja Mahadi
- Jalan Raja Ali

c. Program Landskap & Penanam Pokok

- Jalan Raja Abdullah
- Tanah Lapang berdekatan PERKESO

d. Program Naik Taraf Surau

- Surau Khairiaatul Islamiah Kampung Pindah
- Surau Al Hidayah Kampung Padang
- Surau Rajai'yah Kampung Paya
- Surau Rahimiah Jalan Watson.

BANTUAN MANGSA KEJADIAN TANAH MENDAP

Kejadian tanah mendap telah berlaku di Kampong Pindah yang mengakibatkan beberapa rumah di lokasi tersebut tidak selamat di duduki. Kejadian tanah mendap ini dipercayai berpunca daripada terowong yang sedia ada di kawasan tersebut tidak dapat menampung kapasiti air sehingga 200 meter sesaat akibat berlaku kejadian banjir di Kuala Lumpur berbanding keupayaannya 70 meter padu sesaat. PKB telah membantu menggerakkan aspek kebajikan dan pemulihan ke atas tapak tersebut.



Atas kiri: Projek Naiktaraf Sistem Longkang Jalan Utama dan lorong Kampong Bharu

Atas kanan: Projek Naiktaraf Lorong dan Jalan Utama Kampong Bharu

Bawah: Kejadian Tanah Mendap di Kampong Pindah, Kampong Bharu



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN
KESEJAHTERAAN BANDAR**

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100
Putrajaya, Malaysia

Tel : 603 8889 7888 Faks : 603 8888 0375

www.kwp.gov.my

